aktiviti HAJI.ai 18/6/09 7:52:20 AM

Laporan Tahunan
Tabung Haji
2008

renungan...

Ragam ibadah yang berbeza sering berada di hadapan mata kita. Namun, selepas mengangkat ikrar syahadat Muhammadarrasulullah, yang semestinya terpahat di minda adalah meneladani Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam dalam segenap aspek dan tata cara ibadah termasuklah dalam menunaikan ibadah haji.

Perjalanan ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji merupakan kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang menjadi dambaan setiap umat Islam. Haji Mabrur yang tiada balasan baginya kecuali Al-Jannah (syurga) adalah idaman semua yang melaksanakan Rukun Islam yang ke lima ini.

Atas kesedaran ini, Tabung Haji mengambil langkah serta tanggungjawab untuk membantu dan mempermudahkan umat Islam untuk melengkapkan ibadah haji dengan penghayatan yang lebih tertib dan berkesan. Tabung Haji terus berusaha untuk membantu masyarakat Islam di Malaysia mendapat keupayaan untuk melakukan ibadah ini.

19667-perutusan 1-17.indd 1 20/6/09 1:09:24 AM

Kandungan

• Visi, Misi dan Nilai Teras >> 4 >> • Ringkasan Prestasi Kewangan >> 5 >>
• Statistik >> 6 >> • Perutusan Pengerusi >> 8 >> • Maklumat Korporat >> 18

- Lembaga Pengarah
- Panel Pelaburan
- Majlis Penasihat Haji
- Barisan Pengurusan
- Carta Organisasi
- Struktur Kumpulan



19667-perutusan 1-17.indd 2 20/6/09 1:09:31 AM

- Urustadbir Korporat >> 48 >>
  - Penyata Urustadbir Korporat
  - Penyata Kawalan Dalaman
  - Laporan Jawatankuasa Audit
- Ulasan Operasi Oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif >> 64
  - Pelaburan
  - Sektor Perladangan
  - Sektor Pembinaan
  - Sektor Pembangunan Hartanah
  - Sektor Industri Pemakanan Halal
  - Sektor Pelancongan & Perkhidmatan
  - Haji
  - Perkhidmatan Pelanggan/Pendeposit
  - Program Khidmat Sosial
- Diari Tabung Haji 2008 >> 122 >>
- Penyata Kewangan >> 124 >>
- Senarai Alamat Ibu Pejabat dan Cawangan >> 186

"Telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (Al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya), dengan benar dan adil, tiada yang dapat mengubah kalimah-kalimahNya. Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(Surah Al An'aam, Ayat 115)

19667-perutusan 1-17.indd 3 20/6/09 1:09:38 AM

Visi, Misi dan Nilai Teras

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 1995, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 (Akta 8) serta Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973.

visi

Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah;
Pengurusan Haji Terbilang

misi

Dalam Mencapai Visi Tabung Haji,
KAMI Beriltizam:-

- Memperkasa Ekonomi Ummah;
- Sentiasa Giat Mencari Pelaburan Strategik Global Dan Lokal Bagi Pertumbuhan Berterusan;
- Menggembleng Dan Memperkayakan Modal Pendeposit;
- Memberi Perkhidmatan Cemerlang Yang Berterusan;
- Memudah Dan Menyempurnakan Urusan Jemaah Ke Arah Haji Mabrur; Dan
- Memberi Pulangan Yang Kompetitif, Halal Dan *Toyyiban.*

nilai teras

- Profesionalisme
- Kerja Secara Berpasukan
- Komited
- Prihatin, Mesra dan Penyayang
- Inovatif

19667-perutusan 1-17.indd 4 20/6/09 1:09:43 AM

Ringkasan Prestasi Kewangan

Tabung Haji telah merekodkan pendapatan kasar berjumlah RM1.513 bilion untuk tahun kewangan 2008. Ini merupakan tahun keempat berturut-turut Tabung Haji mencatat pendapatan melebihi RM1 bilion sejak kali pertama dicapai pada tahun 2005.

RM Juta

	2008	2007
Pendapatan	1,513	1,857
Zakat	38	37
Keuntungan Selepas Zakat	1,001	1,071
Dividen Pendeposit	900	1,051
Jumlah Aset Bersih	21,204	17,600
Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit	20,576	17,083
Kadar Dividen Khas Pendeposit	-	2%
Kadar Dividen Tahunan Pendeposit	5%	5%

Perincian Pendapatan Tabung Haji

	2008 RM Juta	2007 RM Juta
Keuntungan Urusniaga Saham	353	1,233
Pelaburan Kewangan & Simpanan Jangka Pendek	402	253
Dividen Saham	578	280
Sewa	127	67
Lain-Lain Pendapatan	53	24
	1,513	1,857

19667-perutusan 1-17.indd 5
20/6/09 1:09:43 AM

Perincian Pelaburan Tabung Haji	2008 RM Juta	2007 RM Juta
Pelaburan Ekuiti	7,886	5,820
Syarikat Bersekutu	1,637	914
Syarikat Subsidiari	1,210	847
Pembiayaan Kepada Syarikat Subsidiari	1,045	1,260
Simpanan Jangka Pendek	2,925	4,495
Pelaburan Kewangan	4,037	2,107
Hartanah	2,217	1,759
	20,957	**17,202**





19667-perutusan 1-17.indd 6
20/6/09 1:09:43 AM

Statistik







19667-perutusan 1-17.indd 7
20/6/09 1:09:44 AM



19667-perutusan 1-17.indd 8 20/6/09 1:09:45 AM

Perutusan
PENGERUSI

"Itu adalah sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Allah. Barang siapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk, dan barangsiapa disesatkanNya maka kamu tidak akan mendapatkan seseorang pemimpin yang mendapat petunjuk kepadanya."

(Surah Al Kahfi, Ayat 17)

19667-perutusan 1-17.indd 9 20/6/09 1:09:54 AM

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
Pengerusi
Lembaga Tabung Haji

19667-perutusan 1-17.indd 10 20/6/09 1:09:57 AM

Perutusan Pengerusi

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala pujian hanya tertentu bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. dan kerabat Baginda. Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, saya sebagai wakil bagi pihak Jemaah Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Haji dapat membentangkan Laporan Tahunan Tabung Haji bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Tanda-tanda dunia akan meredah kegawatan ekonomi mula berputik pada penghujung 2007 dan awal tahun 2008. Apabila nyata Amerika Syarikat akan tenggelam dalam pergolakan ekonomi bila krisis subprimanya memuncak, tanda-tanda ngeri ini bertukar menjadi kenyataan.

Gegaran keadaan buruk ekonomi di Amerika Syarikat dirasai oleh semua pihak dan syarikat-syarikat besar mengambil langkah membendung aktiviti-aktiviti bisnes masing-masing untuk menguatkan posisi kewangan mereka. Keengganan syarikat-syarikat berbelanja dan melabur seakan menyiram air sejuk ke pasaran kewangan dunia yang sedia dingin. Kesan negatif dari pergolakan ekonomi ini melarat dan dirasai oleh Malaysia dan negara-negara lain di rantau ini.

Bagi Tabung Haji, keperitan dari keadaan buruk ekonomi dunia memang dirasai, dan Tabung Haji tidak sendirian di dalam fenomena ini. Kebanyakan syarikat-syarikat di Malaysia terpaksa mengikat perut dan mengambil langkah mengecutkan aktiviti-aktiviti mereka untuk mewujudkan kekuatan kewangan bagi mengharungi keadaan tidak menentu yang dijangka akan pulih pada hujung tahun 2009.

Krisis ekonomi bukanlah perkara baru bagi Malaysia. Negara kita telah meredahnya beberapa kali dan muncul sebagai sebuah entiti yang lebih gagah setiap kali keadaan ekonomi pulih. Pengurusan kerajaan yang baik dan polisi-polisi pelaburan serta fiskal yang mantap mampu memberikan Malaysia kekuatan untuk menempuh kemelut ekonomi dengan jayanya.

Begitu juga dengan Tabung Haji. Ia mengambil pendekatan "gelas separuh penuh" dan melihat tahun 2008 sebagai tempoh untuk memantapkan strategi-strategi perniagaan, memperbaiki sebarang kelemahan dalam operasi dan meningkatkan efisiensi. Apabila ini tercapai, Tabung Haji akan lebih gagah dan lebih bersedia untuk mengambil peluang bergerak maju bila ekonomi dunia pulih dan lebih dinamik.

"Krisis ekonomi bukanlah perkara baru bagi Malaysia. Negara kita telah meredahnya beberapa kali dan muncul sebagai sebuah entiti yang lebih gagah setiap kali keadaan ekonomi pulih"

19667-perutusan 1-17.indd 11
20/6/09 1:10:03 AM

TINJAUAN KEWANGAN

Prestasi Kewangan

Tahun 2008 dilalui dengan penuh cabaran di mana dapat disaksikan kejatuhan beberapa institusi kewangan antara-bangsa di dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, namun Tabung Haji tetap berdiri utuh didukung oleh inspirasi "Marilah Menuju Kejayaan". Pelan Strategik Perniagaan 5 Tahun dan penambahbaikan berterusan jelas menjadi kekuatan kepada Warga Tabung Haji dalam usaha mencapai Misi "Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang".

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, Tabung Haji telah merekodkan pendapatan berjumlah RM1.513 bilion iaitu kali keempat berturut-turut Tabung Haji mencatatkan pendapatan melebihi RM1 bilion sejak tahun 2005. Walau bagaimanapun, angka pendapatan ini telah mencatatkan penurunan sebanyak 19% atau RM344 juta berbanding tahun 2007. Keadaan ini adalah didorong oleh penurunan dalam pendapatan yang direkodkan daripada pelaburan dalam ekuiti yang mana merupakan sumber utama pendapatan tahun 2007, kesan kelembapan pasaran ekuiti dan kemelesetan ekonomi global. Impak yang jelas sekali dapat dilihat pada prestasi pasaran saham tempatan di mana Indeks KLCI Bursa Malaysia pada penghujung 2008 yang menurun ke tahap terendah sejak krisis kewangan Asia yang berlaku pada tahun 1997/1998.

Secara amnya, sumber utama pendapatan Tabung Haji untuk tahun 2008 dijana oleh pendapatan yang berulang. Hasil dividen serta pendapatan pelaburan tetap dan pelaburan hartanah telah meraih pendapatan melebihi 60% daripada sumber pendapatan Tabung Haji bagi tahun 2008. Pendapatan utama selebihnya disumbangkan oleh keuntungan urusniaga saham dan keuntungan pasaran wang masing-masing sebanyak 23% dan 12%.

19667-perutusan 1-17.indd 12 20/6/09 1:10:04 AM

Prestasi kewangan Tabung Haji untuk tahun 2008 masih memberangsangkan dengan Keuntungan Selepas Zakat yang dicatatkan berjumlah RM1.001 bilion. Ini merupakan kali kedua berturut-turut Tabung Haji berjaya mencapai keuntungan selepas zakat melebihi RM1 bilion selepas kali pertama mencapainya pada tahun 2007. Walaupun jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM70 juta atau 7% berbanding RM1.071 bilion untuk tahun 2007, ianya masih membanggakan kerana berjaya dicapai dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Dari sudut aset ketara bersih Tabung Haji pula, terdapat peningkatan sebanyak RM3 bilion iaitu dari RM18 billion pada akhir 2007 kepada RM21 bilion pada akhir 2008, sejajar dengan peningkatan simpanan pendeposit. Ini jelas menunjukkan keyakinan para pendeposit masih lagi tinggi terhadap pengurusan Tabung Haji yang telus dan berkualiti.

Zakat

Sebagai sebuah organisasi Islam contoh, tanggungjawab membayar zakat tidak pernah diabaikan. Prestasi kewangan Tabung Haji untuk tahun 2008 ini telah mengambilkira peruntukan zakat perniagaan bagi pihak pendepositnya sebanyak RM38 juta, meningkat RM1 juta berbanding tahun 2007. Zakat perniagaan ini akan diagihkan dan dibayar ke Majlis Agama Islam atau Pusat Pungutan Zakat negeri-negeri berdasarkan purata baki terendah simpanan terkumpul pendeposit setiap negeri sepanjang tahun 2008.

Dividen Pendeposit

Berdasarkan prestasi kewangan ini, Tabung Haji telah mengisytiharkan kadar dividen pendeposit bagi tahun 2008 sebanyak 5%. Dengan pengisytiharan ini, jumlah pembayaran dividen untuk tahun 2008 adalah sebanyak RM900 juta. Kadar dividen yang diisytihar ini masih lagi memberangsangkan walaupun dalam keadaan ekonomi tidak menentu.



19667-perutusan 1-17.indd 13
20/6/09 1:10:23 AM

TINJAUAN OPERASI

Urusan Haji

Alhamdulillah, berkat doa dan komitmen semua pihak Operasi Haji bagi musim haji 1429H telah berjalan dengan jayanya. Kejayaan operasi haji musim kali ini dapat dilihat berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk umum seperti berikut:-

1. 100% jemaah haji dapat berwuquf
2. Tiada jemaah haji terhalang daripada melaksanakan ibadah haji
3. Tiada insiden kemalangan jiwa
4. Tiada kes jemaah haji hilang
5. Tiada jemaah haji terlibat dengan sebarang insiden yang membawa kepada penahanan oleh pihak berkuasa

Hari Wuquf iaitu kemuncak kepada ibadah haji jatuh pada 7 Disember 2008 (bersamaan 9 Zulhijjah 1429H) sebagaimana yang diumumkan oleh Pihak Berkuasa Arab Saudi. Operasi pergerakan jemaah haji dari Makkah-Arafah-Muzdalifah dan Mina-Makkah secara keseluruhannya berjalan baik dan lancar.

Tabung Haji akan terus berusaha untuk meningkatkan perkhidmatannya kepada jemaah haji bersesuaian dengan misinya iaitu untuk menyedia dan menyelaras semua perkhidmatan yang diperlukan bagi membolehkan umat Islam Malaysia menunaikan fardhu haji dengan sempurna, selamat dengan kos yang efektif agar mendapat haji yang mabrur.

Pengurusan Tabung Haji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan operasi Musim Haji 1429H. Kerjasama yang berterusan dan bersepadu daripada agensi/jabatan yang terlibat amat diharapkan untuk kesinambungan operasi haji pada tahun akan datang.

Urusan Pendeposit

Semangat menabung terus meningkat di kalangan rakyat Malaysia sebagaimana dapat dilihat dari kenaikan bilangan para pendeposit baru di Tabung Haji untuk tahun 2008. Pada tahun ini, seramai 310,739 ahli baru telah berdaftar dengan Tabung Haji berbanding dengan jumlah 245,926 orang pada 2007.

19667-perutusan 1-17.indd 14 20/6/09 1:10:24 AM

Negeri Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan pencatatan seramai 47,111 ahli baru. Ini membuktikan Pelan 50 Tabung Haji menunjukkan hasil yang diharapkan. Di bawah Pelan 50 yang dibuat pada tahun 2008, Tabung Haji akan menjalankan kegiatan promosi berpanjangan untuk menjadikan sekurang-kurangnya 50% daripada masyarakat Islam di Malaysia menabung di institusi ini.

Urusan Pelaburan

Pihak pengurusan Tabung Haji adalah komited dalam memastikan setiap pelaburan akan terus memberikan pulangan yang kompetitif. Dengan perancangan yang mantap dan komitmen yang tinggi dari Jemaah Lembaga Pengarah dan Ahli-Ahli Panel Pelaburan berserta dengan pengurusan pelaburan yang efektif, walaupun prospek dan sentimen pasaran tahun 2009 dijangka tidak menentu dan bercampur-campur, Tabung Haji yakin bahawa setiap pelaburan yang akan dan telah dilaksanakan memberikan pulangan jitu dan baik serta **nilai simpanan pendeposit tetap akan terlindung, Insya' Allah.**



19667-perutusan 1-17.indd 15
20/6/09 1:10:27 AM

MASA HADAPAN

Secara keseluruhannya, Tabung Haji berjaya mengharungi kelembapan aktiviti-aktiviti ekonomi pada 2008. Kepentingannya di dalam sektor-sektor pelaburan, perkhidmatan, hartanah dan perladangan memberi pulangan kasar yang agak memuaskan pada tahun itu.

Cabaran-cabaran tahun 2008 dijangka berterusan ke 2009 memandangkan keadaan ekonomi dunia masih lagi bergelut dengan kemelesetan. Namun begitu, bahang kemerosotan ekonomi global ini dijangka akan berkurangan pada 2009 kerana polisi-polisi ekonomi agresif oleh kuasa-kuasa besar, yang dilancarkan pada 2008, akan mula membuahkan hasil yang diharapkan.

Apabila ini berlaku, keyakinan para pelabur akan meningkat semula dan ini secara langsung akan melonjakkan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara-negara maju dan membangun. Keadaan ekonomi yang baik akan membuka pelbagai peluang untuk Tabung Haji merancakkan aktiviti-aktiviti perniagaannya. Sebagai sebuah institusi yang menceburi di dalam sektor-sektor tunjang ekonomi seperti pembinaan, perladangan dan perkhidmatan, Tabung Haji memang di tempat paling sesuai untuk bergerak maju bila ekonomi negara pulih semula.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) dan Kerajaan Malaysia di atas segala sokongan dan dorongan yang telah diberikan bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan Lembaga Tabung Haji.

Penghargaan yang tinggi juga diberikan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Panel Pelaburan, Majlis Penasihat Haji, Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Ahli Jawatankuasa Urusan Haji, Ahli Jawatankuasa Audit, Pengurusan Kanan Lembaga Tabung Haji dan semua anggota Lembaga Tabung Haji yang gigih bekerja untuk memastikan Tabung Haji menjadi organisasi konglomerat Islam yang unggul di Malaysia dan di peringkat global.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pendeposit. Juga tidak dilupakan para jemaah haji, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama dalam menjayakan operasi haji pada Musim Haji yang lalu.

19667-perutusan 1-17.indd 16 20/6/09 1:10:28 AM

"Akhir kata, saya menadah tangan ke hadrat Ilahi memohon agar Allah SWT mempermudah dan memberi kejayaan yang berterusan dalam semua aktiviti pengurusan haji dan perniagaan Lembaga Tabung Haji. Semoga Lembaga Tabung Haji terus unggul menjadi sebuah institusi Islam yang disegani."

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
Pengerusi
Lembaga Tabung Haji

19667-perutusan 1-17.indd 17 20/6/09 1:10:31 AM

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:18 20/6/09 1:22:03 AM

Maklumat KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

PANEL PELABURAN

MAJLIS PENASIHAT HAJI

BARISAN PENGURUSAN

CARTA ORGANISASI

STRUKTUR KUMPULAN

"(Luqman berkata:) Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau langit atau bumi, sudah tentu akan dibawa oleh Allah (untuk di hakimi dan di balasNya) kerana sesungguhnya Allah Maha Menghalusi lagi Maha Mengetahui."

(Surah Al Luqman, Ayat 16)

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:19 20/6/09 1:22:11 AM

Maklumat Korporat

AHLI LEMBAGA PENGARAH

Jemaah Lembaga Pengarah diberi kuasa di bawah Seksyen 4(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) untuk mentadbir kumpulan wang dan segala yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji. Jemaah Lembaga Pengarah ini juga merumus dasar yang berkaitan dengannya dan perkara-perkara lain yang boleh dilakukan di bawah Akta ini.

Penubuhan Jemaah Lembaga Pengarah adalah menepati ketetapan keanggotaan Lembaga seperti yang dinyatakan di Bahagian II Seksyen 6 Akta 535. Berikut adalah senarai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji sehingga tarikh Penyata Kewangan Tabung Haji 2008:

PENGERUSI

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Datuk Ismee Ismail
PJN, DSNS

WAKIL JABATAN PERDANA MENTERI

Dato' Zainol bin Othman
SIMP, JSN, DJN, AMN, PJM, BCM
(Dilantik pada 22 Julai 2008)

Datuk Mohtar bin Abas
DSPN, SDK, DJN, PKT, AMN, PJK, PJN
(Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)

WAKIL PERBENDAHARAAN

Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
BCM, ASDK, DMSM, DPSK, JMN
(Dilantik pada 2 Januari 2009)

Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh
DSAP, KMN, BCM
(Tamat tempoh lantikan pada 17 Oktober 2008)

AHLI-AHLI YANG LAIN

Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias
PJN

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin
DSNS, DIMP, JSM

Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin
DHMS, DSDK, BKM, PJK

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
DJMK, DIMP, SMP, AMP.
(Dilantik pada 1 Ogos 2008)

Dato' Muda bin Mamat
DPMT, PPN, SMT, PJK, JP
(Tamat tempoh lantikan pada 31 Julai 2008)

Dr. Zaiyadi bin Awang Noh
(Dilantik pada 1 Oktober 2008)

Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani
DJMK
(Tamat tempoh lantikan pada 30 September 2008)

Dato' Abdul Halim bin Said
DSDK, SDK, BKM, PJK.
(Dilantik pada 15 Oktober 2008)

Dato' Zamani bin Abdul Ghani
DPSK, DMSM, KMN, DSM
(Tamat tempoh lantikan pada 14 Oktober 2008)

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:20 20/6/09 1:22:14 AM

Berdiri dari kiri:

Dato' Zainol bin Othman, Dr. Zaiyadi bin Awang Noh, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin
Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor, Dato' Abdul Halim bin Said, Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin
Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias, Dato' Mohamad Norza bin Zakaria

Duduk dari kiri:

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Datuk Ismee Ismail

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:21
20/6/09 1:22:14 AM

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor

Datuk Ismee Ismail

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:22
20/6/09 1:22:25 AM

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
Pengerusi

PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP
MBA (University of Birmingham, UK)
Diploma Devt. Admin.
B. Econs (Hons) Malaya (Universiti Malaya)

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari berumur 60 tahun dan berasal dari Raub, Pahang. Beliau telah menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1974 dan telah ditempatkan di pelbagai kementerian/jabatan Kerajaan. Beliau dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Jemaah Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 8 Ogos 2007. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum bersara wajib di dalam perkhidmatan Kerajaan pada tahun 2006.

Datuk Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan
Dan Ketua Pegawai Eksekutif

PJN, DSNS
ACMA (Associate Member of The Chartered Institute of Management Accountants), CA (M)
(Chartered Accountants of Malaysia)

Datuk Ismee, 44 tahun, berasal dari Batu Pahat, Johor. Beliau berpengalaman luas di sektor swasta dengan memegang beberapa jawatan penting di beberapa organisasi, di antaranya Pengurus Besar di Arab Malaysian Development Bhd dan beberapa jawatan kewangan di Shell Malaysia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pengurus Besar Kanan Kewangan di Tabung Haji bermula Disember 2001 hingga November 2003. Kemudiannya beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di ECM Libra Securities Sdn Bhd dan Pengarah di ECM Libra Capital Sdn Bhd. Beliau menyertai semula Tabung Haji sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serentak dengan pelantikkannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2006.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:23
20/6/09 1:22:29 AM

Dato' Zainol bin Othman

Datuk Latifah
binti Datuk Abu Mansor

Prof. Dato' Dr. Abdul
Shukor bin Husin

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:24 20/6/09 1:22:30 AM

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin
Ahli-Ahli Yang Lain

DIMP, DSNS, JSM
Ph.D. Akidah dan Falsafah Islam
M.A Akidah dan Falsafah
B.A (Hons) Usuluddin, Universiti Al-Azhar
Diploma Pendidikan Ains Shams, University of Cairo

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor berumur 67 tahun dan dilahirkan di Jerantut, Pahang. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Ahli Lembaga *International Shariah Research for Islamic Finance* (ISRA), Bank Negara, Naib Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia (OIC), Timbalan Pengerusi Persatuan Intelek Islam ASEAN, Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang, Ahli Lembaga Saham Wakaf Negeri Pahang, Penilai Luar/Pemeriksa kepada beberapa universiti dalam dan luar negara dan Pengerusi Lajnah Tasheh (Lembaga Semakan Pakar), Tafsir Pedoman Muttaqin, JAKIM.

Beliau pernah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Profesor, Ketua Jabatan dan Dekan di Fakulti Pengajian Islam, Profesor Pelawat dan Penilai Luar kepada beberapa buah universiti dalam dan luar Negara, Ahli Lembaga Penasihat Shariah KFC Holdings (M) Berhad, Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Pengerusi Jawatankuasa Istilah Islam Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 15 Oktober 2004. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Kanan di Universiti tersebut dan juga Pengerusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia.

Dato' Zainol bin Othman
Wakil Jabatan Perdana Menteri

SIMP, JSM, DJN, AMN, PJM, BCM
Master of Art (Econ. Dev) (William College USA)
Ijazah Sarjana Muda Sastera (Econ) (UKM)
Dip. International Marketing & Export For Small
& Medium Size Firm (Rotterdam)
Diploma Pendidikan (UKM)
Diploma Pengurusan Awam (INTAN)

Dato' Zainol, 56 tahun, dilahirkan di Butterworth, Pulau Pinang. Beliau telah menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1978. Beliau berpengalaman luas selama lebih 30 tahun, dan pada 22 Julai 2008 beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM Gred Utama 'A'. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 22 Julai 2008. Dato' Zainol juga merupakan Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan dan juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM) dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
Wakil Perbendaharaan

BCM, ASDK, DMSM, DPSK, JMN
Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) (UKM)
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Am) (UM)

Datuk Latifah, 56 tahun, dilahirkan di Melaka. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan, pada 17 Oktober 2008. Sebelum ini, beliau pernah memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan Malaysia antaranya Timbalan Pengarah di Bahagian Pengurusan Belanjawan, Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan, Pengarah Bahagian Belanjawan sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 2 Januari 2009. Beliau adalah juga Ahli Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Ahli Panel Pelaburan KWSP, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), UDA Holdings Berhad, *Malaysia Venture Capital Development Council* dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:25
20/6/09 1:22:35 AM

Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias

Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:26 20/6/09 1:22:36 AM

Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias
Ahli-Ahli Yang Lain

PJN
Honorary Doctorate of Philosophy
in Accounting (UUM)

Datuk Dr. Abdul Samad berumur 66 tahun dan beliau dilahirkan di Muar, Johor. Beliau merupakan Bekas Presiden *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan *Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA). Penglibatan beliau dalam beberapa badan profesional bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa iaitu di Australia dan United Kingdom. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 1 Januari 2003. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga FELDA Holdings Berhad. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Malaysia Venture Capital Management Berhad, Malaysia Debt Venture Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin
Ahli-Ahli Yang Lain

DHMS, DSDK, BKM, PJK

Dato' Paduka Badruddin berumur 59 tahun dan berasal dari Yan, Kedah Darul Aman. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengerusi UTC (anak syarikat MARA Holding) (1986), FAMA (1994), Binarul Sdn Bhd (1997), Beringin Resort (1997) dan Larut Consolidated Berhad (1999). Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah KTMB (1992), TDC (1994), Kedah Cement (1996) dan MARA (1997). Beliau berkecimpung dalam arena politik tanah air apabila menjadi Ahli Parlimen Yan/Jerai sejak 1992 hingga 31 Februari 2008. Di samping itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dari 26 Disember 1999 hingga 19 Mei 2004 dan juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Pengerusi Pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) pada tahun 2006. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 1 Januari 2005 dan kini menjawat jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Malaysia pada 1 Jun 2008. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:27
20/6/09 1:22:41 AM

Dr. Zaiyadi bin Awang Noh

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria

Dato' Abdul Halim bin Said

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:28 20/6/09 1:22:41 AM

Dr. Zaiyadi bin Awang Noh
Ahli-Ahli Yang Lain

DBA (Doctor of Business Administration) IIU (EU)
MBA (Master of Business Administration) (Honolulu University)
B.Sc (Marketing) (Sourthern Illinois University)

Dr. Zaiyadi berumur 46 tahun dan dilahirkan di Bachok, Kelantan. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengerusi Majlis Sukan Daerah Bachok dari tahun 1994 hingga tahun 2000 dan telah memegang jawatan Pengerusi Yayasan Keilmuan dan Kepimpinan Kelantan dari tahun 2001 hingga 2007. Beliau juga bergiat aktif di dalam bidang politik bermula dari tahun 1993 sehingga 2001 dan telah dipilih sebagai Exco Pemuda UMNO Malaysia bagi tempoh 1996 hingga 2000. Manakala bermula dari tahun 1996 beliau telah dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO Kelantan dan sebagai Ketua Pemuda UMNO Bachok bermula dari tahun 1993 hingga 2001. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 1 Oktober 2008. Beliau kini merupakan Pengarah Eksekutif Interwater Industries (M) Sdn Bhd dan Ketua Eksekutif Arena Engineering Sdn Bhd.

Dato' Abdul Halim bin Said
Ahli-Ahli Yang Lain

DSDK, SDK, BKM, PJK.
LLB (Hons) (Universiti Malaya)

Dato' Abdul Halim berumur 50 tahun dan berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 15 Oktober 2008 dan kini merupakan Peguambela dan Peguamcara di Tetuan Abdul Halim Said & Co.

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
Ahli-Ahli Yang Lain

DJMK, DIMP, SMP, AMP.
Fellow of CPA (FCPA) (Australia)
Chartered Accountants (CA) Malaysian Institute of Accountants
Bachelor of Commerce (University of Wollongong, NSW, Australlia)

Dato' Mohamad Norza berumur 43 tahun dan dilahirkan di Alor Gajah, Melaka. Beliau pernah berkhidmat di Arthur Andersen & Co, Bank Negara Malaysia, Petroliam Nasional Berhad dan pernah menjawat jawatan Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan II dari April 2004 hingga Mac 2008. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kajian & Strategi Melayu (YKSM) bermula dari tahun 2006 hingga sekarang. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji pada 1 Ogos 2008. Kini, beliau merupakan Presiden Syarikat Citaglobal Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:29
20/6/09 1:22:46 AM

Maklumat Korporat

PANEL PELABURAN

Menurut Seksyen 11(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), Jemaah Lembaga Pengarah telah diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan satu jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang dikenali sebagai Panel Pelaburan.

Panel Pelaburan ini bertanggungjawab menasihati Jemaah Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tabung Haji ke atas keberkesanan aktiviti dan kawalan dalaman pelaburan Tabung Haji dalam usaha mempertingkatkan nilai pelaburannya serta memperolehi pulangan yang kompetitif.

Keahlian Panel Pelaburan Tabung Haji sehingga tarikh Penyata Kewangan 2008 adalah seperti berikut :

PENGERUSI

Datuk Azizan bin Abdul Rahman
DMSM

AHLI

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar
SSAP, DSAP

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
PSM, DSDK, SDK, PJN, AMN

Datin Paduka Zahridah binti Ismail
DSSA

Puan Nor Shamsiah binti Mohd Yunus

Dato' Mohzani bin Datuk Dr. Abdul Wahab
DPSJ, SMP, ASDK

Encik Abdul Kadir bin Md Kassim

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:30 20/6/09 1:22:46 AM

Datuk Azizan bin Abdul Rahman
DMSM
Pengerusi

Datuk Azizan berumur 59 tahun dan berasal dari Sungai Petani, Kedah. Beliau telah memulakan kariernya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1973 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Eksekutif Perkapalan di Harper Gilfillan (M) Sdn Bhd dan sebagai Pengurus Pemasaran di Malaysia International Shipping Corporation Berhad (MISC). Beliau kemudian menceburi bidang industri sekuriti dengan memegang jawatan Pengarah Eksekutif JF Apex Securities Berhad. Datuk Azizan telah memainkan peranan utama dalam industri sekuriti apabila menjadi Naib Presiden Persatuan Broker Saham Malaysia dan kemudiannya sebagai Presiden hampir lima tahun.

Datuk Azizan juga berpengalaman membantu penyusunan semula dan penstrukturan organisasi syarikat-syarikat seperti Tongkah Holdings Berhad, Bina Darulaman Berhad dan MBf Holdings Berhad sebagai Penasihat dan Pengarah. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji sejak 1 September 2007. Datuk Azizan juga adalah Pengerusi Eastern & Oriental Berhad, Gefung Holdings Berhad dan Isyoda Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah MBf Holdings Berhad, Nagamas International Berhad, Apex Equity Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:31
20/6/09 1:22:46 AM

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar
SSAP, DSAP
Ahli

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar berumur 45 tahun dan berasal dari Johor Bahru. Beliau mula berkhidmat di bidang pengurusan korporat dan kewangan apabila beliau menyertai Jabatan Perbankan Korporat di Bumiputra Merchant Bankers Berhad. Beliau kemudiannya menyandang jawatan sebagai Pengarah Khidmat Korporat Kumpulan dan merangkap Pengarah Bahagian, Pasaran Modal & Sekuriti di Amanah Capital Partners Berhad. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Amanah Diskaun Malaysia serta Ahli Lembaga Pengarah Amanah Merchant Bank Berhad.

Sebelum memegang jawatan terkini, beliau terlebih dahulu menyandang jawatan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Group Berhad dan UEM World Berhad serta Naib Pengerusi Eksekutif PLUS Expressways Berhad. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Telekom Malaysia Berhad sejak Julai 2004.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji sejak dilantik pada Oktober 2001. Pada masa ini Dato' Sri Abdul Wahid adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Berhad (Maybank), kumpulan perbankan terbesar di Malaysia, sejak Mei 2008. Beliau juga merupakan ahli Fellow, Association of Chartered Certified Accountants (UK) dan Ahli Institut Akauntan Malaysia. Di Maybank, Dato' Sri Abdul Wahid juga adalah Pengarah bagi beberapa syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuklah Mayban Fortis Holdings Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad.

Beliau juga seorang Ahli Lembaga Pengarah Bursa Malaysia Berhad, Cagamas Holdings Berhad, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd *(MEPS)* dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad serta Ahli Yayasan Pelaporan Kewangan Malaysia dan Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:32 20/6/09 1:22:50 AM

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
PSM, DSDK, SDK, PJN, AMN
Ahli

Tan Sri Sheikh Ghazali, 71 tahun, berasal dari Pendang, Kedah. Beliau merupakan mantan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Sepanjang kerjaya beliau, Tan Sri Sheikh Ghazali telah menyandang jawatan-jawatan penting, diantaranya ialah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Kebangsaan Perbankan Islam dan Takaful Bank Negara (Bekas Pengerusi), Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah Suruhanjaya Sekuriti, Ahli Majlis Syariah, *Accounting and Auditing Organisation Islamic Financial Institution* (AAOIFI) yang beribu pejabat di Bahrain dan Pengerusi Lembaga Penasihat Jurnal Hukum, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Selain daripada itu, beliau juga aktif di dalam aktiviti sosial melalui perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis Perundingan Ulamak Negara, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan, Ahli Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah YPEIM, Ahli Jawatankuasa Peringkat Menteri Penubuhan Mahkamah Keluarga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Syariah, Ahli Majlis Perundingan Islam Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Panel Undang-Undang Majlis Perundingan Islam Jabatan Perdana Menteri, Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji sejak bulan Oktober 2001.

Di atas sumbangan dan jasanya terhadap pembangunan ummah, Tan Sri Sheikh Ghazali telah mendapat pengiktirafan dan pengurniaan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1416, Peringkat Wilayah Persekutuan tahun 1995 dan Anugerah Penghargaan Ma'al Hijrah 1428, Peringkat Kebangsaan tahun 2007.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:33
20/6/09 1:23:05 AM

Datin Paduka Zahridah binti Ismail
DSSA
Ahli

Datin Paduka Zahridah, 62 tahun, berasal dari Selangor. Beliau telah memulakan kerjayanya di *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA) pada tahun 1967. Beliau seterusnya menceburi sektor perbankan dengan perlantikan beliau sebagai Pengurus Kanan/Setiausaha Syarikat di Bank Rakyat pada tahun 1978 dan Kwong Yik Bank Berhad (KYBB) pada tahun 1982 sebagai Pengurus Besar. Berikutan penggabungan KYBB dan D&C Bank Berhad pada tahun 1997, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan dan seterusnya Pengarah Eksekutif RHB Bank Berhad. Beliau telah memainkan peranan yang penting dalam proses-proses penggabungan dan pembangunan korporat yang dilaksanakan oleh pihak bank. Setelah berkecimpung dalam industri perbankan selama lebih 22 tahun, beliau memilih untuk bersara awal dalam tahun 2000. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji sejak Oktober 2001. Pada masa ini beliau turut merupakan Pemegang Amanah kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia.

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:34 20/6/09 1:23:11 AM

Puan Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Ahli

Puan Nor Shamsiah, 45 tahun, berasal dari Selangor. Beliau menyertai Bank Negara Malaysia pada April 1987 dan mempunyai pengalaman luas dalam merangka peraturan, dasar-dasar dan garis panduan bagi sektor perbankan. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji pada Oktober 2004. Kini, beliau merupakan salah seorang Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia. Sebagai Penolong Gabenor, beliau bertanggungjawab mengawasi dan menyelia institusi perbankan (termasuk institusi perbankan konvensional dan perbankan Islam), syarikat insurans dan Takaful, sistem pembayaran dan institusi kewangan pembangunan. Beliau juga merupakan ahli di dalam Jawatankuasa Dasar Monetari di Bank Negara Malaysia dan salah seorang Ahli Panel Pelaburan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:35
20/6/09 1:23:16 AM

Dato' Mohzani bin Datuk Dr. Abdul Wahab
DPSJ, SMP, ASDK
Ahli

Dato' Mohzani, 55 tahun, berasal dari Perlis. Beliau telah memulakan kerjayanya di Shell pada tahun 1976 dan telah berkhidmat selama 31 tahun dengan memegang pelbagai jawatan pengurusan termasuk bahagian pembekalan, pengagihan, penjenamaan dan komunikasi, pemasaran dan peruncitan di sektor hiliran termasuk dua tahun tempoh perkhidmatan di Filipina.

Beliau merupakan Pengarah Shell Malaysia dan warga negara Malaysia yang kedua memegang jawatan sebagai wakil kanan produk minyak tempatan *(Local Senior Downstream Representative)*. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd.

Di peringkat antarabangsa, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan (Cluster) dan bertanggungjawab bagi perniagaan runcit Shell di Malaysia, Singapura, Brunei dan Hong Kong. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Shell Oman Marketing mulai dari 2004-2005.

Dato' Mohzani juga telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2007. Ketika ini beliau merupakan Pengarah di Shell Malaysia Trading Sdn Bhd, Shell Timur Sdn Bhd dan sebuah syarikat tersenarai, Shell Refining Company (FOM) Bhd. Beliau juga turut memegang jawatan sebagai Pengarah di Bonus Loyalty Sdn Bhd, sebuah *Multi Party Loyalty Programme* yang terbesar di Asia dan merupakan Ahli Lembaga Pengarah PS Terminal Sdn Bhd dan PS Pipeline Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama dengan Petronas Dagangan dan Exxon/Mobil. Beliau juga memegang jawatan Pengarah di *Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group* (PIMMAG).

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:36 20/6/09 1:23:20 AM

Encik Abdul Kadir bin Md Kassim
Ahli

Encik Abdul Kadir, 69 tahun, berasal dari Taiping, Perak. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Kehakiman dan Undang-Undang dari tahun 1966 sehingga 1973. Kemudiannya beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Danamodal Nasional Berhad yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memudahkan penggulungan institusi-institusi kewangan lanjutan daripada krisis kewangan Asia. Encik Abdul Kadir telah berkhidmat di pelbagai syarikat tercatat, antaranya beliau merupakan Pengerusi Ho Hup Construction Company Berhad dan merupakan Pengarah Petroliam Nasional Berhad (Petronas), Suria Capital Holdings Berhad, UEM Group Berhad, Proton Holdings Berhad, UEM Land Holdings Berhad, TIME dotCom Berhad, Sino Hua-An International Berhad dan pernah menduduki beberapa lagi kerusi Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat swasta, yang juga berkait rapat dengan kerajaan Malaysia.

Encik Abdul Kadir merupakan Ahli Suruhanjaya Sekuriti Malaysia semenjak penubuhannya pada Februari 1993 sehingga Februari 1998, dan beliau merupakan Ahli Jawatan-kuasa di Bursa Malaysia Securities Berhad mulai dari Mac 1998 hingga April 2004. Beliau juga adalah seorang Ahli Panel Penyenaraian Bursa Malaysia.

Beliau pada masa ini merupakan Ahli Panel Pelaburan Tabung Haji mulai 1 Oktober 2007 dan rakan kongsi Tetuan Kadir, Andri & Partners. Encik Abdul Kadir juga merupakan Pengerusi *Islamic Capital Market Working Group* di Suruhanjaya Sekuriti. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Pengerusi Ahli Jawatankuasa Labuan *International Financial Exchange.*

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:37
20/6/09 1:23:27 AM

Maklumat Korporat

MAJLIS PENASIHAT HAJI

Penubuhan Majlis Penasihat Haji adalah mengikut Seksyen 11, Akta Tabung Haji (Akta 535). Majlis ini bertanggungjawab untuk menasihati Menteri Pentadbir berkenaan kebajikan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk padanya berhubung dengan isu-isu urusan haji. Majlis ini juga berfungsi memberi maklum balas kepada pengurusan Tabung Haji berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh jemaah haji di samping memberi cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada jemaah haji.

Keahlian Majlis Penasihat Haji bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:-

PENGERUSI

Tan Sri Dato' Dr. Mohd Yusof bin Mohd Noor
PSM, SPMT, DSSA, DPMT, JMN, KMN, PPT

PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Datuk Ismee Ismail
PJN, DSNS

WAKIL KEMENTERIAN KESIHATAN

Dato' Seri Dr. Mohd Nasir bin Mohd Ashraf
DPMP, ASC, DSAP

WAKIL KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Encik Ahmad Jazri bin Mohd Johar

WAKIL NEGERI

Perlis

Dato' Seri Shahidan Kassim
SPMP, SSAP, AMP

Kedah

Prof. Dato' Wira Dr. Othman bin Ishak
DGMK, DSDK

Pulau Pinang

Dato' Seri Abd Rashid bin Abdullah
DGPN, SPMP, DMPN, DSPN, DIMP, SAP, KMN, PKT, PJK

Perak

Dato' Mohd Zaim bin Abu Hassan
DPMP, AMP, PPT

Selangor

Dato' Abdul Rahman bin Palil
DSSA, KMN, AMN, PPT, PJK

Negeri Sembilan

Encik Selamat bin Paigo
PJK

Melaka

Datuk Ab Wahab bin Ab Latip
PJK, BKT

Johor

Datuk Gapar bin Gurrohu
DMSM, SMJ, KMN, AMN, PPN, PIS

Pahang

Ustaz Ahmad bin Jaafar
PKT

Terengganu

Dato' Rosol bin Wahid
DPMT, PJK

Sabah

Encik Moktar Yassin Ajam

Sarawak

Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Sanusi
JBS, PP, PSBS

LANTIKAN MENTERI

Dato' Abdul Rahman bin Mohd
DPMT, AMN, ASM, SMT, PJK, BLB

SETIAUSAHA

Ketua Jabatan Haji

Mohd Salleh bin Abd Mubin
AMN, PIS, AMT

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:38 20/6/09 1:23:31 AM

Dato' Kamarudin Mat Ali
Ketua Pegawai Operasi

Syed Saleh Syed Abdul Rahman
Pengurus Besar Kanan
Kewangan Korporat & Perkhidmatan

Mohd Salleh Abd Mubin
Pengurus Besar Kanan
Haji

Mohd Yassin Tahir
Pengurus Besar Kanan
Teknologi Maklumat

Rozaida Omar
Ketua Pegawai
Kewangan Kumpulan

Md. Noor A. Rahman
Pengurus Besar Kanan
Pelaburan

Abdul Halim Md. Jamil
Pengurus Besar Kanan
Pengurusan Hartanah
dan Pentadbiran

Datuk Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan
dan Ketua Pegawai Eksekutif

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:39
20/6/09 1:23:31 AM

Jabatan Pelaburan



Md. Noor A. Rahman
Pengurus Besar Kanan
Pelaburan

Abdul Halim Alias
Pengurus Besar
Pelaburan Ekuiti

Hamdan Rasid
Pengurus Besar
Pendapatan Tetap

Ahmad Suhaimee Ismail
Pengurus Besar
Penyelidikan Ekuiti

Siti Rohani A. Manan
Pengurus Besar
Pembangunan Pelaburan

Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi

Muhamad Rani Saidali
Pengurus Besar
Simpanan dan Pengeluaran

Tahar Pilus
Pengurus Besar
Operasi Pejabat Cawangan

Mohd Ridzuan Wahi
Pengurus Besar
Khidmat Pelanggan

Dato' Kamarudin Mat Ali
Ketua Pegawai Operasi

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:40
20/6/09 1:23:40 AM

Jabatan Haji

Mohd Salleh Abd Mubin
Pengurus Besar Kanan Haji

Mohd Khalid Nordin
Konsul Haji

Tengku Aziz Raja Abdullah
Pengurus Besar Bimbingan

Mat Admara Alang Azizdin
Pengurus Besar Agensi Haji

Ahmad Ruzman Ahmad Razali
Pengurus Besar Operasi Domestik

Shahruddin Abu Bakar
Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan Haji

Zakaria Yet
Pengurus Besar Pengurusan Haji

Jabatan Kewangan Korporat & Perkhidmatan

Syed Saleh Syed Abdul Rahman
Pengurus Besar Kanan Kewangan Korporat & Perkhidmatan

Nurrin Anuwar Shamsuddin
Pengurus Besar Kewangan Korporat

Mohamed Heikal Mohamed Yusuff
Pengurus Kanan Anak Syarikat

Mohd Anuar Othman
Pengurus Kanan Pengurusan Pelaburan

Rozila Omar Ali
Pengurus Kanan Pengawasan Korporat

Radin Adi Hilmi Radin Shamsudin
Pengurus Kanan Pelaburan Hartanah

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:41
20/6/09 1:24:08 AM

Jabatan Kewangan

Rozaida Omar
Ketua Pegawai
Kewangan Kumpulan

Adi Azuan Abdul Ghani
Timbalan Ketua Pegawai
Kewangan Kumpulan

Che Gayah Salleh
Ketua Perkhidmatan Pelaburan

Anisuati Yahya
Ketua Bahagian Perkhidmatan

Mustakim Mohamad
Ketua Pengurusan Strategik
Kewangan & Kumpulan
(Tiada gambar)

Jabatan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran

Zaini Rashid
Pengurus Besar
Pengurusan Hartanah

Norul Huda Mohd Sidek
Pengurus Besar
Pentadbiran dan Perolehan

Abdul Halim Md Jamil
Pengurus Besar Kanan
Pengurusan Hartanah dan
Pentadbiran

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:42
20/6/09 1:24:31 AM

Jabatan Sumber Manusia

Helena Hashim
Pengurus Besar
Perhubungan Anggota dan Industri

Salleh Abidin
Pengurus Besar
Pembangunan Sumber Manusia
& Kualiti

Sitti Arlina Sheikh Ali
Pengurus Besar
Pengurusan Sumber Manusia

Jabatan Teknologi Maklumat



Mohd Yassin Tahir
Pengurus Besar Kanan
Teknologi Maklumat

Rohani Abu Bakar
Pengurus Besar
Operasi

Zakariah Puteh
Pengurus Besar
Projek dan Aplikasi

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:43
20/6/09 1:24:44 AM

Pejabat Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

Azhar Nayan
Ketua Audit Dalam

Normimy Mohamed Noor
Pengurus Besar Pejabat
Pengarah Urusan Kumpulan Dan
Ketua Pegawai Eksekutif

Abdul Rashid Hussein
Pengurus Besar Hal Ehwal Awam
dan Komunikasi Korporat Kumpulan

Dr. Mohd Ridzwan Abdul Razak
Pengurus Besar Pengurusan Risiko

Hazlina Mohd Khalid
Pengurus Besar Perundangan

Mohd Hisham Harun
Pengurus Besar
Halal Integriti dan Pemasaran
Silver Bird Group
(Wakil Pengurusan Tabung Haji)

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:44
20/6/09 1:24:52 AM

Struktur Organisasi

LEMBAGA TABUNG HAJI

19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:45
20/6/09 1:24:55 AM



19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:46 20/6/09 1:24:57 AM

Struktur Kumpulan

LEMBAGA TABUNG HAJI



19667-maklumat korporat_18-47.indd Sec1:47
20/6/09 1:24:59 AM

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:48 20/6/09 2:32:14 AM

Urustadbir KORPORAT

PENYATA URUSTADBIR KORPORAT

PENYATA KAWALAN DALAMAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

"Langit yang tujuh dan bumi serta semua makhluk yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah. Dan tidak ada satu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya. Tetapi kamu sekelian tidak mengerti tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun."

(Surah Al Israa', Ayat 44)

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:49 20/6/09 2:32:33 AM

Urustadbir Korporat

PENYATA URUSTADBIR KORPORAT

Jemaah Lembaga Pengarah memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan supaya piawaian urustadbir korporat yang paling tinggi dan aplikasi yang efektif selaras dengan tatacara urustadbir yang termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan Prinsip Amalan Terbaik Urustadbir Korporat seperti yang digariskan di dalam Prinsip Kod Urustadbir Korporat Malaysia (Kod) diamalkan sebagai sebahagian asas dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam mentadbir wang pendeposit dan segala urusan berkenaan operasi haji.

Sebagai sebuah Badan Berkanun yang ditadbir di bawah aktanya sendiri, Tabung Haji tidak tertakluk kepada keperluan penyediaan Penyata Urustadbir Korporat seperti syarat-syarat penyenaraian di Bursa Malaysia bagi syarikat tercatat. Namun begitu, ianya dibuat secara sukarela atas dasar kesedaran akan tanggungjawab kepada pendeposit dan sosial terutamanya umat Islam secara keseluruhan.

Jemaah Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan kepada pendeposit mengenai cara Tabung Haji ditadbir di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), dan pada masa yang sama menerima pakai prinsip-prinsip dan ke tahap mana ia telah mematuhi amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod tersebut.

LEMBAGA PENGARAH

Tabung Haji mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh Jemaah Lembaga Pengarah di dalam memimpin hala tuju dan operasinya. Untuk memenuhi peranan ini, Jemaah Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan urustadbir korporat Tabung Haji termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat-matlamat tersebut.

Komposisi Lembaga Pengarah

Jemaah Lembaga Pengarah diketuai oleh Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Pentadbir (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan dianggotai oleh sembilan Ahli Lembaga Pengarah yang lain. Tujuh daripada sembilan Ahli Lembaga Pengarah ini juga dilantik oleh Menteri, manakala baki dua ahli masing-masing adalah wakil daripada Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Malaysia (Kementerian Kewangan). Kesemua Ahli Lembaga Pengarah (kecuali Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif) merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (tidak terlibat secara langsung dengan operasi Tabung Haji). Kesemua ahli adalah warganegara Malaysia, beragama Islam serta berpengalaman dalam pelbagai aspek seperti kewangan,

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:50 20/6/09 2:32:41 AM

ekonomi, perkhidmatan awam, perundangan dan perakaunan. Gabungan ahli ini amat penting dalam mencapai kejayaan strategik Tabung Haji secara menyeluruh.

Jemaah Lembaga Pengarah Dan Pengurusan

Terdapat pembahagian tugas yang jelas antara Jemaah Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Jemaah Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Pengerusi mendahului dalam menetapkan arah tuju strategi dan perancangan strategik di peringkat Lembaga Pengarah sementara salah seorang Pengarah, iaitu Datuk Ismee Ismail, yang telah dilantik oleh Menteri Pentadbir untuk memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Tabung Haji serta melaksanakan kesemua polisi serta strategi yang ditetapkan.

Jemaah Lembaga Pengarah dibantu oleh pihak Pengurusan dan Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan urustadbir korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Antara Jawatankuasa-jawatankuasa penting yang diwujudkan bagi membantu Jemaah Lembaga Pengarah di dalam pentadbirannya adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit
- Lembaga Tender
- Jawatankuasa Urusan Haji
- Jawatankuasa Perkhidmatan
- Jawatankuasa Tatatertib
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib
- Panel Pelaburan
- Majlis Penasihat Haji
- Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji

Integriti Jemaah Lembaga Pengarah

Keputusan Jemaah Lembaga Pengarah tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan di mana sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Pengarah yang berkenaan dikehendaki untuk mengecualikan diri dalam perbincangan dan pengundian dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan mereka, peribadi atau sebaliknya atau yang berkaitan pemegang saham yang diwakili mereka.

Persaraan Dan Perlantikan Semula

Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 6 (7) menyatakan bahawa seseorang Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji yang dilantik hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula. Lantikan bagi kesemua Ahli Lembaga Pengarah kecuali wakil dari Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Malaysia adalah dibuat secara kontrak yang tidak melebihi dua tahun dan layak dilantik semula.

Capaian Maklumat

Agenda untuk setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah, berserta laporan lengkap, kertas kerja cadangan dan dokumen sokongan daripada pihak Pengurusan diserahkan lebih awal kepada Ahli Lembaga Pengarah sebelum tarikh persidangan. Ini bagi membolehkan Ahli Lembaga Pengarah mendalami cadangan-cadangan dan isu-isu berkaitan dalam membuat keputusan yang tepat dan dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam mesyuarat.

Jemaah Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam peruntukan amalan terbaik Kod, atas perbelanjaan Tabung Haji.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:51
20/6/09 2:32:43 AM

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan dan tiga orang Ahli Lembaga Pengarah diperlukan bagi membentuk kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah. Rekod kehadiran Ahli Lembaga Pengarah bagi semua mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang 2008 adalah seperti berikut:-

Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran
Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor	9 daripada 9 mesyuarat
Datuk Ismee Ismail	9 daripada 9 mesyuarat
Dato' Zainol bin Othman *(Dilantik pada 22 Julai 2008)*	3 daripada 4* mesyuarat
Datuk Mohtar bin Abas *(Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)*	4 daripada 5* mesyuarat
Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh *(Tamat tempoh lantikan pada 17 Oktober 2008)*	4 daripada 7* mesyuarat
Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias	8 daripada 9 mesyuarat
Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin	6 daripada 9 mesyuarat
Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin	7 daripada 9 mesyuarat
Dato' Mohamad Norza bin Zakaria *(Dilantik pada 1 Ogos 2008)*	4 daripada 4* mesyuarat
Dato' Muda bin Mamat *(Tamat tempoh lantikkan pada 31 Julai 2008)*	5 daripada 5* mesyuarat
Dr. Zaiyadi bin Awang Noh *(Dilantik pada 1 Oktober 2008)*	3 daripada 3* mesyuarat
Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani *(Tamat tempoh lantikkan pada 30 Sept 2008)*	6 daripada 6* mesyuarat
Dato' Abdul Halim bin Said *(Dilantik pada 15 Oktober 2008)*	2 daripada 2* mesyuarat
Dato' Zamani bin Abdul Ghani *(Tamat tempoh lantikkan pada 14 Oktober 2008)*	6 daripada 7* mesyuarat

** Menggambarkan jumlah mesyuarat yang diadakan semasa Pengarah-Pengarah memegang jawatan*

Imbuhan Lembaga Pengarah

Seseorang Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji tidak berhak menerima apa-apa saraan tetapi boleh dibayar dengan honorarium (bayaran kehormat) dan elaun perjalanan dan sara hidup yang ditentukan oleh Menteri Pentadbir. Berikut adalah jenis-jenis bayaran yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah yang telah diluluskan oleh Menteri Pentadbir:

- Elaun Tetap Bulanan
- Elaun Bertugas Rasmi Dalam dan Luar Negeri
  1. Elaun Makan/Harian
  2. Elaun Hotel/Lojing
  3. Elaun Perjalanan
- Elaun Menghadiri Mesyuarat
- Elaun Pakaian Istiadat
- Elaun Pakaian Rasmi / *Dark Lounge Suit*

Hanya Pengarah yang menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sahaja dibenarkan untuk menerima gaji dan elaun berdasarkan jumlah yang dipersetujui oleh Menteri.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Jemaah Lembaga Pengarah telah memberikan tanggung-jawab kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah, yang beroperasi dengan bidang kuasa bertulis yang telah diluluskan, untuk meningkatkan keberkesanan operasi Tabung Haji. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah:

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:52 20/6/09 2:32:43 AM

A. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit (JKA) ditubuhkan pada 1 Januari 1989 bagi membantu Jemaah Lembaga Pengarah dalam mengkaji, menilai dan melaporkan perkara-perkara berkaitan pengauditan yang merangkumi pelan audit, polisi dan prosedur dalaman, memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan sebagainya.

Keahlian:
Pengerusi
Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias

Wakil Jabatan Perdana Menteri
Dato' Zainol bin Othman
(Dilantik pada 22 Julai 2008)

Datuk Mohtar bin Abas
(Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)

Wakil Perbendaharaan
Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
(Dilantik pada 2 Januari 2009)

Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh
(Tamat tempoh lantikan pada 17 Oktober 2008)

Ahli
Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani
(Tamat tempoh lantikan pada 30 September 2008)

B. Lembaga Tender

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menilai dan meluluskan tender-tender bagi kerja-kerja dan perkhidmatan yang diperlukan oleh Tabung Haji bagi kontrak yang bernilai RM3 juta hingga RM20 juta.

Keahlian:
Pengerusi
Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor

Ahli
Datuk Ismee Ismail

Wakil Perbendaharaan Malaysia

Dan,
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
dan Ketua Jabatan Pelaburan

C. Jawatankuasa Urusan Haji

Jawatankuasa yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kebajikan ini telah ditubuhkan di bawah Akta LUTH 1969 (Akta 8). Menurut Seksyen 18 (5) Akta tersebut, Jawatankuasa Kebajikan hendaklah dengan menurut dasar-dasar Lembaga, bertanggungjawab atas kebajikan, perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang-orang haji dan hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang diwakilkan oleh Lembaga. Jawatankuasa tersebut juga bertanggungjawab ke atas Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (TKJHM). Dengan berkuatkuasanya Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), Jawatankuasa tersebut diteruskan berdasarkan peruntukan Seksyen 11(1).

Keahlian:
Pengerusi
Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor

Ahli
Dato' Zainol bin Othman
(Dilantik pada 22 Julai 2008)

Datuk Mohtar bin Abas
(Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin

Datuk Ismee Ismail

Dan,
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
dan Ketua Jabatan Haji

D. Jawatankuasa Perkhidmatan

Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk melaksanakan Seksyen 13 dan 14 Akta Tabung Haji 1995 yang secara amnya berkenaan dengan perlantikan pegawai perkhidmatan, ejen, penasihat dan sebagainya serta kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tatatertib. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam penggubalan dasar serta pelaksanaannya di bawah arahan Ketua Pegawai Eksekutif sepertimana mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:53
20/6/09 2:32:43 AM

Keahlian:

Pengerusi

Dato' Zainol bin Othman
(Dilantik pada 22 Julai 2008)

Datuk Mohtar bin Abas
(Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)

Wakil Perbendaharaan

Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
(Dilantik pada 2 Januari 2009)
Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh
(Tamat tempoh lantikan pada 17 Oktober 2008)

Ahli

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin

Dr. Zaiyadi bin Awang Noh
(Dilantik pada 1 Oktober 2008)

Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani
(Tamat tempoh lantikan pada 30 September 2008)

Datuk Ismee Ismail

E. Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa ini telah diberi tanggungjawab dalam menimbang dan menentukan hukuman tatatertib ke atas anggota-anggota yang telah melanggar syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, selain daripada menimbang dan meluluskan pengisytiharan harta.

Keahlian:
Keahlian bagi Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa Perkhidmatan adalah sama.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:54 20/6/09 2:32:43 AM

F. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Jawatankuasa ini telah diberi tanggungjawab untuk menimbang, mendengar dan memutuskan semua rayuan daripada anggota Tabung Haji berhubung dengan pensabitan serta hukuman yang dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib. Di samping itu, Jawatankuasa ini dikehendaki untuk memeriksa dan mengkaji mana-mana keputusan pensabitan serta hukuman yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

Keahlian:

Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor

Ahli

Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias

Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin

Dato' Mohamad Norza bin Zakaria
(Dilantik pada 1 Ogos 2008)

Dato' Muda bin Mamat
(Tamat tempoh lantikan pada 31 Julai 2008)

Dato' Abdul Halim bin Said
(Tamat tempoh lantikan pada 15 Oktober 2008)

Dato' Zamani bin Abdul Ghani
(Tamat tempoh lantikan pada 14 Oktober 2008)

Selain daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah di atas, beberapa Jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan tidak melibatkan Jemaah Lembaga Pengarah juga telah diwujudkan bagi membantu di dalam pengurusan dan operasi Tabung Haji. Di antaranya ialah:

A. Panel Pelaburan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membantu Jemaah Lembaga Pengarah di dalam hal-hal berkaitan pelaburan. Berikut adalah di antara tugasan utama bagi Jawatankuasa ini:

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:55 20/6/09 2:32:46 AM

- Mengkaji dan menasihatkan pengurusan Tabung Haji berkenaan polisi dan tatacara pelaburan Tabung Haji.

- Mempertimbangkan dan meluluskan cadangan berkaitan pelaburan meliputi pembelian, penambahan dan penjualan pelaburan ekuiti jangka panjang, pelaburan hartanah dan instrumen pasaran wang, pembahagian dana bagi pelaburan, pembiayaan anak syarikat, penstrukturan pelaburan sedia ada dan pelaburan-pelaburan lain selain daripada yang dinyatakan di atas.

- Membuat kajian berkenaan keberkesanan Polisi Pembahagian Aset (Asset Allocation Policy).

- Menimbangkan dan meluluskan perlantikan dan penamatan Institusi Kewangan sebagai Pengurus Tabungan.

- Mengkaji kedudukan kewangan Tabung Haji dari semasa ke semasa dan mendapatkan nasihat daripada para profesional.

Keahlian:
Sila rujuk seksyen Panel Pelaburan Tabung Haji di bahagian Maklumat Korporat bagi keahlian Panel Pelaburan.

B. Majlis Penasihat Haji

Jawatankuasa ini bertanggungjawab di dalam menasihati Menteri Pentadbir berkenaan kebajikan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk berhubung dengan isu-isu urusan haji. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai badan pemerhati yang bertindak memberi maklumbalas kepada pengurusan Tabung Haji berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh jemaah haji di samping memberikan cadangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan urusan haji yang sedia ada.

Keahlian:
Sila rujuk seksyen Majlis Penasihat Haji di bahagian Maklumat Korporat bagi keahlian Majlis Penasihat Haji.

C. Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji

Peranan utama jawatankuasa ini ialah untuk memutuskan kedudukan hukum-hakam berkaitan isu-isu ibadat haji yang dirujukkan kepadanya dan yang ditemuinya daripada semasa ke semasa. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memberi pandangan dan nasihat kepada pengurusan Tabung Haji ke atas isu-isu berkaitan ibadat haji.

Keahlian:
Pengerusi
Dato' Hassan bin Ahmad

Ahli
Dato' Abdul Rahman bin Mohd

Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz

Dato' Nooh bin Gadot

Dato' Fadzil bin Awang

Sheikh Dr. Muhammad Uthman El- Muhammady

Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri

Prof. Madya Datin Dr. Zalikhah binti Md. Nor

Prof. Madya Dr. Anisah binti Abdul Ghani

Prof. Madya Puan Maznah binti Daud

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Jemaah Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyediakan penyata kewangan yang diaudit dan memastikan, setelah membuat pertanyaan yang munasabah mengikut pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, penyata kewangan tersebut disediakan menurut prinsip perakaunan yang diterima

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:56 20/6/09 2:32:47 AM

umum dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia serta diubahsuai menurut kehendak hukum-hukum Syarak. Jemaah Lembaga Pengarah turut memastikan kesemua laporan akaun dibentangkan secara seimbang dan komprehensif tentang kedudukan kewangan Tabung Haji dan Kumpulan kepada semua pendeposit dan juga orang ramai.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah komited dalam pelaksanaan sistem kawalan dalaman Tabung Haji. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman dibentangkan di Seksyen Penyata Kawalan Dalaman di Laporan Tahunan ini memberikan tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman.

Perhubungan Dengan Juruaudit

Jemaah Lembaga Pengarah mewujudkan satu perhubungan yang rasmi dan telus bersama Juruaudit Negara bagi Tabung Haji dan juruaudit swasta bagi syarikat subsidiari. Penemuan audit bagi Tabung Haji diajukan kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit yang penting dibentangkan secara rasmi di mesyuarat penutupan audit *(Exit Conference Meeting)* di hadapan Ketua Audit Negara dan pemantauan berterusan dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima. Penemuan audit bagi syarikat subsidiari pula dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Audit syarikat subsidiari. Peranan Juruaudit Dalam dibentangkan di seksyen Laporan Jawatankuasa Audit di Laporan Tahunan ini.

LAIN-LAIN

Komunikasi Dengan Pendeposit

Sebagai sebuah Badan Berkanun yang mempunyai tanggungjawab dan minat sosial yang besar, Jemaah Lembaga Pengarah mengiktiraf akan pentingnya Tabung Haji dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan prestasi dan perkara-perkara lain yang melibatkan kepentingan pendeposit dan orang-orang awam.

Untuk mencapai matlamat ini, kaedah yang digunakan adalah melalui kenyataan akhbar, laman web Tabung Haji www.tabunghaji.gov.my, laporan tahunan, *Tabung Haji Contact Centre (THCC)* dan lain-lain pengumuman melalui media.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:57
20/6/09 2:32:48 AM

Urustadbir Korporat

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Jemaah Lembaga Pengarah meletakkan keutamaan tinggi terhadap keperluan untuk mengekalkan keutuhan sistem kawalan dalaman bagi menjaga wang simpanan pendeposit dan aset Tabung Haji. Jemaah Lembaga Pengarah, pada dasarnya, bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat dari segi aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan.

Sistem kawalan dalaman yang berkesan akan dapat memberi jaminan yang munasabah, dan bukan jaminan mutlak, terhadap kenyataan yang tidak tepat, kerugian atau penipuan. Walau bagaimanapun, sistem kawalan ini direka bentuk bagi memastikan risiko-risiko yang dihadapi oleh Lembaga dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhan, dapat dikenalpasti dan diurus pada tahap yang sewajarnya, namun bukan untuk sama sekali menghapuskan risiko-risiko ini.

Berikut adalah unsur-unsur penting dalam kawalan dalaman Tabung Haji dan Kumpulan:

Struktur Organisasi dan Pentadbiran

- Struktur organisasi telah ditakrifkan dengan jelas berserta dengan arah aliran tanggungjawab dan akauntabiliti.

- Pelbagai jawatankuasa seperti Lembaga Tender, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Tender dan sebagainya ditubuhkan bagi membantu pihak pengurusan mengurangkan risiko kewangan, risiko pelaburan dan risiko operasi.

- Penyediaan Manual Kuasa Tabung Haji (MKTH) bagi setiap Jabatan di Tabung Haji meningkatkan lagi akauntabiliti dan memantapkan lagi kawalan dalaman. Penyediaan MKTH secara amnya menyatakan tahap dan had kuasa pengurusan yang dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Segala pindaan polisi memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, manakala segala pindaan operasi memerlukan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Bagi tujuan pematuhan MKTH, pemantauan berterusan dijalankan oleh Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Audit Dalaman. Ini bagi memastikan kawalan dalaman ini bukan sahaja wujud tetapi dilaksanakan dan berfungsi dengan sempurna.

- Bahagian Pengurusan Audit Dalam telah diwujudkan dan diberi tanggungjawab melapor terus kepada Jawatankuasa Audit sambil melaksanakan tugasan audit ke atas semua jabatan dan cawangan bagi menilai keberkesanan, kecukupan dan kebolehpercayaan kawalan dalaman serta mengetengahkan sebarang risiko yang ketara.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:58 20/6/09 2:32:48 AM

- Bagi memantau sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat subsidiari, Tabung Haji telah mengarahkan penubuhan Jabatan atau Bahagian Audit Dalaman untuk syarikat-syarikat subsidiari. Selain daripada itu, Tabung Haji juga mewakilkan sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah atau pegawai daripada pengurusan Tabung Haji bagi mengawal setiap syarikat subsidiarinya.

- Bahagian Pengurusan Audit Dalam juga membuat auditan di ibu pejabat, pejabat-pejabat cawangan dan syarikat subsidiari.

- Pemeriksaan tunai dan lawatan mengejut dibuat ke pejabat-pejabat cawangan Tabung Haji secara berterusan.

- Memantapkan fungsian Bahagian Pengurusan Risiko untuk mewujudkan budaya kesedaran dan kefahaman risiko di semua peringkat Tabung Haji.

Pelaburan

- Pelaksanaan aktiviti pelaburan dibuat melalui proses kelulusan yang mantap. Prospek-prospek pelaburan dikemukakan untuk perakuan Panel Pelaburan yang akan memberi pandangan serta nasihat untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah bagi persetujuan serta kelulusan dan seterusnya ke peringkat kelulusan Menteri.

Khidmat Pendeposit dan Operasi

- Penyediaan kemudahan perkhidmatan pengeluaran dan simpanan melalui mesin ATM dan CDM dengan kerjasama Bank Islam dan Bank Rakyat bagi membolehkan pelanggan mengendalikan sendiri urusan perbankan mereka dengan lebih mudah.

- Kaunter Bergerak *(Mobile Counter)* telah diperluaskan penggunaannya bagi membolehkan kutipan simpanan dibuat di kawasan-kawasan yang terpencil dan jauh dari pejabat Tabung Haji.

- Penggunaan khidmat *Contact Centre* dipergiatkan lagi untuk menangani sebarang pertanyaan atau aduan daripada orang awam secara lebih cekap dan berkesan.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:59
20/6/09 2:32:49 AM

Kewangan

- Proses pengemaskinian Buku Peraturan Perakaunan Tabung Haji mengikut keperluan semasa, sedang dilaksanakan dan akan memantapkan lagi kawalan dalaman.

- Sistem Pengurusan Kewangan *(Financial Management System - FMS)* juga melalui usaha penambahbaikkan berterusan memantapkan lagi sistem perakaunan dan kewangan serta pelaporan Tabung Haji.

Sistem dan Teknologi

- Perlaksanaan sistem IT *Blueprint* bagi empat sistem aplikasi utama iaitu Sistem Pendeposit, Haji, Hartanah dan Sumber Manusia, melalui usaha penambahbaikkan berterusan, memantapkan kawalan serta memastikan proses kerja berjalan dengan lebih efisien dan efektif. Selain itu Tabung Haji telah melaksanakan Sistem Perolehan Elektronik (ePS) serta memantapkan Polisi Perolehan selaras dengan pelaksanaan sistem tersebut.

- Perkembangan teknologi semasa telah dimanfaatkan sebaiknya dalam meningkatkan tahap kawalan dalaman yang sedia ada. Penggunaan Sistem 'Mykad' dan Sistem Biometrik di dalam operasi merupakan contoh peningkatan kawalan dalaman melalui penggunaan teknologi baru.

- Selain daripada pelaksanaan Sistem IT Blueprint dan FMS, proses kerja masa kini telah dipertingkatkan dengan perlaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS IS0 9001:2000. Sehingga kini Jabatan Kewangan, Kaunter Tabung Haji Cawangan Jalan Tun Razak dan Perkhidmatan Haji berjaya mengekalkan serta memperbaharui persijilan tersebut. Pengurusan Tabung Haji mempunyai komitmen untuk memperluaskan perlaksanaan SPK MS IS0 9001:2000 kepada semua Jabatan.

- Pelaksanaan amalan pengurusan terbaik ala Jepun 5S secara berterusan adalah bagi memastikan rekod dan fail sentiasa dikemaskini dan disimpan selamat. Sehingga kini Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Hartanah, Pejabat Negeri Melaka, Johor Bahru dan Seremban telah dipersijilkan.

Pengurusan Sumber Manusia

- Peningkatan tahap profesionalisme di kalangan anggota Tabung Haji dikekalkan melalui proses pengambilan, latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersesuaian. Tabung Haji telah menetapkan Indeks Penilaian Prestasi (*Key Performance Indicators* - KPI) bagi membuat penilaian tahunan ke atas pengurusan pertengahan dan tertinggi.

- Kursus pengukuhan kerja dan ceramah integriti telah diberikan kepada anggota bagi memantapkan pemahaman berkaitan prosedur kerja, dasar-dasar serta peraturan yang sedia ada di samping menerapkan sikap akauntabiliti dan pematuhan kepada prosedur dan peraturan kerja.

- Dasar pusingan kerja terutama dikalangan anggota *teller* telah dan akan dilaksanakan secara berperingkat serta berterusan.

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan sama ada di peringkat Tabung Haji mahupun Kumpulan, dan akan terus menjalankan proses mengenalpasti, menganalisa dan mengurus risiko utama yang mungkin dihadapi sepanjang tahun. Proses tersebut akan selalu dikaji oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan akan dilakukan dengan panduan Piagam Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit. Sistem kawalan dalaman yang telah dilaksanakan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan persekitaran.

Penyata ini telah disediakan sejajar dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 23 Jun 2009.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:60 20/6/09 2:32:52 AM

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 1 Januari 1989. Rujukan dan pelantikan ahli yang berkuatkuasa adalah mengikut surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1993 – Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT 2008

Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif dan berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa dan rekod kehadiran mesyuarat sepanjang tahun 2008 :

Nama	Status Jawatan	Kehadiran
Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias	• Pengerusi • Ahli Lembaga Pengarah • Ahli Institut Akauntan Malaysia	4 daripada 4 mesyuarat
Dato' Zainol bin Othman (Dilantik pada 22 Julai 2008)	• Ahli Lembaga Pengarah • Wakil Jabatan Perdana Menteri	2 daripada 2* mesyuarat
Datuk Mohtar bin Abas (Tamat tempoh lantikan pada 21 Julai 2008)	• Ahli Lembaga Pengarah • Wakil Jabatan Perdana Menteri	0 daripada 2* mesyuarat
Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh (Tamat lantikan kerana bersara pada 17 Oktober 2008)	• Ahli Lembaga Pengarah • Wakil Perbendaharaan	1 daripada 3* mesyuarat
Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani (Tamat lantikan pada 30 September 2008)	• Ahli Lembaga Pengarah	2 daripada 3* mesyuarat

**Menggambarkan jumlah mesyuarat yang diadakan semasa Pengarah-Pengarah memegang jawatan.*

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:61
20/6/09 2:32:53 AM

Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun 2008. Kuorum mesyuarat ialah dua orang ahli dan Ketua Audit Dalam sebagai setiausaha. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan Tabung Haji akan turut hadir atas jemputan daripada Jawatankuasa.

BIDANG KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat semua aktiviti yang termasuk dalam bidang kuasanya.
- Memperolehi semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya.
- Bebas memperolehi semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan semua aktivitinya.
- Bebas berhubung terus dengan juruaudit luar dan dalam serta pihak pengurusan Tabung Haji dan syarikat subsidiarinya.
- Mendapatkan khidmat nasihat profesional atau guaman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan dalam, dan sekiranya perlu tanpa kehadiran Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Tugas Dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit kepada Jemaah Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji, menilai dan melaporkan mengenai perkara-perkara berikut:

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:62 20/6/09 2:32:54 AM

- Menetapkan skop audit dan perancangan audit dalaman.
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, kawalan dalaman dan operasi yang mantap dilaksanakan.
- Memastikan juruaudit mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mereka.
- Memastikan program, proses, hasil program serta penyiasatan audit dalaman dilaksanakan dan tindakan yang bersesuaian diambil berdasarkan cadangan audit dalaman.
- Memastikan hasil kewangan suku tahun dan akhir tahun mematuhi piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain, dengan memberi penekanan kepada perubahan dalam polisi perakaunan, peristiwa-peristiwa penting dan luar biasa.
- Memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan penilaian juruaudit dalam dan luar terutamanya dalam surat pengurusan juruaudit luar dan maklumbalas pengurusan.
- Memastikan tiada sebarang urusniaga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan terhadap integriti Pengurusan Lembaga Tabung Haji.
- Mengkaji struktur Bahagian Pengurusan Audit Dalam untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya dalam melaksanakan fungsinya.
- Mengkaji dan meluluskan perubahan dalam tumpuan pengauditan daripada pendekatan audit berasaskan pematuhan kepada audit berasaskan risiko. Ini termasuklah mengkaji garis panduan audit dan kaedah pengauditan berasaskan risiko berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik.
- Mengkaji keperluan anggota dan peruntukan latihan yang diperlukan di Bahagian Pengurusan Audit Dalam, dengan memastikan Bahagian tersebut dilengkapkan dengan anggota yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan, bagi membolehkan Bahagian berkenaan memainkan peranan yang lebih efektif.

19667-urustadbir-48-63.indd Sec1:63 20/6/09 2:33:01 AM



19667-ulasan_64-123.indd Sec1:64 20/6/09 2:36:54 AM



Ulasan OPERASI

Oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan
Ketua Pegawai Eksekutif

PELABURAN

SEKTOR PERLADANGAN

SEKTOR PEMBINAAN

SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH

SEKTOR INDUSTRI PEMAKANAN HALAL

SEKTOR PELANCONGAN & PERKHIDMATAN HAJI

PERKHIDMATAN PELANGGAN/PENDEPOSIT

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL

"Dan bahawasanya Dia yang memberikan kekayaan dan memberikan kecukupan."

(Surah An Najm, Ayat 48)

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:65 20/6/09 2:37:09 AM

Ulasan Operasi

OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Datuk Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan
Dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Tabung Haji

Bersyukur kehadrat Allah SWT dengan izinNya Lembaga Tabung Haji telah berjaya mencatat prestasi agak cemerlang pada tahun 2008, satu jangka masa yang amat mencabar kepada kebanyakan pihak di negara ini berikutan kelembapan dan ketidaktentuan ekonomi global.

Tabung Haji secara tidak langsung turut merasai kesan akibat daripada krisis tersebut. Namun disebalik kegawatan ini, tersembunyi hikmah yang tersendiri di mana segala matlamat jangka panjang yang ditetapkan Tabung Haji bagi tahun ini masih tercapai.

Strategi-strategi perniagaan dan pelaburan lima tahun yang mantap telah dirangka dan diperkenalkan pada penghujung tahun 2006. Strategi tersebut dilaksanakan pada 2007, dan ia telah membantu Tabung Haji untuk menjadikan 2008 satu tahun yang masih gemilang dengan catatan pendapatan bersih melebihi angka RM1 bilion.

Pada musim haji 1429H, Tabung Haji telah mengambil langkah yang lebih efektif dalam menguruskan kesemua jemaah haji Malaysia. Tabung Haji dengan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak telah berjaya menepati sasarannya dalam menyediakan pengurusan haji yang berkesan.

Selaras dengan misi Tabung Haji untuk memberi pulangan yang halalan dan *toyibban*, sekali lagi Tabung Haji telah mampu memberi dividen yang kompetitif sebanyak 5% untuk tahun 2008. Ini melibatkan pembayaran keseluruhan sebanyak RM900 juta.

Syabas saya ucapkan kepada semua warga kerja Tabung Haji kerana sokongan padu mereka sekaligus mengizinkan Tabung Haji untuk mengharungi cabaran-cabaran 2008 dengan cemerlang, dan bersedia untuk menghadapi cabaran tahun-tahun mendatang.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:66 20/6/09 2:37:13 AM

Selain menyediakan khidmat pengurusan haji, perkhidmatan pelanggan dan tabungan, pelaburan dana juga merupakan salah satu aktiviti utama Tabung Haji.

Dana terkumpul daripada simpanan pendeposit dilaburkan untuk mendapatkan pulangan daripada urusniaga-urusniaga terpilih yang mematuhi hukum syarak.

Tanggungjawab dalam aktiviti pelaburan diterajui dan dilaksanakan oleh Jabatan Pelaburan dan Jabatan Kewangan Korporat & Perkhidmatan.

Keputusan-keputusan yang dibuat dalam aktiviti pelaburan dilaksanakan melalui proses pengawasan dan penelitian yang menyeluruh. Prospek-prospek pelaburan akan melalui beberapa peringkat sebelum kelulusan akhir diberikan di peringkat Menteri. Dalam membuat keputusan pelaburan, Tabung Haji dibantu oleh Panel Pelaburan bebas.

Para ahli panelnya terdiri daripada golongan korporat, pakar-pakar ekonomi, pelaburan dan perundangan syariah. Panel ini juga akan membantu dari segi nasihat dan pandangan bagi setiap prospek pelaburan, di samping membantu dalam merangka dan melaksanakan polisi dan prosedur pelaburan baru.

Proses penilaian dan kelulusan pelaburan

Menteri	Kelulusan pelaburan
Lembaga Pengarah	Persetujuan atas cadangan pelaburan
Mesyuarat *Post-Council*	Susulan atas nasihat dan komen Panel Pelaburan
Panel Pelaburan	Perakuan atas kertas cadangan pelaburan
Mesyuarat *Pre-Council*	Perbincangan dan analisis kertas cadangan pelaburan
Jawatankuasa Penilaian Portfolio	Pengurusan pelaburan
Pengurusan Risiko	Penilaian risiko pelaburan

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:67
20/6/09 2:37:17 AM

PELABURAN EKUITI

Pelaburan ekuiti merupakan salah satu pelaburan utama Tabung Haji. Sehingga 31 Disember 2008, nilai buku bersih pelaburan ekuiti berjumlah hampir RM10.7 bilion dan mendominasi alokasi aset melebihi 50%. Dengan jumlah pelaburan yang besar ini, Tabung Haji memegang saham dalam 180 buah syarikat tercatat, 53 syarikat tidak tercatat dan 16 buah anak syarikat (termasuk satu syarikat subsidiari tercatat).

Pasaran saham Malaysia telah memulakan tahun 2008 dengan teguh, sambungan daripada prestasi baik 2007. Walau bagaimanapun, bermula daripada suku kedua tahun 2008, harga-harga saham di Bursa Malaysia telah mula menunjukkan kemerosotan kesan daripada krisis kewangan global.

Dalam setengah tahun kedua 2008, kemelesetan ekonomi mula melanda negara-negara maju dan mengakibatkan kejatuhan harga-harga komoditi.

Pasaran saham negara-negara pengeluar komoditi utama seperti Malaysia juga telah mengalami kejatuhan mendadak. Pergerakan Indeks Komposit (KLCI) dan Indeks Syariah (FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah) sepanjang 2008 adalah seperti yang ditunjukkan pada carta-carta berikut.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:68 20/6/09 2:37:21 AM

Carta: Pergerakan Indeks Syariah (FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah) 2008

Carta: Pergerakan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), 2008



19667-ulasan_64-123.indd Sec1:69
20/6/09 2:37:45 AM

Keuntungan urusniaga saham dalam tahun 2008 telah menunjukkan penurunan sebanyak RM880 juta atau 71% daripada RM1.23 bilion untuk tahun 2007 kepada RM353 juta untuk tahun 2008. Selain itu, pelaburan ekuiti juga telah menjana sejumlah RM578 juta pendapatan hasil dividen, meningkat melebihi 100% berbanding pada tahun 2007. Keuntungan daripada urusniaga saham dan pendapatan dividen daripada pelaburan ekuiti menyumbang masing-masing 23% dan 38% kepada jumlah keseluruhan pendapatan yang direkodkan oleh Tabung Haji untuk tahun 2008.

PENYELIDIKAN PELABURAN

Bahagian Penyelidikan Pelaburan Tabung Haji bertanggungjawab mengkaji dan menyelidik syarikat-syarikat tercatat di Bursa Malaysia untuk menilai dan mengenalpasti peluang-peluang pelaburan. Ia juga terlibat dalam memantau petunjuk-petunjuk ekonomi serta hala tuju pasaran ekuiti di dalam dan luar negara dalam merangka strategi pelaburan.

Antara perkembangan-perkembangan mutakhir yang diteliti termasuklah pengumuman-pengumuman syarikat, statistik Bank Negara dan pertubuhan-pertubuhan industri, serta laporan-laporan kewangan suku tahunan syarikat.

Bahagian ini juga kerap membuat lawatan ke pelbagai syarikat tercatat untuk memperoleh maklumat terkini secara terus daripada pengurusan syarikat. Hasil daripada kajian dan penyelidikan ini, laporan-laporan akan disediakan dan taklimat harian diberi kepada pengurus-pengurus dana.

Dalam tahun 2008, Bahagian Penyelidikan Pelaburan telah mengenalpasti beberapa peluang pelaburan. Antaranya, Tabung Haji telah meningkatkan pegangan pelaburan di dalam beberapa syarikat tercatat dalam sektor pemakanan, barangan pengguna serta minyak dan gas.

PEMBANGUNAN PELABURAN

Penawaran Awal Awam (IPO)

Tabung Haji adalah merupakan salah satu dari institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk melanggan ekuiti Bumiputera dalam syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia. Tawaran-tawaran pelaburan IPO diterima melalui agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat kewangan.

Dalam tahun 2008, Tabung Haji telah melanggan dua IPO daripada 15 tawaran yang telah ditawarkan kepada Tabung Haji dengan jumlah pelaburan sebanyak RM10.3 juta. IPO yang dilanggan terdiri daripada sebuah syarikat di Papan Utama dalam sektor perkhidmatan manakala sebuah syarikat lagi di Papan Kedua, juga dalam sektor perkhidmatan.

IDB Infrastructure Fund (IIF)

Pelaburan dalam IIF dibuat di negara-negara ahli *Islamic Development Bank* (IDB) dalam projek-projek infrastruktur seperti tenaga, air, utiliti, telekomunikasi, pengangkutan dan petrokimia. IIF diuruskan oleh *Emerging Market Partnership (EMP),* Bahrain.

Pelaburan ini dibuat secara konsortium dengan dana-dana berkaitan kerajaan daripada negara-negara Islam. Tabung Haji berperanan sebagai ketua konsortium yang menguruskan segala urusan pembayaran pelaburan dan pengagihan keuntungan dan dividen. Sehingga akhir tahun 2008, Tabung Haji telah menerima pulangan pelaburan terkumpul daripada IIF sebanyak RM24.5 juta.

Dana Ekuiti Swasta Berlandaskan Syariah

Tabung Haji telah mendapat kelulusan dan melabur dalam dana ekuiti swasta berlandaskan syariah di dalam dan luar negara pada tahun 2008.

Pelaburan dana dalam negeri tertumpu kepada sektor-sektor seperti pendidikan, makanan, pertanian, perkhidmatan dan barangan pengguna dengan sasaran pulangan pelaburan sebanyak 20%. Di luar negara pula, dana pelaburan ekuiti persendirian yang berlandaskan syariah tertumpu kepada syarikat-syarikat di rantau Asia, Timur Tengah dan Afrika Utara. Fokus pelaburan tersebut adalah pada sektor-sektor strategik seperti telekomunikasi, media, teknologi, penjagaan kesihatan, pemprosesan makanan halal, peruncitan, pendidikan, pembuatan dan pengurusan bahan buangan. Bagi dana ekuiti swasta luar negara, Tabung Haji mensasarkan purata pulangan pelaburan sebanyak 20% hingga 25%.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:70 20/6/09 2:37:46 AM

Sekuriti Pendapatan Tetap

Pelaburan Tabung Haji dalam sekuriti pendapatan tetap merangkumi pelaburan dalam bon dan kertas komersial, serta pembiayaan kepada syarikat subsidiari dan korporat. Sehingga 31 Disember 2008, nilai buku bersih keseluruhan pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap adalah berjumlah RM3.3 bilion, iaitu 16% daripada alokasi aset Tabung Haji.

Saiz pasaran sekuriti pendapatan tetap di Malaysia bagi tahun 2008 meningkat kepada RM542 bilion bagi kedua-dua bon kerajaan dan korporat, di mana 37% daripadanya adalah berlandaskan syariah.

Industri Makanan Halal

Tabung Haji telah mengenalpasti sektor pemakanan halal sebagai sebuah pelaburan strategik selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan industri ini. Perniagaan yang dikenalpasti termasuklah pemprosesan makanan dan minuman, ternakan daging dan tenusu, kosmetik, penjagaan kesihatan dan farmasi. Tabung Haji akan juga mencari peluang pelaburan strategik di dalam syarikat-syarikat pemakanan yang berpotensi untuk berkembang.

Perbankan Islam

Pelaburan Tabung Haji dalam sektor perbankan Islam diterajui oleh BIMB Holdings Berhad (BHB), syarikat bersekutunya yang tercatat di Bursa Malaysia. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008, BHB telah mencatatkan perolehan sebanyak RM1.43 bilion atau peningkatan 16.3% berbanding RM1.23 bilion pada tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum zakat dan cukai pula adalah sebanyak RM379.6 juta atau peningkatan 36.7% berbanding RM277.6 juta pada tahun sebelumnya. Seterusnya, BHB telah membayar dividen sebanyak 1.45% selepas cukai bagi tahun kewangan 2008.

Keputusan memberangsangkan BHB dijana oleh anak syarikat, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) yang merupakan pelopor dan peneraju pasaran industri perbankan Islam di Malaysia.

Bank Islam mencatatkan perolehan sebanyak RM1.18 bilion (meningkat 16.8% berbanding RM1.01 bilion tahun sebelumnya) sementara keuntungan sebelum zakat dan cukai pula adalah sebanyak RM316.9 juta (peningkatan 49.5% berbanding RM212.0 juta tahun sebelumnya).

Bank Islam dan Tabung Haji juga telah melaksanakan usaha sama strategik melalui Sistem Integrasi *Auto Teller Machine (ATM)* dan *Cash Deposit Machine (CDM)* Bank Islam pada 15 April 2008 bagi memudahkan pendeposit-pendeposit Tabung Haji untuk menguruskan wang simpanan mereka melalui ATM dan CDM Bank Islam.

Ini merupakan salah satu penambah nilai khidmat pelanggan khususnya ke atas para pendeposit Tabung Haji dan pemegang-pemegang akaun Bank Islam.

Ekuiti Persendirian

Tabung Haji telah mengenalpasti ekuiti persendirian sebagai sumber pelaburan yang berpotensi bagi menjana pendapatan yang berterusan dan pulangan jangka panjang kepada Tabung Haji.

Setakat ini, Tabung Haji telah mengenalpasti sebuah pelaburan dalam perniagaan konsesi yang dijangka memberi pulangan yang menguntungkan kepada Tabung Haji. Selain itu, Tabung Haji akan terus meneroka pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkhidmatan yang dapat menjamin pertumbuhan yang berterusan seperti sektor kesihatan, pendidikan dan industri pemakanan.

Pelaburan Hartanah

Dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif dalam pasaran yang semakin mencabar, Tabung Haji telah kembali aktif dalam mencari peluang pelaburan hartanah. Pendekatan berhati-hati dan bersifat selektif dalam menilai sesuatu pelaburan telah memberi ruang kepada Tabung Haji untuk memilih pelaburan yang berpotensi dalam memberikan pulangan yang diharapkan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:71
20/6/09 2:37:46 AM

Dengan pendekatan ini juga, Tabung Haji dapat memainkan peranannya sebagai tunggak ekonomi ummah dengan pemilikan hartanah yang strategik.

Tabung Haji bercadang membeli bangunan pejabat Lityan yang terletak di Peremba Square, Saujana Resort, Selangor melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 30 Oktober 2008. Bangunan ini akan terus disewa oleh Lityan untuk kegunaan ibu pejabatnya.

Tabung Haji juga telah mendapat kelulusan bagi pembelian bangunan pejabat 38 tingkat di Platinum Park berhampiran dengan KLCC yang akan dibangunkan oleh TTDI Development Sdn Bhd, sebuah syarikat pemaju hartanah.

Dengan keluasan lantai 359,000 kaki persegi dan dijangka siap pada tahun 2013, bangunan berprestij ini akan dapat memenuhi keperluan ruang pejabat gred A dan permintaan penyewa di lokasi yang terkemuka ini.

Di luar negara, khususnya di bandar Makkah dan Madinah, Arab Saudi, Tabung Haji terus berusaha mencari pelaburan yang dapat memberi pulangan baik dan mencapai objektif menyediakan kemudahan penginapan jemaah haji yang selesa semasa musim haji pada harga yang berpatutan.

Pada bulan Mei 2008, Tabung Haji telah berjaya memeterai perjanjian memajak Hotel Movenpick di Madinah selama 10 tahun untuk kegunaan jemaah haji Malaysia semasa musim haji dan terbuka untuk semua jemaah umrah ketika di luar musim haji.

Dalam tahun 2008, Tabung Haji bertindak memantau pelaburannya dalam projek pembangunan Hajar Tower, di Makkah yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2009.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:72 20/6/09 2:37:47 AM

PERKEMBANGAN PELABURAN 2008

1. Peningkatan Keluasan Ladang Kelapa Sawit Tabung Haji Di Kalimantan, Indonesia

Dalam tahun 2008, kumpulan Tabung Haji telah meningkatkan keluasan ladang daripada 145,835 hektar kepada 175,835 hektar dengan pengambilalihan kawasan baru seluas 30,000 hektar di Kalimantan Timur, Indonesia. Ini juga sejajar dengan perancangan jangka panjang untuk membesarkan saiz perladangan dan seterusnya membangunkan kawasan-kawasan baru perladangan kelapa sawit di Indonesia dan Malaysia.

2. Merungkai Nilai Pelaburan Tabung Haji Dalam Syarikat Sabaco Sdn Bhd Dan Ladang Bukit Belian Sdn Bhd

Dalam tahun 2008, Tabung Haji telah melaksanakan strategi merungkai nilai pelaburannya dalam Syarikat Sabaco Sdn Bhd dan Ladang Bukit Belian Sdn Bhd kepada TH Plantations Berhad (TH Plantations). Strategi ini merupakan tindakan yang berterusan ke atas aset perladangan Tabung Haji supaya lebih efisien dan fokus serta mewujudkan suatu tanda nama perniagaan yang berkaitan dengan syarikat perladangan kelapa sawit.

3. Penyusunan Semula PT Synergy Oil Nusantara (PTSON)

Dalam usaha menyusun semula struktur pegangan saham dalam PTSON, syarikat kini diletakkan di bawah PT TH Indo Plantations (THIP). Pemindahan ini dijangka akan mewujudkan nilai positif PTSON dalam strategi pemasaran dengan menjadikannya sebahagian daripada Kumpulan THIP. Di samping itu, THIP bakal menjadi sebuah syarikat pengeluar minyak sawit bersepadu dengan aktiviti hiliran di dalam pengeluaran dan pemasaran barangan keluaran minyak sawit yang ditapis.

4. Penambahan modal BHB dan Bank Islam

Tabung Haji dan BHB kini dalam proses menambah pelaburan dalam Bank Islam melalui langganan sejumlah RM324 juta saham baru *Convertible Redeemable Non-Cummulative Preference Shares* bagi tujuan menguatkan modal saham Bank Islam. Cadangan pemodalan semula Bank Islam dijangka akan dimuktamadkan pada bulan September 2009.

5. Penstrukturan semula Lityan Holdings Berhad (Lityan)

Tabung Haji adalah pemegang saham terbesar dalam Lityan, sebuah syarikat pemegang pelaburan manakala anak-anak syarikatnya terlibat dalam *System Integration and Telecommunication*. Pada masa ini Lityan masih diklasifikasi sebagai syarikat tersenarai di bawah nota amalan 17 (PN17) oleh Bursa Malaysia.

Tabung Haji telah menerajui inisiatif pemuliharaan Lityan sejak tahun 2007 bagi memulihkan syarikat dan mengekalkan statusnya sebagai syarikat tercatat. Inisiatif ini terkandung dalam Cadangan Skim Penstrukturan Semula Lityan yang melibatkan penstrukturan keseluruhan modal syarikat termasuk pembatalan dan penggabungan saham-saham biasa. Cadangan penstrukturan semula dijangka akan memperolehi kelulusan Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2009.

Pelaburan Tabung Haji dalam Lityan adalah satu strategi jangka panjang yang akan membolehkan Tabung Haji memegang kepentingan dalam Lityan dan seterusnya menjadikan Lityan sebagai anak syarikat yang akan menerajui penglibatan Tabung Haji dalam sektor Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Ini akan membolehkan Tabung Haji terlibat secara langsung dalam sektor teknologi maklumat melalui pelaburan strategik dalam Lityan dengan sumber kepakaran dan pengalaman di peringkat pihak pengurusan dan teknologi yang sediada.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:73
20/6/09 2:37:50 AM

Ulasan Operasi

SEKTOR PERLADANGAN

LATAR BELAKANG

Bersandarkan kepada pengalaman selama 36 tahun di dalam sektor perladangan, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji terus berkembang dan mencapai kejayaan demi kejayaan di bawah pengurusan TH Plantations Berhad yang bertindak sebagai agen pengurusan bagi Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji.

Bertitik tolak dari penubuhan Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sdn Bhd (PLLTH), yang telah diperbadankan pada 28 Ogos 1972, PLLTH telah ditukar nama kepada Tabung Haji Plantations Sdn Bhd (THPSB) pada 15 September 1997. Seterusnya pada 26 Mei 2005, THPSB telah ditukarkan kepada syarikat awam yang kini dikenali sebagai TH Plantations Berhad (TH Plantations).

Selama penubuhannya, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji telah membuktikan keupayaan dalam pembangunan dan pengurusan perladangan kelapa sawit, pemprosesan dan penjualan minyak kelapa sawit serta isirong kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia.

Sehingga 31 Disember 2008, jumlah keluasan ladang milik Kumpulan Perladangan Tabung Haji ialah sekitar 151,800 hektar. Pelaburan Tabung Haji dalam di dalam sektor perladangan diterajui oleh TH Plantations iaitu sebuah syarikat yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia.

TH Plantations mempunyai tujuh anak syarikat iaitu Ladang Bangka Ulu Sdn Bhd, TH Peladang Sdn Bhd, Zecon Plantation Sdn Bhd, THP-YT Plantation Sdn Bhd, Syarikat Sabaco Sdn Bhd, Ladang Bukit Belian Sdn Bhd dan THP Saribas Sdn Bhd.

Manakala rakan-rakan kongsi bagi syarikat usaha sama Kumpulan Perladangan Tabung Haji adalah terdiri daripada agensi-agensi negeri serta syarikat-syarikat persendirian.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:74 20/6/09 2:37:51 AM

KEKUATAN KUMPULAN PERLADANGAN MILIK TABUNG HAJI

Tahun 2008 membuktikan bahawa Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji terus komited memperkasakan visi dan misi syarikat dalam memastikan ia terus kukuh, maju dan relevan di masa hadapan.

Hala tuju

Sejajar dengan matlamat tersebut, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji telah bertindak agresif dalam merangka strategi ukuran kejayaan serta pelbagai pelan tindakan dari sudut pengurusan operasi, pengurusan modal insan, pengurusan kewangan serta pengurusan pemasaran. Ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan urustadbir yang baik serta kawal aturan yang pantas dan berkesan ke arah menjadikan Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji sebuah entiti yang terbilang serta disegani.

Kini, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji sedang berusaha untuk menambahkan keluasan kawasan ladang daripada sekitar 151,800 hektar kepada 300,000 hektar menjelang tahun 2012. Bagi mencapai matlamat ini, pihak pengurusan sedang giat melaksanakan kajian daya maju kesesuaian tanah dan operasi serta kajian daya maju kewangan dalam usahanya untuk mengenal pasti kawasan baru berpotensi dan sesuai atau mengambil alih ladang-ladang yang sedang dibangunkan.

Ke arah peningkatan efisiensi

Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji komited dalam merangka pelbagai strategi bagi meningkatkan keberkesanan operasi ladang dan kilang. Menerusi Program Peningkatan Prestasi, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji mempraktikkan amalan pengurusan baik ladang dan kilang dalam memastikan Kumpulan mencapai hasil dan pengeluaran maksimum secara berterusan. Penumpuan terhadap pemilihan bahan tanaman yang berkualiti bagi penghasilan hasil yang bermutu secara berterusan sekaligus dapat meningkatkan kualiti minyak sawit yang diproses.

Integrasi teknologi di dalam pengurusan kualiti operasi perladangan seperti penggunaan Sistem Peletakan Global (GPS) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sedang dirangka bagi menyumbang ke arah perlaksanaan operasi yang lebih efisien. Penekanan lain turut diberikan kepada pengurusan ladang secara mesra alam menerusi pengurusan makhluk perosak bersepadu. Usaha pemulihan ladang menerusi program tanaman semula turut diberi penekanan bagi menjamin hasil yang berterusan.

Modal Insan

Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada pembangunan modal insan bagi membangunkan kakitangan yang berbakat, komited dan bermotivasi. Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji giat berusaha untuk terus kompetitif dalam pasaran pekerjaan serta menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan menarik menerusi program latihan, program pengiktirafan dan kenaikan pangkat serta program kebajikan pekerja.

Tanggungjawab sosial

Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji turut prihatin terhadap kepentingan sosial dan alam sekitar. Berteraskan kepada slogan “Kesinambungan Pembangunan Ummah”, Kumpulan Perladangan Tabung Haji sentiasa melaksanakan tanggungjawab korporatnya terhadap alam sekitar, komuniti, pekerja serta pemegang-pemegang saham. Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji telah menyusun pelbagai program berhubung kesan sosial, keselamatan dan kesihatan pekerja serta perlindungan terhadap alam sekitar.

Melalui program ini, ia secara tidak langsung akan berhubung dengan pelbagai peringkat pemegang kepentingan sekaligus menggalakkan ketelusan. Selain itu, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji turut aktif di dalam pengambilan pelatih pengurusan menerusi Program Pelatih Pengurusan.

Program ini diadakan bagi tujuan memberi peluang pekerjaan kepada para graduan yang masih belum bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Program ini dijalankan selama enam bulan di mana ia dilengkapi dengan latihan dan pendedahan persekitaran pekerjaan sebenar dan dibimbing oleh para profesional yang mahir.

Kesimpulannya, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji akan terus membina kekuatan dalam memenuhi tanggungjawab terhadap para pemegang saham serta rakan kongsi Kumpulan dan komited dalam menjana kepada pembangunan ekonomi ummah serta memaksimakan pulangan pelaburan bagi kesinambungan pengwujudan nilai Kumpulan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:75
20/6/09 2:37:51 AM

PENCAPAIAN KUMPULAN PERLADANGAN MILIK TABUNG HAJI

Pengiktirafan

Pada 15 Ogos 2008, TH Plantations telah diiktiraf sebagai pemenang bagi Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG 2007 untuk sektor pertanian dan perikanan. Anugerah ini diwujudkan bagi mengiktiraf syarikat senaraian awam yang telah memberikan keuntungan ekonomi tertinggi kepada pelabur. Ini menunjukkan bahawa TH Plantations berkeupayaan menjana keuntungan ekonomi tertinggi dengan menggunakan modal perniagaan yang rendah. Keupayaan ini secara tidak langsung akan dapat menarik minat pelabur untuk melabur di dalam syarikat ini selain dapat meyakinkan pelabur membuat komitmen pelaburan memandangkan elemen ini mampu memberikan kelebihan kepada Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji dalam tempoh jangkamasa yang panjang.

Pembangunan Korporat

Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji berjaya melaksanakan pembangunan korporatnya menerusi :

i) **Proses rasionalisasi menerusi pengambilalihan 51% dan 100% ekuiti Syarikat Sabaco Sdn Bhd (SSSB) dan Ladang Bukit Belian Sdn Bhd (LBB) oleh TH Plantations dari Tabung Haji** dengan harga pembelian masing-masing sebanyak RM147.5 juta dan RM51.9 juta secara pembayaran tunai dan melalui terbitan saham baru TH Plantations. Menerusi proses rasionalisasi ini, Kumpulan TH Plantations dapat meningkatkan keluasan ladang miliknya sebanyak 9,930 hektar daripada 29,129 hektar kepada 39,059 hektar selaras dengan matlamat untuk meletakkan Kumpulan TH Plantations sebagai sebuah syarikat perladangan yang bersaiz sederhana. Penambahan keluasan ladang ini turut membaiki profil umur pokok kelapa sawit seterusnya menjadikan Kumpulan TH Plantations sebagai sebuah syarikat perladangan yang stabil dan mempunyai potensi dalam meningkatkan daya hasil. Selain itu, ia juga melibatkan penerbitan saham bonus di mana TH Plantations akan turut meningkatkan kecairan sahamnya dalam pasaran yang mana akan ada lebih ramai lagi pelabur dapat menyertai pertumbuhan TH Plantations.

Proses rasionalisasi ini juga adalah sejajar dengan hasrat Tabung Haji untuk menjadikan TH Plantations sebagai syarikat *flagship* pelaburannya dalam sektor perladangan. Keuntungan yang diperolehi dapat dimanfaatkan untuk tujuan pelaburan dalam sektor lain mahupun pelaburan dalam pembukaan ladang baru. Menerusi proses rasionalisasi ini, jumlah pegangan Tabung Haji dalam TH Plantations meningkat daripada 60.07% kepada 67.89%.

ii) **Penjualan Ladang Semilajau (6,692 hektar) dan Ladang Sebauh (308 Hektar) yang terletak di Daerah Selezu dan Daerah Kemena, Bintulu, Sarawak** telah dilaksanakan pada 29 April 2008. Berdasarkan kepada purata pengeluaran hasil yang rendah serta purata pengeluaran hasil maksimum yang juga rendah, ia akan memberi kesan yang besar kepada perkembangan prospek pengeluaran masa depan Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji. Sasaran pengeluaran hasil Kumpulan Perladangan Milik Tabung Haji adalah sekitar 22 metrik tan (mt) sehektar dalam jangkamasa lima tahun tidak akan dicapai sekiranya ia masih dikekalkan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:76 20/6/09 2:37:52 AM

iii) **Pembinaan kompleks pejabat di Riau Indonesia.** Kompleks ini dibina bagi meningkatkan efisiensi operasi syarikat dari segi pemantauan serta pengurusan. Kompleks pejabat ini terletak berhampiran dengan kawasan pekebunan sawit dan merangkumi satu unit pejabat, satu unit rumah tetamu (14 bilik), 10 unit rumah eksekutif dan kakitangan serta dua unit rumah pekerja. Pembinaan kompleks pejabat yang menggunakan konsep pasang siap ini menggunakan teknologi *Modular House System* di mana pembinaannya hanya mengambil masa yang lebih pendek untuk disiapkan berbanding dengan cara konvensional. Kompleks pejabat ini telah dirasmikan pada 30 Jun 2008 oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

iv) **Peningkatan modal saham syarikat Trurich Resources Sdn Bhd** telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2008 bagi meningkatkan modal berbayar syarikat tersebut daripada RM2.00 kepada RM11.5 juta, iaitu RM1.00 bagi setiap unit saham biasa. Pegangan saham 100% ini dilaksanakan bagi tujuan pembangunan sebuah projek usaha sama di antara Tabung Haji dan rakan kongsi Indonesia bagi membangunkan kawasan ladang kelapa sawit serta pembinaan kilang kelapa sawit di Kabupaten Bulungan dan Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia. Projek usaha sama ini dijangka akan memulakan operasi pembangunan ladang pada tahun 2009 dalam jangka masa tiga tahun. Projek usaha sama ini akan meningkatkan jumlah keluasan keseluruhan ladang milik Tabung Haji sejajar dengan strategi jangka panjang perluasan tanah perladangan dengan sasaran keluasan ladang seluas 300,000 hektar menjelang tahun 2012.

PRESTASI OPERASI PERLADANGAN DAN PENGILANGAN

Prestasi Operasi

Pada 31 Disember 2008, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji mempunyai keluasan kawasan seluas 151,793 hektar berbanding 158,394 hektar pada tahun 2007. Penurunan sebanyak 6,601 hektar disebabkan oleh

penjualan ladang-ladang di Bintulu, Sarawak seluas 7,000 hektar dan pengambilan kawasan seluas 40 hektar untuk Projek Lebuhraya Utara-Selatan.

Di samping itu terdapat pertambahan kawasan seluas 407.3 hektar di Ladang Sungai Buan, Pahang, dan 31.7 hektar di Ladang Bukit Rokan, Negeri Sembilan. Sehingga akhir tahun 2008, jumlah kawasan bertanam adalah berjumlah 109,229 hektar.

Operasi ladang-ladang Kumpulan perladangan milik Tabung Haji telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2008 dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.47 juta mt buah tandan segar (BTS) mewakili 7% kenaikan berbanding 1.38 juta mt yang dikeluarkan pada tahun 2007.

Ini adalah berikutan peningkatan kepada kawasan matang terutamanya di Indonesia. Hampir seluruh ladang-ladang di Malaysia mengalami penurunan hasil pada akhir tahun 2007 tetapi meningkat semula pada tahun 2008.

Ladang-ladang di Malaysia telah mengeluarkan 534,588 mt BTS, peningkatan sebanyak 2.5% berbanding tahun 2007. Kadar hasil sebanyak 22.15 tan sehektar telah mengatasi catatan 19.13 tan pada tahun 2007.

Pengeluaran hasil BTS bagi ladang-ladang di Indonesia pula berjumlah 939,035 mt BTS (14.26 mt/ha). Pengeluaran hasil BTS ini meningkat sebanyak 9.89% berbanding tempoh yang sama tahun 2007 yang berjumlah 854,457 mt BTS (13.6 mt/ha).

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:77
20/6/09 2:37:52 AM



Pencapaian Hasil Ladang-ladang di Malaysia Untuk Tempoh 3 Tahun



Pencapaian Hasil Ladang-ladang di Indonesia Untuk Tempoh 3 Tahun

Prestasi Kilang

Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji memiliki sebanyak 10 buah kilang memproses sawit yang berkapasiti di antara 10 mt sejam hingga 120 mt sejam di Malaysia dan Indonesia . Daripada 10 buah kilang tersebut terdapat dua buah kilang baru iaitu Kilang Sawit Ladang Mamahat di Sandakan, Sabah, berkapasiti 20 mt sejam dan dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2009, dan Kilang Sawit Tembusu di Riau, Indonesia yang berkapasiti 20 mt sejam dan telah mula beroperasi pada bulan Ogos 2008.

Berikut adalah senarai kilang-kilang tersebut mengikut lokasi dan kapasiti:-

Kilang	Kapasiti (metrik tan sejam)	Lokasi
Kilang Sawit Bukit Lawiang	40	Kluang, Johor, Malaysia
Kilang Sawit Kota Bahagia	30	Keratong, Pahang, Malaysia
Kilang Sawit Pasir Besar	10	Gemas, Negeri Sembilan, Malaysia
Kilang Sawit Sungai Tenegang	30	Lahad Datu, Sabah, Malaysia
Kilang Sawit Ladang Mamahat	20	Sandakan, Sabah, Malaysia
Kilang Sawit Pulai	120	Riau, Indonesia
Kilang Sawit Suntai	10	Riau, Indonesia
Kilang Sawit Ramin	45	Riau, Indonesia
Kilang Sawit Nyato	60	Riau, Indonesia
Kilang Sawit Tembusu	20	Riau, Indonesia

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:78
20/6/09 2:38:03 AM

Pada tahun 2008, kilang-kilang ini telah mencatatkan prestasi kadar perahan minyak yang memuaskan. Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji telah memproses sebanyak 1.43 juta mt BTS dengan menghasilkan Minyak Sawit Mentah (MSM) sebanyak 303,299 mt. Bagi kadar perahan MSM pada tahun 2008, Kumpulan Perladangan milik Tabung Haji mencapai purata sebanyak 21.26% berbanding dengan purata industri sebanyak 20.21%.

PERKEMBANGAN PROJEK SEMASA PADA TAHUN 2008

Projek Perladangan & Pengilangan di Malaysia

i. Projek THP-YT di Terengganu

Pada 3 April 2007, TH Plantations dan Yayasan Terengganu telah menandatangani perjanjian usaha sama bagi membangunkan kawasan kelapa sawit seluas 2,594 hektar serta pembinaan sebuah kilang minyak kelapa sawit di Daerah Setiu, Terengganu. Sehingga akhir tahun 2008 seluas 1,460 hektar kawasan telah dibangunkan dan 63 hektar kawasan telah siap ditanam. lanya dijangka akan siap ditanam sepenuhnya menjelang tahun 2010.

ii. Projek THP Saribas di Sarawak

Pada 22 Mac 2007, TH Plantations Berhad telah mengambilalih 100% kepentingan ekuiti Zecon Plantation Sdn Bhd. THP Saribas, anak syarikat Zecon Plantation, mempunyai kawasan seluas 10,390 hektar yang terdiri daripada empat buah ladang iaitu Ladang Kenyalang (2,547 hektar), Raja Udang (2,520 hektar), Enggang (2,723 hektar) dan Merbok (2,600 hektar) serta pembinaan sebuah kilang minyak kelapa sawit yang berkapasiti 40 mt sejam akan mula dibina pada tahun 2010 dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2011.

Sehingga akhir tahun 2008, Ladang Kenyalang telah siap ditanam sepenuhnya, manakala Ladang Raja Udang dan Enggang telah ditanam sebanyak 55% daripada jumlah kawasan. Ladang Merbok telah mula dibangunkan pada Jun 2008. Kerja-kerja penanaman sedang giat dilaksanakan dan kini seluas 5,426 hektar kawasan telah siap ditanam. Dijangkakan pada akhir tahun 2009 keseluruhan kawasan akan siap ditanam sepenuhnya.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:79 20/6/09 2:38:04 AM

iii. Projek TH Pelita Meludam di Sarawak

Pada 13 Julai 2006, TH Ladang (Sabah & Sarawak), Pelita Holding Sdn Bhd dan Kerajaan Negeri Sarawak telah menandatangani perjanjian pemegang saham bagi membangunkan kawasan kelapa sawit seluas 6,021 hektar serta pembinaan sebuah kilang minyak kelapa sawit di atas tanah Pajakan Negeri di daerah Meludam, Beladin, Sarawak. Syarikat usaha sama ini dikenali sebagai TH Pelita Meludam yang dahulunya dikenali sebagai Harta Pelita Sdn Bhd.

TH Pelita Meludam terdiri daripada tiga buah ladang iaitu Ladang Tanjung Lilin (2,000 hektar), Semarang (2,000 hektar) dan Triso (2,021 hektar). Sehingga akhir tahun 2008 seluas 1,020 hektar kawasan telah siap ditanam di Ladang Tanjung Lilin, manakala kerja-kerja pembangunan di Ladang Semarang telah dimulakan pada bulan September 2008. Pembangunan Ladang Triso akan dimulakan pada bulan April 2009 dan dijangkakan pada akhir tahun 2010 akan siap ditanam sepenuhnya.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:80 20/6/09 2:38:09 AM

iv. Projek TH Pelita Beladin di Sarawak

Pada 17 Ogos 2005 TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn Bhd dan Pelita Holding Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian usaha sama bagi membangunkan kawasan kelapa sawit seluas 1,577 hektar di atas tanah natif di daerah Meludam, Beladin, Sarawak. Syarikat usaha sama ini dikenali sebagai TH Pelita Beladin Sdn Bhd. Projek ini dijangka akan mula dibangunkan pada awal 2009 dan siap ditanam sepenuhnya pada akhir tahun 2010.

v. Projek Kilang Sawit Ladang Mamahat di Sabah

Kilang Sawit Ladang Mamahat berkapasiti 20 mt BTS sejam telah siap dibina sepenuhnya pada Ogos 2008. Kilang ini dibina menggunakan konsep *Continuous Sterilisation* seperti di Kilang Sawit Kota Bahagia, Keratong, Pahang dan di Kilang Sawit Ladang Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan. Proses uji jalan kilang ini telah dilaksanakan dan ianya mampu beroperasi dengan lancar. Kilang ini dijangka akan memulakan operasinya secara rasmi pada awal Mac 2009.

vi. Projek Penyelidikan & Pembangunan (R&D) di Sarawak

Projek R&D yang berpusat di Sarawak telah mula beroperasi pada pertengahan tahun 2008. Projek ini merangkumi penyelesaian masalah, menyediakan perkhidmatan agronomi dan menjalankan penyelidikan inovatif untuk ladang-ladang di Sarawak.

Projek Perladangan & Pengilangan Di Indonesia

i. PT TH Indo Plantations

Bermula Julai 2008, kesemua kakitangan di Batam telah mula berpindah ke Kantor Pusat Pulai yang terletak berhampiran Kilang Sawit Pulai di Wilayah 1. Keseluruhan proses perpindahan ini yang dapat meningkatkan pemantauan dan penyeliaan telah selesai pada Oktober 2008.

ii. Projek "Kernel Crushing Plant" dan "Biomass Plant"

Projek ini bermula pada bulan April 2008. *Kernel Crushing Plant* ini akan menjadi kilang memproses *kernel* yang pertama bagi PT TH Indo Plantations. Begitu juga dengan *Biomass Plant*, projek ini dijangka siap pada bulan Jun 2009.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:81 20/6/09 2:38:19 AM

Dengan siapnya *Kernel Crushing Plant* ini, PT TH Indo Plantations akan mengeksport minyak isirong sawit mentah (CPKO) berbanding isirong sawit (PK) seperti mana sekarang. Ini kerana kerajaan Indonesia telah mengenakan skim cukai baru bagi menjual isirong sawit. Dengan menjual CPKO, PT TH Indo Plantations akan menikmati penjimatan dari cukai yang dianggarkan sebanyak RM2 juta setahun.

Biomass Plant pula akan membekalkan tenaga elektrik yang dijana dari turbin 6MW yang menghasilkan 11 kV tenaga elektrik. Pecahan kepada penggunaan tenaga elektrik tersebut terdiri daripada 2.5MW yang akan digunakan untuk operasi *Kernel Crushing Plant*, 2MW untuk kilang Sawit Pulai dan 1MW akan digunakan oleh Kantor Pusat, Kompleks perumahan dan *Central Workshop* di Pulai.

iii. Projek Kilang Sawit Jati

Kilang Sawit Jati mula dibina pada September 2007 dan dijangka akan beroperasi pada Jun 2009. Kilang Sawit Jati ini berkapasiti 30 mt sejam. Kewujudannya dapat mengurangkan kos penghantaran buah tandan sawit dari ladang ke kilang.

iv. Projek Kilang Sawit Agatis

Kilang Sawit Agatis mula dibina pada Ogos 2008 dan dijangkakan akan beroperasi pada Januari 2010. Kilang sawit ini akan mempunyai kapasiti 30 mt sejam.

PENUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) 2008

Kumpulan TH Plantations telah berjaya mencapai dua dari tiga sasaran KPInya, iaitu pengeluaran hasil BTS sehektar sebanyak 22.1 mt sehektar berbanding dengan sasaran sebanyak 21.4 mt sehektar serta pengisytiharan interim dividen pertama sebanyak 10 sen sesaham ditolak cukai sebanyak 26% berjumlah RM14.5 juta dan mengusulkan untuk kelulusan para pemegang saham dividen terakhir sebanyak 7.50 sen ditolak cukai sebanyak 25% sejajar dengan polisi dividen Kumpulan TH Plantations untuk mengagihkan dividen pada kadar lebih kurang 50% dari keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti.

Namun begitu, pulangan atas ekuiti (ROE) Kumpulan TH Plantations iaitu 28% adalah rendah berbanding dengan sasaran ROE KPI sebanyak 30%. Ini disebabkan oleh perlaksanaan aktiviti korporat yang telah menyebabkan peningkatan dana pemegang saham .

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:82 20/6/09 2:38:24 AM

LATAR BELAKANG

Setelah lebih sedekad penglibatannya di dalam industri pembinaan dan pengurusan fasiliti, TH Technologies Sdn Bhd (TH Technologies) telah melebarkan sayapnya di dalam industri minyak dan gas khususnya di dalam sektor perkhidmatan sokongan marin. Penglibatan TH Technologies di dalam sektor ini adalah bagi mengambil peluang terhadap potensi industri ini yang dijangka akan terus berkembang dalam jangka masa panjang.

Bagi tujuan tersebut, TH Technologies telah membeli dua unit kapal dalam kategori *Anchor Handling Tug Supply Vessel* (AHTS) untuk memberi perkhidmatan sokongan marin kepada syarikat-syarikat minyak tempatan dan antarabangsa. Pihak TH Technologies juga telah membina kerjasama strategik dengan syarikat pengurusan kapal yang berpengalaman luas untuk mengendalikan kapal-kapal ini sejajar dengan matlamat TH Technologies untuk menawarkan perkhidmatan bertaraf dunia kepada pelanggannya.

Di dalam sektor pembinaan, TH Technologies telah berjaya menyiapkan projek-projek pembinaan dan infrastruktur yang berskala besar seperti Kem Tentera Gemas di Negeri Sembilan; Hospital Sungai Petani, Kedah; Hospital PUSRAWI, Kuala Lumpur; bangunan Tabung Haji di Johor; pembinaan jalanraya di Kelantan dan penaiktarafan jalanraya di Selangor dan Melaka.

PERKHIDMATAN SOKONGAN MARIN BAGI INDUSTRI MINYAK DAN GAS

TH Technologies berazam untuk menjadi antara peneraju di dalam perkhidmatan sokongan marin di Malaysia. Selaras dengan objektif ini, TH Technologies telah membeli kapal-kapal berteknologi terkini bagi memenuhi keperluan operasi semasa dan akan datang. Ini adalah penting bagi menghadapi persaingan yang tinggi di dalam industri ini.

Pada 5 Jun 2008, TH Technologies telah menandatangani *Memorandum of Agreement* (MOA) dengan Nam Cheong Offshore Pte Ltd bagi pembelian dua unit kapal dalam kategori *Anchor Handling Tug Supply* (AHTS) dengan kemampuan *bollard pull* 120 tan dan berkuasa kuda 10,800 bhp. Kapal-kapal tersebut dijangka diserah milik pada bulan Mac 2010.

Unit Operasi Marin sedang berurusan dengan beberapa pelanggan yang berpotensi seperti PETRONAS Carigali, Murphy Oil, Exxon Mobil, Shell, BHP Billiton, Nippon Oil Exploration dan lain-lain di dalam mengenal pasti perkhidmatan-perkhidmatan diperlukan di masa akan datang.

Dalam memastikan sistem pengurusan kapal yang mantap dan cekap, TH Technologies telah melantik syarikat pengurusan kapal yang berpengalaman dan terbukti

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:83
20/6/09 2:38:27 AM

pencapaiannya, untuk sekurang-kurangnya bagi dua tahun pertama. Pada masa yang sama, TH Technologies akan terus membina keupayaannya dalam pengurusan dan operasi kapal sehingga dapat menjalankannya sendiri dengan cekap.

TH Technologies bermatlamat tinggi untuk beroperasi secara global, di mana Pelan Pengembangan Armada TH Technologies memperuntukan perbelanjaan berjumlah RM500 juta bagi tahun 2009 hingga tahun 2012 untuk pembelian kapal-kapal terkini sejajar dengan permintaan daripada syarikat-syarikat minyak tempatan dan luar negara.

PEMBINAAN

Sejajar dengan misi utama TH Technologies untuk terus maju dan kompetitif di dalam industri pembinaan, TH Technologies menekankan penggunaan teknologi *Industrialised Building System* (IBS) untuk memastikan inovasi teknologi yang berkualiti, bersesuaian dengan kehendak pasaran dan memberikan prestasi kerja yang bermutu tinggi terhadap pelanggan–pelanggannya.

PROJEK-PROJEK SEMASA

Projek-projek semasa TH Technologies adalah seperti berikut:

1. Projek Pembinaan Balai Polis dan Kuarters di Subang Jaya USJ 8, Selangor

Projek yang bernilai RM43 juta ini diperolehi melalui tender terbuka daripada Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan. Projek ini bermula pada bulan November 2006 di mana ia melibatkan pembinaan sebuah bangunan Balai Polis 3 tingkat kategori A berserta kemudahan berkaitan (Seksyen 1) dan 1 blok Kuarters 18 tingkat mengandungi 6 unit Kuarters Kelas E dan 150 unit Kuarters Kelas F.

Pada bulan Disember 2008, TH Technologies telah berjaya menyiapkan Seksyen Balai Polis beserta kemudahannya (Seksyen 1) dan ianya telah diserahkan dengan rasminya kepada pihak Polis DiRaja Malaysia.

Projek ini juga telah berjaya memperolehi Skor QLASSIC (*Quality Assessment System in Construction*) sebanyak 76% dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi penilaian kualiti kerja binaan. Ini adalah satu pencapaian cemerlang dari segi kualiti kerja binaan TH Technologies.



General
AHTS 125 TON BOLLARD PULL
10,880BHP
DPS-2

Classification
ABS Class, Maltese Cross A1, FIFI Class 1,+AMS, Circle E, AH/Offshore Support and Towing Vessel.

Other Compliance
IMO Intact and Damage Stability A469, COLREG 72 & Amendment, MARPOL Annex I, IV, V & VI, ILO 92 Convention for Crew Accommodation
Noise and Vibration guideline as per IMO Resolution A, 68(XII)

Flag
Malaysia

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:84 20/6/09 2:38:29 AM

2. Projek Pembangunan Tanah Wakaf di Jalan Perak, Kuala Lumpur

Projek yang bernilai RM151 juta ini telah dimulakan pada bulan Ogos 2007. Ia merangkumi pembinaan bangunan pejabat kelas A 34 tingkat di atas Tanah Wakaf yang terletak di kawasan Segitiga Emas di Jalan Perak, Kuala Lumpur. Projek ini berjalan mengikut jadual dan kerja-kerja substruktur yang meliputi pembinaan *basement* dua tingkat telah berjaya disiapkan pada bulan Julai 2008. Pada masa kini, kerja-kerja *superstructure* sedang giat dijalankan dan projek ini dijangka siap pada bulan November 2010.

Pandangan perspektif arkitek dari Jalan Perak

Balai Polis dan Kuarters USJ 8 di Subang Jaya

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:85
20/6/09 2:38:42 AM

Tingkat 6 hampir siap untuk dikonkrit

Pemandangan atas dari Menara Etiqa

Kerja-kerja acuan untuk dinding lift sedang dijalankan di tingkat 6 hingga ke tingkat 7

MASA HADAPAN

Di dalam industri minyak dan gas khususnya di dalam sektor perkhidmatan sokongan marin, dengan adanya kapal–kapal baru yang lengkap dengan teknologi terkini, TH Technologies yakin akan dapat memperolehi kontrak dengan kadar pulangan yang memuaskan.

TH Technologies merancang untuk terus berkembang maju dalam sektor perkhidmatan sokongan marin sebagai tunggak perniagaan TH Technologies, sejajar dengan pencapaiannya di dalam sektor pembinaan.

Di dalam memastikan sektor pembinaan terus berkembang maju, TH Technologies akan terus menumpukan perhatian untuk mendapatkan projek–projek pembinaan baru dengan menyertai tawaran-tawaran tender secara aktif serta meneroka peluang-peluang pembangunan yang baru.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:86 20/6/09 2:38:48 AM

LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada tahun 1980, TH Properties Sdn Bhd (TH Properties) adalah anak syarikat milik penuh Tabung Haji, di sektor pembangunan hartanah. TH Properties berjaya menempa nama dan reputasinya melalui pembangunan projek-projek yang berkualiti. Setakat ini, sebanyak 12 projek pembangunan telah berjaya dibina di sekitar Semenanjung Malaysia. TH Properties sentiasa bertungkus-lumus mencari produk-produk yang berinovatif di pasaran kini, sejajar dengan strategi bisnesnya yang memberi penumpuan terhadap penyediaan penyelesaian gaya hidup berinovatif yang bermutu.

Bandar Enstek, projek perdana dan terkini TH Properties, dibangunkan secara usaha sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS). Bandar Enstek dijangka mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM9.2 billion apabila ia siap dibangunkan dengan sepenuhnya pada tahun 2025. Bandar Enstek (singkatan untuk Negeri Sembilan Teknologi Koridor) terletak di dalam rangkaian kawasan 'Wilayah Lembah Klang Conurbation'. Lokasi strategiknya menjadikan ia beberapa minit sahaja dari Litar Lumba Antarabangsa Sepang, lapan minit dari Terminal Penerbangan Kos Rendah (LCCT), 10 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIA, 20 minit dari Putrajaya/Cyberjaya dan hanya 38 minit dari Kuala Lumpur melalui kemudahan perkhidmatan Express Rail Link (ERL). Sebanyak 30% dari 5,116 ekar kawasan Bandar Enstek telah dibangunkan. Projek hartanah bersepadu ini terbahagi kepada empat komponen iaitu pembangunan kediaman, komersil, institusi dan perindustrian. Pada masa ini, ia mempunyai populasi penduduk seramai 6,000 orang.

Bandar Enstek menawarkan konsep kehidupan resort bermutu tinggi dan menitikberatkan faktor ekologi persekitaran kepada penduduk. Ia juga dilengkapi dengan segala kemudahan, dan infrastruktur yang terbaik. Sebagai jaminan untuk memastikan mutu dan kualiti yang unggul kepada pembeli, TH Properties menawarkan jaminan kualiti selama lima tahun ke atas hartanah kediamannya bermula dari tarikh penyerahan milik. Ini sekaligus mejadikan TH Properties pemaju pertama di Malaysia yang berjaya menawarkan jaminan kualiti sedemikian. Bandar Enstek telah berjaya memenangi Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2007 daripada Pertubuhan Perancang Malaysia. Ini membuktikan komitmen TH Properties terhadap perancangan yang berkualiti tinggi.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:87
20/6/09 2:38:51 AM

Walaupun sektor hartanah didapati terjejas berikutan krisis ekonomi global, TH Properties masih berpandangan positif terhadap projek pembangunan yang diceburi. Salah satu strategi yang diambil untuk menangani krisis ini adalah melalui inisiatif untuk menurunkan kos pembinaan perumahan tanpa menjejaskan kualiti.

Ini dapat dilaksanakan dengan kaedah pembinaan alternatif melalui Sistem Binaan Berindustri atau Industrialised Building System (IBS), di mana ia dapat meningkatkan kualiti dan keselamatan bangunan dengan kos yang lebih rendah. TH Properties giat bekerjasama dengan rakan-rakan strategik, institusi-institusi penyelidikan, industri-industri kecil serta universiti-universiti tempatan.

Ia juga berganding bahu dengan badan-badan profesional seperti Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (mSET) untuk menggunakan kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan rangkaian mSET. Kerjasama dengan syarikat Villa Muhandis Internationale Sdn Bhd melalui pusat rekaan perniagaan (DEBUCE), rekaan-rekaan rumah dan perabot dalaman rumah yang bercirikan rekaan Itali dapat direka dan dikomersilkan di pasaran rekaan tempatan dan antarabangsa. Inisiatif-inisiatif tersebut akan diteruskan untuk jangka masa panjang.

Pembangunan institusi di Bandar Enstek menempatkan institusi tempatan dan antarabangsa. medicalcity@enstek akan menempatkan sebuah universiti, hospital, pusat penyelidikan dan penyelidikan perubatan, kompleks perubatan, hotel dan asrama-asrama pelajar melalui skim Inisiatif Kewangan Persendirian atau *Private Finance Initiative* (PFI). Seluas 750 ekar kawasan telah dibeli oleh Kementerian Pendidikan yang dikenali sebagai Edu Park. Ia menempatkan institusi pengajian tinggi Kolej Tunku Kursiah, Institut Aminuddin Baki, Politeknik Nilai, Maktab Perguruan Teknik, Institut Pendidikan Bahasa, Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Latihan Bahasa Inggeris dan Institut Perpustakaan dan Maklumat Negara. Kerja pembersihan dan menambak kawasan tapak Akademi Kepimpinan Pendidikan pesat di lakukan. *Kuala Lumpur Education City* (KLEC) pula bakal menempatkan cawangan-cawangan kampus universiti–universiti antarabangsa dan tempatan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:88
20/6/09 2:38:53 AM

Di antaranya ialah Universiti Royal Holloway London, Universiti Epsom, Universiti Reading dan Universiti Sains Malaysia. Sebuah sekolah menengah berasrama antarabangsa, *Cempaka International Ladies College*, juga sedang pesat membangun dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2009. Sekolah yang kos pembinaannya berjumlah RM95 juta ini dibangunkan oleh Kumpulan Sekolah Cempaka dan dijangka akan mengambil seramai 560 pelajar antarabangsa.

techpark@enstek ialah hub industri dan teknologi di Bandar Enstek yang meliputi kawasan seluas 524 ekar. Ia mempunyai himpunan syarikat bioteknologi dalam dan luar negara yang terbesar di Malaysia. Sesungguhnya techpark@enstek adalah hub industri dan teknologi yang dapat memenuhi keperluan para pelaburnya menerusi penawaran pelbagai pilihan sama ada melalui pembelian tanah, penyewaan bangunan atau perlaksanaan model pelaburan yang fleksibel dan menepati kehendak serta keperluan pelabur. Di antara para pelabur di Bandar Enstek ialah Bomba Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, YHI Manufacturing, FELDA, Tropical Botanics, Swiss Confiserie Sdn Bhd, Ministry of Health, 9 BIO, BIO Streptz Sdn Bhd, BIO Molecular Sdn Bhd, Renal Laboratories, Arbitrade Sdn Bhd, Pure Circle Sdn Bhd, N.A.Z Medical Supplier Sdn Bhd dan Bionic Technology Sdn Bhd.

village@enstek merupakan deretan kedai-kedai komersil di Bandar Enstek. Antara kedai yang boleh di dapati disini ialah restoran-restoran, pasar mini, kedai dobi, klinik dan juga spa. Selain daripada itu, kira-kira 160 ekar tanah akan dibangunkan untuk pembangunan komersil. Rekabentuk, kemudahan dan kelengkapan yang disediakan khas untuk pelbagai jenis perniagaan. Ia menjadi salah satu destinasi untuk seisi keluarga dan juga bakal menarik pelanggan-pelanggan tempatan dan luar negara.

AKTIVITI-AKTIVITI DI SEKITAR TAHUN 2008

16 Febuari 2008, Majlis jemputan @enstek

Majlis eksklusif yang diadakan di Hotel Ritz Carlton, Kuala Lumpur adalah khas untuk menampilkan produk rumah banglo setingkat siri Matahari dan rumah teres Rimbun Premier. Pembeli-pembeli rumah bagi Matahari dan Rimbun Premier menerima baucer khas dari Hotel Ritz Carlton.

4 April 2008, TH Properties Memenangi Anugerah Kecemerlangan Perancangan bagi Pembangunan Bandar Enstek

Persatuan Perancang Malaysia telah menganugerahkan TH Properties sebagai salah satu pemenang 'Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2007' bagi pembangunan Bandar Enstek. Anugerah tersebut diberi berdasarkan perancangan yang berkualiti, mematuhi piawaian dari segi perancangan dan keperluan, berlandaskan garis panduan bagi pembangunan mampan serta format penyampaian.

15 April 2008, Penyerahan Zakat kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan

TH Properties telah membuat penyerahan zakat sebanyak RM127,366.00 kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan. Penyerahan cek zakat itu dibuat oleh Datuk Azizan Abdul Rahman, Pengerusi TH Properties kepada Dato' Razak bin Mansor, Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri.

22 April 2008, Lawatan Media ke Bandar Enstek

Pihak media telah diundang ke Bandar Enstek untuk menyaksikan *Show Village* iaitu gabungan deretan tujuh unit rumah contoh. Selain membuat lawatan ke rumah-rumah contoh, pihak media juga dibawa ke kawasan pembangunan Bandar Enstek yang lain. Pihak media diberi penerangan mengenai konsep *Show Village* serta perkembangan terkini pembangunan bandar tersebut.

27 April 2008, Perasmian Show Village di Bandar Enstek

Show Village yang meliputi kawasan seluas tujuh ekar telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terdapat tujuh tema dekor yang berbeza menghiasi setiap rumah contoh di *Show Village*. Tema-tema tersebut adalah Kontemporari ala Bali; Kolonial Moden; Kontemporari Moden dan Klasik Anggun; Resort ala Afrika; Ala Mediterranean; dan Kontemporari ala Thai. Rumah-rumah contoh ini dijadikan struktur yang kekal di *Show Village*.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:89
20/6/09 2:39:07 AM

4 Jun 2008, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara TH Properties dan Villa Muhandis International Sdn Bhd

Memorandum Persefahaman antara TH Properties dan Villa Muhandis Internationale Sdn Bhd telah ditandatangani untuk menubuhkan pusat rekaan perniagaan (DEBUCE) di mana ia akan digunakan sebagai landasan untuk membantu mengkomersilkan pasaran rekaan tempatan dan antarabangsa. Selain dari itu, memorandum ini juga merangkumi aspek promosi dan penyelidikan serta pembangunan rekabentuk rumah di Bandar Enstek. Villa Muhandis Internationale Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang bergiat dalam industri rekaan melalui usaha sama institusi-institusi antarabangsa.

28 Julai 2008, Lawatan Wakil dari Asian Science Park Association (ASPA) ke Bandar Enstek

Lawatan wakil-wakil *Asian Science Park Association* (ASPA) dari Korea telah diadakan di Bandar Enstek pada 28 Julai 2008. Wakil lawatan amat kagum dengan kehijauan Bandar Enstek walaupun ia sedang giat dibangunkan. Lawatan ini memberi peluang bagi TH Properties dan para wakil ASPA untuk bertukar-tukar pendapat dan teknologi inovatif dalam pembangunan hartanah.

3 Ogos 2008, Kem Motivasi untuk Pelajar UPSR, PMR dan SPM

Satu kem motivasi bagi pelajar-pelajar UPSR, PMR dan SPM telah diadakan di Bandar Enstek. Kem sehari ini bertujuan untuk memberi semangat serta menanam fikiran positif dikalangan pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.

16 Ogos 2008, Klinik Peperiksaan UPSR

Seramai 150 pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di hujung tahun terlibat di dalam klinik ini. Klinik sehari ini diadakan di pulse@enstek (pejabat jualan) di Bandar Enstek. Ini merupakan tahun yang kedua TH Properties menaja klinik UPSR ini bagi menyediakan pelajar-pelajar untuk menduduki ujian UPSR.

13 Ogos 2008, Memorandum Persefahaman antara TH Properties dan TSR Capital Sdn Bhd

TH Properties dan TSR Capital Berhad telah menandatangani Memorandum Persefahaman untuk melanjutkan kerjasama tersebut kepada peluang perniagaan dan pembangunan lain. Sebelum ini TH Properties dan TSR Capital Berhad melaksanakan projek usaha sama untuk membangunkan bandar perubatan bersepadu medicalcity@enstek di Bandar Enstek.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:90 20/6/09 2:39:08 AM

23 Oktober 2008, TH Properties dan SpaceToon Media Group Menandatangani Pakatan Kerjasama

TH Properties menandatangani pakatan kerjasama bersama Spacetoon Media Group untuk merekabentuk dan membina Akademi Animasi di Meru Raya, Perak. Spacetoon Media Group ialah syarikat media bersepadu yang terlibat dalam produk televisyen, radio, perlesenan, penjualan produk animasi berinternet dan interaktif.

18 November 2008, Pakatan Strategik antara TH Properties dan PrimaNora Medical Centre Sdn Bhd

Satu Pakatan Strategik telah ditandatangani oleh TH Properties dan PrimaNora Sdn Bhd untuk membangunkan Resort Living, banglo mewah disasarkan untuk warga emas dengan kemudahan perkhidmatan moden dan perubatan, serta Hospital Wanita dan Kanak-kanak. Projek-projek lain di bawah perjanjian pakatan ini melibatkan pembinaan Pusat Kesejahteraan Kesihatan, Kemudahan Penjagaan Kesihatan dan Program Kesihatan Haji secara komprehensif.

15 Disember 2008, TH Properties Menyertai Program Rakan Korporat bersama *Malaysian Society for Engineering and Technology* (mSET)

TH Properties menjalinkan pakatan strategik dengan Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (mSET) untuk menggunakan kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan rangkaian mSET. Program rakan korporat ini bermatlamat untuk meningkatkan kelebihan daya saing industri tempatan menerusi usaha merapatkan jurang pengkomersilan dengan teknologi dan produk baru.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:91 20/6/09 2:39:12 AM

Ulasan Operasi

SEKTOR INDUSTRI PEMAKANAN HALAL

LATAR BELAKANG

TH Global Services Sdn Bhd (TH Global) adalah sebuah anak syarikat milik penuh Tabung Haji yang ditubuhkan pada tahun 1977.

Dalam struktur pelan perniagaan Tabung Haji yang telah dirangka, sektor industri pemakanan halal akan dijadikan sebagai satu sektor teras pelaburan Tabung Haji pada masa akan datang. Seperti pelan yang dirangka, aktiviti utama TH Global adalah untuk menglibatkan diri dalam industri pemakanan halal.

Visi TH Global adalah untuk menjadi sebuah syarikat pengeluar produk makanan dan minuman halal dan *toyyib* yang tersohor di dunia serta mempunyai jenama produk (TaHa) yang dikenali dan dipercayai ramai. TaHa komited untuk membekal makanan yang menyihatkan, halal dan *toyyib*.

PERANCANGAN SYARIKAT

TH Global merancang untuk mengeluarkan produk–produk makanan dan minuman di atas jenama TaHa dalam masa terdekat bermula dengan perencah makanan pada suku kedua tahun 2009.

Dalam pada itu, TH Global juga turut membuat perancangan untuk melabur dalam syarikat-syarikat pemakanan halal yang berdaya saing agar membolehkan TH Global mengembangkan sayap perniagaan serta mampu bersaing dengan syarikat–syarikat pemakanan halal bertaraf antarabangsa dan memberi pulangan yang kompetitif kepada Tabung Haji.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:92 20/6/09 2:39:17 AM

AKTIVITI TAHUN 2008

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2008 adalah bertujuan untuk memperkenalkan jenama TaHa dan Air Mineral Semulajadi TaHa kepada umum. Dalam kesempatan itu, TH Global turut memanfaatkan program-program ini untuk meningkatkan jualan produk TaHa.

Promosi TaHa di Karnival @ Enstek

Pada bulan April 2008, TH Global buat pertama kalinya memperkenalkan Air Mineral Semulajadi TaHa kepada umum di Karnival @ Enstek.

Air Mineral Semulajadi TaHa mula berada di pasaran

Air Mineral semulajadi yang berwajah baru mula diedarkan di pasaran di bandar-bandar utama di Malaysia dan pada Kursus Haji Perdana anjuran Tabung Haji di seluruh negara.

Promosi TaHa di Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)

Pada bulan Mei 2008, TH Global telah membuka ruang pameran untuk memperkenalkan dan membina hubungan perniagaan serta mempromosikan jenama TaHa kepada peserta-peserta 'Niaga' dari dalam dan luar Negara.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:93
20/6/09 2:39:18 AM

Ulasan Operasi

SEKTOR PELANCONGAN & PERKHIDMATAN

LATAR BELAKANG

Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd (TH Travel) adalah syarikat subsidiari milik penuh Tabung Haji yang ditubuhkan pada tahun 1972. Perkhidmatan Haji dan Umrah merupakan aktiviti perniagaan utama di samping perkhidmatan Pelancongan (Outbound) yang kian mendapat sambutan kerana ciri-cirinya yang memenuhi keperluan serta gaya hidup Muslim.

Selain itu perkhidmatan *Ticketing* dan Kargo juga menyumbang kepada pendapatan syarikat. Berikut adalah agihan jualan keseluruhan perkhidmatan TH Travel pada tahun 2008.

Perkhidmatan	Peratusan Aktiviti / Jualan
Haji • Pakej Haji (46%) • Carter Haji (1%) • Katering Haji (1%)	48%
Umrah	26%
Ticketing	23%
Pelancongan	2%
Kargo	1%

KEGIATAN UTAMA

Haji

Aktiviti haji bagi musim 1429 Hijrah merangkumi tiga sektor perkhidmatan iaitu:

- Perkhidmatan Pakej Haji
- Carter Haji
- Katering Haji

Pakej Haji

Persiapan musim haji bagi tahun 1429H terutama penyediaan hotel-hotel penginapan jemaah-jemaah haji merupakan cabaran utama bagi kebanyakan operator disebabkan perluasan kawasan Masjidil Haram di Makkah. Walau bagaimanapun, TH Travel yang mempunyai jalinan yang kukuh dengan pengusaha-pengusaha hotel di Makkah berupaya menyediakan penginapan hotel yang berdekatan dengan Masjidil Haram mengikut keperluan, keselesaan dan kemampuan para jemaah dari kategori Ekonomi, Sederhana hingga ke Istimewa.

Pada musim haji 1429H, TH Travel telah mengendalikan seramai 3,533 orang jemaah. Dengan mengekalkan perkhidmatan yang berteraskan Kemudahan, Keselesaan dan Keyakinan, TH Travel telah menyediakan lapan jenis pakej haji pada musim 1429H.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:94 20/6/09 2:39:19 AM

Penetapan harga pakej adalah berdasarkan ciri-ciri berikut:

1. Jenis hotel penginapan dan jaraknya dari Masjidil Haram/Masjid Nabawi
2. Kemudahan penginapan jemaah di Arafah & Mina serta jaraknya dari Jamrah
3. Penyediaan makanan

Berikut adalah pakej-pakej yang ditawarkan pada musim haji 1429H:

Kategori Pakej	Pakej	Bilangan Jemaah Sebilik	Harga Dari (RM)
Ekonomi	Delima	5-6	16,490
		3-4	
Sederhana	Fairuz	5-6	18,490
		3-4	
		2	
		2 (T)	
	Nilam	5-6	18,990
		3-4	
		2	
	Baiduri	5-6	18,990
		3-4	
		2	
		2 (C)	
	Aqiq	3-4	18,990
		2	
	Firdaus	5-6	19,490
		3-4	
Istimewa	Zamrud	3	52,990
		2	
	Almaas	3	92,990
		2	

Keseluruhan pengurusan dan operasi haji musim 1429H untuk jemaah pakej kelolaan TH Travel berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah yang ketara. Dari maklumbalas yang diterima, para jemaah pakej TH Travel berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Namun demikian Pengurusan TH Travel akan terus mengenalpasti proses kerja yang perlu penambahbaikan bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:95
20/6/09 2:39:20 AM

Carter Haji

Pada musim haji 1429H, TH Travel bagi pihak Tabung Haji diberi tanggungjawab menguruskan penerbangan pergi dan balik para jemaah haji Malaysia dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Arabian Airlines (SAUDIA). TH Travel juga menguruskan penerbangan jemaah haji dari Pantai Timur yang buat pertama kalinya berlepas dari Kuala Terengganu.

Urusan penyelenggaraan dan perjalanan jemaah haji di tanah air merangkumi urusan pasport, tempahan tiket penerbangan domestik, pengangkutan darat ke lapangan terbang, urusan sambutan pulang jemaah-jemaah dari Tanah Suci dan urusan pengagihan air Zam-Zam.

Katering Haji

TH Travel melalui usaha sama dengan beberapa kontraktor tempatan Arab Saudi telah menguruskan katering untuk jemaah-jemaah haji Pakej dan Muassasah di bawah kelolaan Tabung Haji, di tiga lokasi utama iaitu di Makkah, Madinah dan Jeddah. Berikut adalah bilangan kontraktor yang terlibat dalam urusan katering musim haji 1429H.

Jemaah Haji	Bilangan Kontraktor Mengikut sektor		
	Makkah	Madinah	Jeddah
Muassasah	6	3	1
Pakej	2	1	Sajian disediakan oleh pihak hotel

Sajian makanan untuk sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam bagi jemaah Pakej disediakan secara bufet. Di samping itu, minuman panas dan roti juga disediakan 24-jam. Manakala bagi jemaah haji Muassasah, sajian makanan secara bungkusan disediakan untuk makan tengahari dan malam.

Pada keseluruhannya, urusan katering untuk jemaah-jemaah haji musim 1429H berjalan lancar tanpa sebarang permasalahan yang ketara.

Umrah

Pembangunan serta perluasan kawasan Masjidil Haram pada awal tahun 1429H (2008) menyebabkan kemudahan hotel-hotel di Makkah terutama di persekitaran Masjidil Haram berkurangan. Walaupun terdapat peningkatan dalam kos penginapan, TH Travel masih dapat mengekalkan dan menyediakan kemudahan hotel yang berdekatan dengan Masjidil Haram untuk kemudahan dan keselesaan jemaah.

Berikut adalah jenis-jenis pakej yang ditawarkan oleh TH Travel pada musim 1429H serta hotel penginapan yang disediakan di Makkah dan Madinah.

Jenis Pakej	Penginapan di Makkah	Penginapan di Madinah
DELIMA	Firdous Palace (180 m dari Masjidil Haram)	Anwar Madinah Movenpick (30 m dari Masjid Nabawi)
	(4 orang sebilik)	
FAIRUZ	Firdous Makkah (30 m dari Masjidil Haram)	Anwar Madinah Movenpick (30 m dari Masjid Nabawi)
	(2-3 orang sebilik)	
NILAM	Zam-Zam Grand Suite (20 m dari Masjidil Haram)	Oberoi (30 m dari Masjid Nabawi)
	(2-3 orang sebilik)	
ZAMRUD	Dar Al Tawhid Intercon (20 m dari Masjidil Haram)	Oberoi (20 m dari Masjid Nabawi)
	(2-3 orang sebilik)	

Pada musim 1429H, seramai 6,878 jemaah telah mengikuti pakej Umrah kelolaan TH Travel. Selain dari pakej Umrah & Ziarah Syawal/ Muharram, TH Travel juga menawarkan pakej *Umrah Plus* iaitu lawatan tambahan ke negara-negara Timur Tengah seperti Cairo, Amman, Dubai dan Istanbul.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:96 20/6/09 2:39:21 AM

Bagi mempelbagaikan produk umrah, TH Travel juga telah menawarkan pakej Umrah Bersama Personaliti. Pada tahun 1429H, TH Travel telah mengendalikan tiga program bersama personaliti-personaliti terkemuka tanah air yang terdiri dari ahli-ahli agama iaitu Dato' Hassan Din Al-Hafiz dan Dato' Dr Siti Fatma Az-Zahra serta pakar motivasi terkenal Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah.

Program umrah yang diselitkan dengan program-program ceramah dan penghayatan ibadah oleh personaliti-personaliti sewaktu di Tanah Suci telah mendapat sambutan yang memberangsangkan. Bagi jemaah yang telah mengikuti pakej ini, mereka berpuas hati dengan perjalanan program serta perkhidmatan yang diberikan oleh TH Travel. Dengan sambutan yang menggalakkan, TH Travel akan mengatur program-program seperti ini bersama beberapa personaliti-personaliti terkemuka tanah air pada musim akan datang.

Bagi perkhidmatan umrah, TH Travel menguruskan keperluan perjalanan ibadah umrah jemaah yang merangkumi pengurusan visa, penginapan, pengangkutan, sajian makanan dan juga program ziarah termasuklah kursus persediaan sebelum mengerjakan umrah. Kursus ini diadakan pada hari Sabtu setiap minggu dan terbuka kepada masyarakat umum.

Pelancongan

Perkhidmatan pelancongan TH Travel menawarkan pakej-pakej pelancongan ke destinasi-destinasi luar negara (outbound) dan domestik (inbound). Usaha untuk membawa pelancong-pelancong asing melalui perkhidmatan *inbound* sedang diusahakan.

Pada tahun 2008, usaha-usaha promosi untuk pakej-pakej pelancongan giat dijalankan dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri keperluan umat Islam iaitu makanan halal dan program lawatan yang mesra-solat. Seramai 2,690 pelanggan telah menyertai pakej pelancongan TH Travel ke destinasi-destinasi pilihan utama seperti berikut:

Destinasi	Peratusan Mengikut Pilihan Pakej
Indonesia	35 %
Beijing	25 %
Jepun	15 %
Thailand	10 %
Korea	5 %
Australia	5 %
Lain-lain	5 %

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:97
20/6/09 2:39:22 AM

Berikut adalah pakej-pakej pelancongan (outbound) dan domestik yang ditawarkan oleh TH Travel:

CHINA	INDONESIA
Beijing Shanghai-Suzhou-Hangzhou Kunming	Bali Jakarta-Puncak-Bandung Jogjakarta Medan-Tasik Toba Padang-Bukit Tinggi Surabaya
EROPAH	**KOREA / TAIWAN**
Sepanyol Itali Switzerland London-Paris Eropah Tengah	Seoul-Nami Island-Everland Pakej Taiwan Muslim
AUSTRALIA	**JAPAN**
Perth Sydney Melbourne Gold Coast	Tokyo-Disneyland
	INDIA
	Delhi - Agra - Jaipur
VIETNAM	**TIMUR TENGAH & BALKAN**
Ho Chi Minh-Cuchi-Mekong Hanoi Chiang Mai-Chiang Rai	Iran Mesir UAE-Dubai Jordan Tunisia Turki Morocco Uzbekistan
HONG KONG	
Hong Kong-Disneyland Hong Kong-Shenzen-Disneyland	
THAILAND	**DOMESTIK**
Bangkok Bangkok-Pattaya Chiangmai-Chiangrai Phuket	Kepulauan-Langkawi, Perhentian, Lang Tengah, Redang Kota Kinabalu Kuching

TEMPAHAN TIKET PENERBANGAN

TH Travel adalah *bonafide accredited IATA agent* yang menjual tiket penerbangan secara terus melalui enam cawangannya kepada pelanggan dari pejabat dengan kemudahan disediakan oleh syarikat penerbangan. Berikut adalah senarai cawangan TH Travel di seluruh Malaysia:

- Pejabat Wilayah Tengah di Kuala Lumpur
- Pejabat Wilayah Utara di Pulau Pinang
- Pejabat Wilayah Timur di Kota Bharu
- Pejabat Wilayah Selatan di Johor Bharu
- Pejabat Wilayah Sarawak
- Pejabat Wilayah Sabah

PELAN STRATEGIK

Bagi memastikan prestasi syarikat terus meningkat di dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan, beberapa inisiatif telah dijalankan untuk lebih berdaya saing di pasaran yang terbuka bagi memenuhi keperluan serta permintaan pelanggan.

Di antara inisiatif tersebut ialah:

1. Menempatkan pejabat mini TH Travel serta pengurus-pengurus pemasaran yang beroperasi di pejabat-pejabat Tabung Haji.
2. Mengadakan jaringan dengan syarikat penerbangan untuk menghasilkan produk bajet rendah.
3. Memperkenalkan kepelbagaian pakej terutama pakej umrah dan pelancongan bagi memenuhi permintaan pelanggan yang berlainan citarasa dan keperluan.
4. Meningkatkan hubungan baik dengan pelanggan dan khidmat selepas jualan.

AKTIVITI KEMASYARAKATAN

Di samping usaha mempromosi dan memasarkan perkhidmatan TH Travel, syarikat juga tidak melupakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum yang kurang berkemampuan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:98 20/6/09 2:39:23 AM

Bagi memenuhi objektif ini, TH Travel telah menjadi penaja utama bagi program Jemputan Umrah yang diterbitkan oleh Astro Oasis. Melalui program ini, seramai 20 orang pemenang dari pelbagai latar belakang telah terpilih. Perjalanan umrah mereka telah dirakam dan tayangkan di saluran Astro Oasis di sepanjang tahun 2008.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:99 20/6/09 2:39:24 AM

Ulasan Operasi

HAJI

Perkhidmatan pengurusan haji merupakan teras utama penubuhan Tabung Haji selari dengan visinya iaitu "Pengurusan Haji Terbilang". Secara rasminya, musim haji 1429H bermula pada 30 Oktober 2008 bersamaan 1 Zulkaedah 1429H sempena penerbangan pertama jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci. Tarikh Wuquf iaitu 9 Zulhijjah 1429H jatuh pada 7 Disember 2008, iaitu pada hari Ahad.

Musim haji 1429H berakhir pada 12 Januari 2009 bersamaan 15 Muharram 1430H dengan penerbangan terakhir jemaah haji ke tanah air. Ini menjadikan tempoh musim haji selama 75 hari. Secara purata tempoh pemergian haji bagi jemaah haji Malaysia ialah 43 hari.

YB. mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyertai Rombongan Haji Malaysia untuk kali pertama sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam urusan haji.

Rombongan Haji 1429H juga terdiri daripada 15 anggota Rombongan Am yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Pengerusi Tabung Haji, Datuk Ismee bin Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, dan Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias, Ahli Lembaga Pengarah.

Ibu Pejabat operasi haji Tabung Haji masih ditempatkan di Bangunan Abraj Al-Janadiriah untuk tahun yang kedua yang juga menempatkan jemaah haji untuk tiga buah maktab iaitu Maktab 72, 73 dan sebahagian Maktab 74.

PENDAFTARAN HAJI

Melalui sistem pendaftaran haji terbuka, pendaftaran haji boleh dibuat pada bila-bila masa dan bukan untuk tahun semasa sahaja. Bakal haji (pendeposit) boleh mendaftar untuk mana-mana tahun ke hadapan yang dipilihnya. Sekiranya pendaftaran untuk tahun yang dipilih itu telah penuh (telah mencapai jumlah kuota jemaah haji Malaysia semasa) bakal haji akan ditempatkan ke jadual tahun berikutnya.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:100 20/6/09 2:39:28 AM

PENERBANGAN HAJI

Untuk kali pertama tahun ini, Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu telah dapat digunakan bagi membawa jemaah haji Terengganu dan sebahagian jemaah haji Kelantan terus ke Tanah Suci tanpa perlu singgah atau melapor diri di Kuala Lumpur.

Di atas kesungguhan Kerajaan Negeri Terengganu yang bersedia menanggung beberapa perbelanjaan yang terlibat, persiapan operasi haji di Kuala Terengganu telah dapat digerakkan dengan segera. Tujuh stesen berlepas adalah seperti berikut:

- Kelana Jaya
- Alor Setar
- Bayan Lepas
- Senai
- Kota Kinabalu
- Kuching
- Kuala Terengganu.

Penerbangan haji telah mendarat di dua lokasi iaitu Jeddah dan Madinah melalui penerbangan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Arabian Airlines (SAUDIA).

Peratusan penerbangan mendarat di Jeddah dan Madinah adalah seperti berikut :

Penerbangan	Jeddah (%)	Madinah (%)
MAS	70	30
SAUDIA	56	44

PENYEDIAAN BANGUNAN PENGINAPAN JEMAAH HAJI

Makkah

Sebagai mematuhi Peraturan Haji Arab Saudi, kesemua jemaah haji telah mendapat perkhidmatan penginapan yang terdiri daripada satu ruang minimum seluas 3.5 meter persegi dengan berkatil di Makkah dan 4 meter persegi dengan berkatil di Madinah. Sebagai tambahan, Tabung Haji telah menyediakan muatan lebihan pada kadar 1% daripada jumlah jemaah haji sebagai mematuhi peraturan baru Arab Saudi bagi membuat persediaan jika berlakunya apa-apa kejadian yang memerlukan jemaah haji dipindah dan ditempatkan di bangunan yang lain. Pada umumnya kesemua bangunan penginapan yang disediakan telah dapat memenuhi keperluan asas jemaah haji dan mendapat penilaian kepuasan yang tinggi.

Pencarian dan penyewaan bangunan penginapan untuk musim haji 1429H telah berjalan lebih awal iaitu sejak pertengahan bulan Safar 1429H.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:101
20/6/09 2:39:29 AM

Jumlah dan butiran bangunan penginapan yang digunakan dalam musim haji 1429H bagi Makkah adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Bangunan Penginapan	Kawasan dan Jarak	Muatan	Kegunaan Maktab
1.	Abraj Al-Janadriah	She'eb Amir 760m	7,700	72,73 dan 74
2.	Marwah Al-Naga	Al-Naga 550m	1,553	74 dan 75
3.	Manar Al-Quds	Al-Naga 600m	136	Pejabat-pejabat untuk Maktab Muassasah
4.	Dar Al-Ghazzah	Ghazzah 150m	2,051	75 dan 76
5.	Sevilla Barakat	Shubaikah 650m	3,902	76 dan 77
6.	Qurtuba Barakat	Shubaikah 650m	2,861	77 dan 78
7.	Elaf Al-Sud	Ajyad Al-Sud 750m	1,368	80
8.	Durrat Al-Quds	Ajyad Al-Sud 650m	1,118	80
9.	Afwaj Al-Tawbah	Ajyad Al-Sud 750m	2,091	80 dan 81
10.	Hassan Al-Khazindar	Ajyad Birbalilah 750m	1,297	78 dan 79
11.	Abraj Al-Khazindar	Ajyad Birbalilah 730m	854	79

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:102 20/6/09 2:39:30 AM

Madinah

Bangunan penginapan Madinah terdiri daripada dua bangunan utama iaitu Hotel Movenpick dan Hotel Al-Haram serta beberapa bangunan yang disewa sekiranya tidak dapat memenuhi keperluan penginapan.

Dalam usaha untuk mengekalkan kos penginapan di Madinah, Tabung Haji telah menyewa pajak Hotel Movenpick untuk tempoh 10 tahun. Hasilnya, Tabung Haji telah diberi jaminan penginapan sebanyak 6,500 muatan dalam empat pusingan semusim pada kadar tetap sepanjang tempoh pajakan.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:103 20/6/09 2:39:30 AM

BIMBINGAN HAJI

Tabung Haji terus mengekalkan program bimbingan haji untuk tahun 2008 berasaskan kepada empat tahap kursus haji iaitu Kursus Haji Bersiri, Kursus Haji Intensif, Kursus Haji Khas dan juga Kursus Haji Perdana. Pelaksanaan kesemua kursus ini dibuat di peringkat negeri dan daerah dengan berpandukan modul seragam yang dikawal oleh Bahagian Bimbingan Tabung Haji

Bagi memastikan jemaah haji terus mendapat bimbingan ibadah semasa berada di Tanah Suci, Tabung Haji turut menyediakan perkhidmatan bimbingan di Makkah, Madinah termasuk Arafah dan juga Mina yang dibimbing oleh guru-guru agama terlatih dan dipilih khas dari Malaysia. Tabung Haji juga menyediakan khidmat Pakar Rujuk Ibadat Haji bagi memantapkan bimbingan yang diberi oleh guru-guru agama.

Kemusykilan berkaitan ibadat haji yang telah dibangkitkan oleh jemaah haji dalam musim haji 1429H dapat dikategorikan seperti berikut:-

Kemusykilan	Jumlah Besar Persoalan 2008	Jumlah Besar Persoalan 2007
Larangan Ihram	989	811
Dam	912	960
Haid	820	967
Tawaf	768	931
Melontar Jamrah	583	396
Niat Ihram	409	456
Tahallul	352	433
Wuduk	346	383
Umrah	343	352
Saie	341	370
Nafar	309	341
Solat	302	458
Amalan Sunat	241	250
Mabit Di Mina	150	226
Wuquf	139	162
Mabit Di Muzdalifah	109	138
Lain-lain	350	-
JUMLAH	**7,463**	**7,634**

Tabung Haji juga mendapat kerjasama daripada media penyiaran dan elektronik serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menyiarkan rancangan bimbingan haji melalui televisyen dan radio serta mengeluarkan artikel-artikel berhubung ibadat haji di dalam akhbar-akhbar tempatan bertujuan memberikan panduan serta nasihat kepada jemaah haji dalam mempersiapkan diri sebelum berangkat ke Tanah Suci. Program-program tersebut antaranya:

- Program Seruan Haji di TV 1
- Program Lambaian Kaabah di Radio IKIM
- Program Seruan Haji di Radio Klasik Nasional
- Artikel Bimbingan Haji melalui akhbar Utusan Malaysia

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:104 20/6/09 2:39:38 AM

Selain program di media elektronik dan media cetak, Tabung Haji turut membekalkan kepada jemaah haji Buku-Buku Panduan Haji seperti Buku Panduan Ibadat Haji dan Umrah, Buku Doa dan Buku Soal Jawab Haji selain risalah-risalah panduan seperti risalah perjalanan haji dan risalah senarai semak, secara percuma.

SAJIAN

Operasi katering masih dikendalikan oleh TH Travel sebagai pembekal utama dengan melantik sejumlah katerer di Makkah dan Madinah bagi menyempurnakan kerja-kerja masakan, pembungkusan dan pengedaran. Kesemua jemaah haji telah menerima sajian makanan mengikut kaedah asas Muassasah dan jenis pakej yang dipilih.

PENGANGKUTAN JEMAAH HAJI

Kesemua jemaah haji telah diaturkan pergerakan ke stesen-stesen di Tanah Suci dengan menggunakan perkhidmatan bas yang diatur dan diselaraskan oleh Pihak Berkuasa Kenderaan iaitu *Nagabah* termasuk bagi perjalanan *Masya'ir* (perjalanan ke Arafah - Muzdalifah - Mina).

Pada umumnya perkhidmatan bas yang disediakan adalah baik dan telah dapat memenuhi keperluan pergerakan jemaah haji ke semua stesen.

URUSAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Seperti amalan sebelum ini, dua orang petugas Jabatan Pendaftaran Negara dipilih untuk turut serta dalam operasi musim haji 1429H bagi menyempurnakan aktiviti pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152).

PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN PROGRAM WARGA EMAS

Perkhidmatan kaunseling diberikan kepada jemaah haji yang memerlukan bimbingan dan pertolongan psikologi supaya mereka boleh mengendalikan diri sendiri semasa berada di Tanah Suci. Aktiviti utama kaunseling adalah:-

- Lawatan silaturrahim
- Ceramah kaunseling
- Kaunseling
- Intervensi Krisis
- Penaksiran dan pengujian psikologi
- Pengurusan warga emas

Petugas-petugas kaunseling akan membuat lawatan silaturrahim ke bilik-bilik penginapan jemaah haji, pusat rawatan dan hospital untuk mengesan tanda-tanda awal konflik dan seterusnya membimbing jemaah haji untuk menerima perubahan dan tanggungjawab ke atas dirinya sendiri. Pendekatan ini merupakan satu langkah pencegahan awal terhadap apa jua masalah yang sedang atau bakal dihadapi oleh jemaah haji di Tanah Suci.

Pengurusan Warga Emas di Masya'ir pula adalah satu projek khas Tabung Haji yang dikendalikan oleh pasukan kaunseling untuk 50 orang golongan warga emas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan bertujuan untuk mengurangkan jemaah haji hilang.

PERKHIDMATAN HAJI YANG DISEDIAKAN OLEH PENGELOLA JEMAAH HAJI

Bagi musim 1429H, sebanyak 31 Agensi Pelancongan telah dilesenkan oleh Tabung Haji sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang menawarkan perkhidmatan tambahan kepada jemaah haji semasa di Tanah Suci.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:105
20/6/09 2:39:49 AM

Senarai 31 agensi pelancongan tersebut adalah seperti berikut:

1.	Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn Bhd	17.	KAA Travel & Tours Sdn Bhd
2.	Al-Nile Tours & Travel Sdn Bhd	18.	Kawakib Travel Sdn Bhd
3.	Alif Travel & Tours Sdn Bhd	19.	KSB Travel & Tours Sdn Bhd
4.	Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd	20.	Lintas Travel & Tours Sdn Bhd
5.	Ash-Har Travel & Tours Sdn Bhd	21.	Misbah Travel & Tours Sdn Bhd
6.	Asia Oriental Travel Sdn Bhd	22.	Mitra Kembara Travel & Tours Sdn Bhd
7.	Batuta Travel & Tours Sdn Bhd	23.	Perpel Travel & Tours Sdn Bhd
8.	C.S Holidays Sdn Bhd	24.	Rayhar Travel Sdn Bhd
9.	Cantumas Travel & Tours Sdn Bhd	25.	SMAS Travel Sdn Bhd
10.	Citra Travel & Tours Sdn Bhd	26.	Syarikat Pelancongan Yaskin Sdn Bhd
11.	FB Travel Sdn Bhd	27.	Syarikat Rahman Brothers Travel & Tours Sdn Bhd
12.	Felda Travel Sdn Bhd	28.	Tiram Travel Sdn Bhd
13.	Gemilang Travel & Tours Sdn Bhd	29.	TM Tours & Travel Sdn Bhd
14.	Harom Fast Travel Sdn Bhd	30.	Utas Travel & Tours Sdn Bhd
15.	Hidayah Travel & Tours Sdn Bhd	31.	Zahafis Travel & Tours Sdn Bhd
16.	ITT Travel & Tours Sdn Bhd		

Harga pakej yang ditawarkan oleh agensi pelancongan ini bernilai di antara RM13,900 hingga RM48,000 bagi seorang jemaah haji, bergantung kepada jenis dan lokasi penginapan di Makkah, bilangan jemaah dalam satu bilik, penempatan khemah di Mina dan pengangkutan yang disediakan.

Seramai sekitar 9,000 jemaah haji telah memilih pakej Pengelola Jemaah Haji. Mereka telah berangkat ke Tanah Suci melalui 34 penerbangan dan jumlah bangunan penginapan mereka di Tanah Suci adalah sebanyak 64 buah.

Bagi menilai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh agensi pelancongan ini, Tabung Haji telah menyediakan satu pasukan petugas yang membuat pemantauan dan penilaian ke atas bangunan penginapan, sajian, pengawasan pergerakan jemaah haji dan petugas agensi pelancongan.

OPERASI MASYA'IR

Arafah

Operasi Masya'ir bermula pada 8 Zulhijjah dengan pergerakan pertama jemaah haji ke Arafah bermula pada pukul 1.00 petang dan bas terakhir bertolak ke Arafah pada pukul 11.20 malam. Ketibaan jemaah haji yang paling awal di Arafah ialah pada pukul 1.54 petang.

Perkhemahan Rombongan Haji Malaysia ditempatkan di dalam kawasan *Taraddudiah*. Maktab bagi Pakej TH Travel Almaas dan Zamrud serta Maktab 82 ditempatkan di luar kawasan *Taraduddiah* disebabkan keperluan kepada perkhidmatan khas dan bagi Maktab 82, terdapat lebihan kapasiti di kawasan perkhidmatan khas.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:106 20/6/09 2:39:49 AM

Rombongan Haji Malaysia juga telah diberi satu kawasan kecil berhampiran Jalan 6 di dalam kawasan *Taraddudiah* yang telah dimanfaatkan untuk perkhemahan jemaah haji warga emas, petugas-petugas yang berkhidmat kepada jemaah haji warga emas dan petugas-petugas *advance party* yang akan bergerak ke Muzdalifah dan Mina.

Kesemua kemudahan di perkhemahan Ibu Pejabat dan jemaah haji termasuk makan minum telah disediakan dengan baik.

Pengisian program Wuquf dilaksanakan hampir seragam di semua maktab yang dimulakan dengan bacaan khutbah Wuquf dan pimpinan wirid serta doa.

Muzdalifah

Pergerakan jemaah haji dari Padang Arafah ke Muzdalifah bermula pada waktu menghampiri Maghrib iaitu pukul 5.30 petang dan telah dapat diselesaikan dengan bas terakhir pada pukul 9.00 malam. Pergerakan bas dari Arafah ke Muzdalifah adalah lancar dan bas terakhir tiba di Muzdalifah pada pukul 9.15 malam.

Kawasan bermabit di Muzdalifah terbahagi kepada dua, iaitu 12 Maktab di kawasan khusus untuk Malaysia di awal Muzdalifah (dari Mina) dan tiga Maktab di kawasan bercampur dengan jemaah haji Asia Tenggara yang lain.

Mina

Pergerakan jemaah haji dari Muzdalifah ke Mina (Muaisim) bermula pada pukul 11.54 malam iaitu setelah berlalunya tempoh perkiraan setengah malam. Bas terakhir bertolak ke Mina pada pukul 7.20 pagi. Ini bermakna kesemua jemaah haji Malaysia yang berada di laluan *Taraddudiah* telah dapat meninggalkan Muzdalifah pada waktu yang amat sesuai dan tidak terlibat dengan sebarang gangguan pergerakan seperti yang telah dialami pada musim haji yang lalu.

Ketibaan jemaah paling awal di Muaisim ialah pada pukul 12.10 pagi dan bas terakhir tiba pada pukul 8.30 pagi.

HARI-HARI TASYRIK

Urusan Melontar

Urusan pada hari-hari Tasyrik ialah pelaksanaan melontar dan bermabit. Urusan melontar telah diselaraskan di peringkat Muassasah dan Kementerian Haji Arab Saudi di mana satu garis panduan menyeluruh telah dikeluarkan oleh Kementerian Haji bagi kelancaran pergerakan ke Jamarat bagi semua jemaah haji.

Jadual yang diperuntukkan kepada jemaah haji Malaysia telah disemak dan beberapa cadangan ubah suai telah dikemukakan yang akhirnya telah dapat diterima oleh pihak Muassasah dan Kementerian Haji Arab Saudi.

Kemajuan pembinaan Jamarat pada tahap yang ada telah dapat memenuhi keperluan jemaah haji untuk melaksanakan lontaran dengan lancar dan tidak terperangkap dalam kelompok manusia yang ramai.

Bagi jemaah haji Pakej TH Travel yang berkhemah di kawasan Majral Kabsy, mereka menuju Jamarat dengan menaiki lif dan menyempurnakan lontaran di tingkat 2. Laluan ini nyata tidak menghadapi apa-apa masalah.

Perkhemahan

Urusan perkhemahan di Muaisim dan di Majral Kabsy pada umumnya adalah baik. Namun demikian, masih terdapat ruang untuk diperbaiki khususnya yang berkaitan dengan kebersihan persekitaran di dalam dan di luar khemah yang berkaitan sampah sarap dan penggunaan tandas yang jatuh di dalam bidang kuasa Muassasah dan agensi-agensi Arab Saudi yang lain.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:107
20/6/09 2:39:50 AM

Nafar Awal Dan Akhir

Seramai 1,995 jemaah haji jemaah haji telah melaksanakan Nafar Awal pada 12 Zulhijjah yang melibatkan jemaah haji Muassasah, Pakej TH Travel dan Pakej PJH.

Pergerakan jemaah haji dari Muaisim ke Makkah pada 13 Zulhijjah telah berjalan dengan baik di mana bas pertama telah bergerak pada jam 7.00 pagi dan yang terakhir berlepas pada pukul 5.52 petang. Pada umumnya ketibaan jemaah haji di Makkah adalah di dalam waktu yang normal dengan bas terakhir tiba pada pukul 6.15 petang.

OPERASI JEDDAH

Operasi Jeddah bermula pada 5 November 2008 dengan ketibaan penerbangan KT21 yang membawa seramai 200 orang jemaah haji melalui penerbangan MH150. Penerbangan carter penuh MAS dan SAUDIA mula memasuki Jeddah setiap hari mulai 12 November 2008 dan berakhir pada 2 Disember 2008.

Urusan di Terminal Haji King Abdul Aziz International Airport (KAAIA) pada umumnya berjalan baik dengan tempoh purata waktu ketibaan dan berlepas keluar terminal sekitar 2.5 jam, kecuali apabila menghampiri hari Wuquf di mana terdapat kesesakan waktu ketibaan, waktu prosesan menjadi lebih lama iaitu sekitar lima jam.

Operasi penerbangan pulang (Fasa 2) dari Jeddah bermula dengan kepulangan jemaah haji KT01 pada 13 Disember 2008. Sebanyak 66 penerbangan diuruskan melalui KAAIA, Jeddah dalam Fasa 2.

Tabung Haji masih menggunakan Madinatul Hujjaj di Jeddah dalam Fasa 2 disebabkan keperluan yang masih relevan di mana jemaah dapat dipastikan telah tiba di Jeddah dalam waktu yang dijadualkan dan urusan daftar masuk bagasi dapat dibuat lebih awal agar urusan di Terminal Haji hanya melibatkan prosesan akhir imigresen sahaja.

Pihak pentadbir Madinatul Hujjaj telah memperuntukkan kawasan baru bagi kegunaan Rombongan Haji Malaysia di mana ruang penginapan dan daftar masuk bagasi di dapati lebih selesa dan ruang operasi bagi Tabung Haji juga disediakan dengan kemudahan yang lebih baik berbanding blok lama yang diguna sebelum ini. Harga penyewaan Madinatul Hujjaj masih kekal SR80 seorang termasuk upah mengangkat bagasi.

OPERASI MADINAH

Operasi Madinah bermula pada 30 Oktober 2008 dengan ketibaan penerbangan KT01. Pada umumnya operasi di Madinah bagi penerbangan pergi dan penerbangan balik berjalan dengan baik dan lancar. Ibu Pejabat Tabung Haji di Madinah musim ini masih ditempatkan di Bangunan Alauddin setelah disambung penyewaannya untuk tempoh tiga tahun lagi.

Urusan sambutan jemaah haji di Terminal Lapangan Terbang Madinah, di pusat ketibaan Al-Hijrah dan di Bir Ali berjalan dengan lancar di mana setiap sektor menempatkan bilangan petugas yang mencukupi.

Jemaah haji masih diaturkan berada di Madinah untuk lapan hari bagi menyempurnakan ibadah ziarah dan berusaha mendapatkan beberapa kelebihan lain di Madinah.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:108 20/6/09 2:39:50 AM

Pengendalian ziarah ke Masjid Nabawi diperkemaskan dengan adanya dua orang guru agama wanita bagi membantu jemaah haji wanita menghadapi beberapa proses dalam laluan menuju ke kawasan *Raudah* dan selanjutnya untuk melawat makam Rasulullah SAW.

Pengurusan jemaah haji di Madinah berasaskan konsep Pusat Perkhidmatan Zon di mana bangunan penginapan di Madinah dibahagikan kepada dua zon dan setiap zon dianggotai oleh sejumlah petugas kebajikan yang diketuai oleh Pengurus Zon dan petugas perubatan yang diketuai oleh seorang pegawai perubatan.

OPERASI MAKKAH

Untuk kali pertama tahun ini, pengurusan di peringkat Maktab di Makkah dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Maktab (PPM) yang mana dipertanggungjawabkan terus kepada Timbalan Ketua Rombongan Haji (Kebajikan).

Sehubungan itu juga, fungsi Pengarah Operasi Makkah (selain daripada Maktab) digabungkan dengan jawatan Pengarah Operasi Masya'ir.

Operasi PPM masih tertumpu kepada penyampaian perkhidmatan–perkhidmatan teras dan pemantauan serta penyelarasan perkhidmatan utama dan luar di peringkat Maktab. Sebanyak 10 PPM telah disediakan untuk jemaah haji Muassasah, tiga untuk PJH dan dua untuk TH Travel.

Bagi PPM Muassasah, pencapaian berikut telah dihasilkan:-

(i) Penempatan sebahagian besar PPM di tingkat bawah bangunan penginapan jemaah haji bagi memberi kemudahan kepada jemaah haji untuk mendapatkan perkhidmatan;

(ii) Penggunaan alat hubungan jarak jauh, *Bravo*, telah meningkatkan keberkesanan perhubungan antara Maktab dan Pusat Maklumat Operasi dan antara petugas dengan petugas;

(iii) Penyeragaman bahan maklumat, perancangan aktiviti, jadual pergerakan jemaah dan bahan pandu arah;

(iv) Kelancaran operasi Masya'ir ekoran berkesannya gabungan petugas Madinah, Jeddah dan Kewangan yang ditempatkan di PPM;

(v) Kesemua 2,223 aduan yang diterima telah dapat diselesaikan;

(vi) Perkhidmatan luar yang dibekalkan oleh pihak ketiga dipantau dengan berkesan.



19667-ulasan_64-123.indd Sec1:109 20/6/09 2:39:51 AM

PEMBEKAL KHIDMAT LUAR

Muassasah

Pada umumnya Rombongan Haji Malaysia amat berpuas hati dengan kerjasama Muassasah Mutawwif Asia Tenggara yang telah melaksanakan fungsinya dengan baik berkaitan urusan sambutan, ketibaan dan keberangkatan, penyimpanan pasport haji, urusan jenazah, penyediaan bas bagi pergerakan jemaah haji dan ziarah luar.

Beberapa pemerhatian yang boleh menambahbaik perhubungan dan perkhidmatan Muassasah sedang diteliti dan akan dibangkitkan kepada pihak Muassasah kelak.

Perubatan

Rombongan Perubatan Malaysia telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sehingga dipilih oleh pihak berkuasa Arab Saudi sebagai Rombongan Perubatan Terbaik untuk musim haji 1429H.

Perangkaan utama bagi menggambarkan perkhidmatan yang diberikan oleh Rombongan Perubatan adalah seperti berikut:-

Jumlah Kes-Kes Yang Dirawat Mengikut Penyakit

Bil	Klasifikasi Penyakit	Jantina		JUMLAH	
	Communicable Dieases	Lelaki	Wanita	Pesakit	%
1.	*Cardio Vascular Diseases*	1,241	1,455	2,696	3.1
2.	*Chest Diseases*	30,788	35,593	66,381	76.7
3.	*Gastro Instestinal Diseases*	1,473	1,577	3,050	3.5
4.	*Kidney & Urinary Diseases*	269	137	406	0.5
5.	*Obstetrics & Gynaecology*	0	294	294	0.3
6.	*Skin Diseases*	1,708	1,243	2,951	3.4
7.	*Musculo-Skeletal Diseases*	2,173	2,130	4,303	4.9
8.	*Neurological Disorder*	381	461	842	1.0
9.	*Metaboloc Disorder*	895	1,004	1,899	2.2
10.	*Eye Diseases*	419	456	875	1.0
11.	*E.N.T Diseases*	246	272	518	0.6
12.	*Mouth And Dental Diseases*	607	646	1,253	1.5
13.	*Injuries And Other External Cause*	297	222	519	0.6
14.	*Haemotologic Disease*	15	28	43	0.1
15.	*Psychiatric Disorder*	22	28	50	0.1
16.	*Others (not quoted elsewhere)*	196	247	443	0.5
JUMLAH		**40,730**	**45,793**	**86,523**	**100**

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:110 20/6/09 2:39:55 AM

Jumlah Jemaah Haji Yang Dirawat Di Hospital Malaysia Dan Hospital Arab Saudi

Hospital Malaysia

Bil	Hospital/Pusat Rawatan	Jumlah Pesakit	Peratus (%)
1.	Pusat Rawatan Madinah	234	19.4
2.	Pusat Rawatan Syisyah	507	42.0
3.	Hospital Aziziah	291	24.1
4.	Klinik Abraj Al Janadiriah	99	8.2
5.	Klinik Madinatul Hujjaj	77	6.3
	JUMLAH	**1,208**	**100**

Hospital Arab Saudi

Bil	Hospital		Jumlah Pesakit	Peratus (%)
1.	Madinah	Hospital King Fahd	17	20.2
		Hospital Al Ansar	1	1.2
2.	Makkah	Hospital King Abdul Aziz	25	29.8
		Hospital An Nur	23	27.4
		Hospital King Faisal	10	11.9
		Hospital Wiladah	1	1.2
		Hospital Hirak	2	2.4
3.	Jeddah	Hospital King Fahd	5	5.9
		JUMLAH	**84**	**100**

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN HAJI

Sebagai langkah penambahbaikkan berterusan, usaha–usaha penyelidikan dan pembangunan haji dilakukan bagi memastikan pengurusan haji sentiasa berkualiti. Sehubungan itu, satu bahagian baru yang dinamakan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji telah diwujudkan di Jabatan Haji.

Perkhidmatan kepada jemaah haji Malaysia terus dipertingkatkan mengikut standard Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2000 Perkhidmatan Haji (ISO PH) dan telah dipersijilkan bagi tahun ke tiga. Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH) telah diperkenalkan sebagai usaha penambahbaikkan berterusan untuk menilai segala perkhidmatan yang telah diberikan kepada jemaah haji semasa operasi haji.

Semua petugas operasi haji di tanah air dan di Tanah Suci menghayati dan mempraktikkan segala proses kerja mengikut prosedur yang telah dibangunkan berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti bagi memastikan perkhidmatan kepada jemaah haji sentiasa cemerlang dan berkualiti tinggi serta memenuhi kepuasan jemaah haji.

Ini selaras dengan visi kami iaitu "Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang"

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:111
20/6/09 2:39:57 AM

Ulasan Operasi

PERKHIDMATAN PELANGGAN/PENDEPOSIT

PENCAPAIAN AHLI BARU DAN SIMPANAN 2008

Pada tahun 2008, ahli baru Tabung Haji telah meningkat sebanyak 64,813 orang berbanding dengan jumlah tahun 2007 menjadikan pencapaian ahli baru yang tertinggi dalam tempoh lima tahun iaitu seramai 310,739 orang.

Pendeposit Baru 2007 - 2008

Pejabat	2007	2008
Ibu Pejabat	7,049	8,093
Perlis	5,275	6,150
Kedah	24,258	28,317
Pulau Pinang	9,365	11,524
Perak	21,138	26,120
Selangor	38,595	47,111
Wilayah Persekutuan	10,317	12,386
Melaka	8,835	13,679
Negeri Sembilan	10,128	13,278
Johor	25,016	35,417
Pahang	17,768	26,558
Terengganu	20,166	21,365
Kelantan	24,163	29,454
Sabah	13,038	17,779
Sarawak	10,798	13,480
Arab Saudi	17	28
JUMLAH	**245,926**	**310,739**



19667-ulasan_64-123.indd Sec1:112 20/6/09 2:39:57 AM

BULAN	BANK ISLAM			BANK RAKYAT		
	DAFTAR KAD	ATM	CDM	DAFTAR KAD	ATM	CDM
		TRANSAKSI			TRANSAKSI	
Apr	10,974	6,513	1,224	8,247	4,367	166
Mei	14,861	28,032	4,492	11,544	19,557	496
Jun	11,048	40,795	4,331	8,656	23,596	501
Julai	9,158	42,594	6,328	9,883	29,029	759
Ogos	7,578	52,015	6,018	5,033	34,758	611
Sep	5,943	50,744	6,847	3,845	32,693	603
Okt	5,145	42,599	8,865	2,925	29,423	763
Nov	5,158	61,421	7,086	3,411	41,537	1,168
Dis	5,142	53,111	9,196	3,114	34,142	1,766
JUMLAH	**75,007**	**377,824**	**54,387**	**56,658**	**249,102**	**6,833**

Prestasi Simpanan Dan Pengeluaran Perbankan Elektronik
Bagi Tempoh Sehingga 31 Disember 2008

RANGKAIAN PERKHIDMATAN BANK ISLAM DAN BANK RAKYAT

Tabung Haji telah mengadakan usaha sama strategik bersama Bank Islam dan Bank Rakyat untuk menambahkan rangkaian perkhidmatan Tabung Haji kepada pendeposit. Perkhidmatan ATM dan CDM menggunakan kemudahan kedua-dua bank tersebut telah dilancarkan pada 15 April 2008.

Untuk menggunakan rangkaian perkhidmatan mesin ATM dan CDM yang disediakan oleh Bank Islam dan Bank Rakyat, pendeposit yang mempunyai kad ATM bank-bank tersebut hanya perlu mendaftar dan menghubungkan kad ATM mereka ke akaun Tabung Haji dan seterusnya boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan seperti berikut:

i. Urusan 24 jam pengeluaran tunai dan pindahan wang melalui mesin ATM Bank Islam dan Bank Rakyat. Jumlah pengeluaran dan pindahan wang mengikut had yang ditetapkan oleh bank.

ii. Kad ATM penjaga boleh dihubungkan sehingga lapan akaun anak di bawah jagaannya.

iii. Bagi urusan pindahan wang, pelanggan diberi pilihan untuk melaksanakan urusniaga berikut:

- Pindahan dari akaun bank ke akaun Tabung Haji – akaun sendiri, pihak ketiga
- Pindahan dari akaun Tabung Haji ke akaun bank – akaun sendiri, pihak ketiga
- Pindahan dari akaun Tabung Haji ke akaun Tabung Haji – pihak ketiga

iv. Urusan melalui Cash Deposit Machine (CDM)

- Memberi kemudahan simpanan wang tunai ke akaun Tabung Haji di semua mesin CDM Bank Islam dan Bank Rakyat
- Kesemua transaksi perbankan Tabung Haji di ATM dan CDM beroperasi 24 jam setiap hari
- Simpanan wang juga boleh dibuat kepada akaun pihak ketiga
- Simpanan boleh samada menggunakan kad atau tanpa kad ATM

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:113
20/6/09 2:39:59 AM

Kini pendeposit yang berdaftar menggunakan perkhidmatan ini boleh berurusan di 750 mesin ATM dan CDM milik Bank Islam dan Bank Rakyat. Pihak bank juga sedang berusaha untuk menempatkan mesin ATM dan CDM di lokasi yang strategik untuk menambahkan lagi kemudahan tersebut di semua pejabat Tabung Haji negeri.

PERKHIDMATAN PERBANKAN ELEKTRONIK

Perkhidmatan perbankan elektronik dan Internet memberi pilihan kepada pelanggan untuk melaksanakan urusniaga menambah simpanan dan berupaya meningkatkan kecekapan operasi dengan kos yang lebih rendah.

Perkhidmatan perbankan elektronik dan Internet Tabung Haji menggunakan perkhidmatan rakan strategik daripada 11 bank yang dilantik.

Perkhidmatan bagi urusniaga simpanan yang disediakan meliputi:

i. Simpanan tunai melalui kaunter bank
ii. *Automated Teller Machine* (ATM)
iii. *Standing Instruction* (SI)
iv. *Cash Deposit Machine* (CDM)
v. Pindahan Giro (IBG)
vi. Perbankan Internet

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:114 20/6/09 2:40:00 AM

KELAB TAHA

Bagi meneruskan usaha Tabung Haji untuk memupuk minat menabung di kalangan pelajar sekolah, Tabung Haji telah menubuhkan Kelab TaHa yang mensasarkan penabung muda di kalangan mereka yang berumur tujuh hingga 17 tahun.

Penubuhan Kelab TaHa ini merupakan program kesinambungan daripada Skim Hadiah Galakan Sekolah-Sekolah Malaysia yang telah berjalan selama 20 tahun. Produk baru Tabung Haji ini dijangka akan lebih menarik minat pelajar kerana ia menawarkan pelbagai aktiviti dan program menarik.

Kelab TaHa yang telah dilancarkan secara rasmi pada 10 April 2008 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi oleh YB. Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah mendapat sambutan hangat daripada kumpulan sasar.

Sehingga 31 Disember 2008, keahlian Kelab TaHa telah melebihi sasarannya dengan keahlian seramai 119,615 orang dengan jumlah simpanan mencecah RM55.4 juta. Sepanjang tahun 2008, Kelab TaHa telah menjalankan pelbagai aktiviti dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Antara aktiviti tersebut ialah peraduan mewarna, teka silang kata dan klinik bimbingan peperiksaan. Selain itu,15 siri komik dalam majalah sisipan Didik dan Minda Pelajar diterbitkan iaitu dua kali sebulan (minggu pertama dan ketiga) bermula dari bulan Mac hingga Jun 2008. Ruangan aktiviti Kelab TaHa juga terdapat dalam sisipan Didik dan Minda Pelajar yang diterbitkan sebanyak lima kali setiap dua bulan bermula Mac hingga Disember 2008.

Bagi mendapatkan keistimewaan tambahan untuk pemegang kad Kelab TaHa, Tabung Haji telah menjalinkan kerjasama dengan 98 syarikat yang telah bersetuju untuk memberi pelbagai keistimewaan kepada pemegang kad.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:115
20/6/09 2:40:05 AM

TABUNG HAJI CONTACT CENTRE (THCC)

THCC telah melebarkan perkhidmatannya kepada anak syarikat Tabung Haji, TH Properties Sdn Bhd (TH Properties), sejak 12 Mei 2008. Dengan penyertaan TH Properties ini, masa operasi THCC telah dipanjangkan dari lima hari seminggu (Isnin-Jumaat) kepada tujuh hari seminggu dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Malahan pada operasi musim haji 1429H, THCC telah mengambilalih peranan Pusat Maklumat Operasi (PMO) dan menjadi pusat rujukan kepada orang awam bermula pada 28 Oktober 2008. Sebarang pertanyaan, aduan, komen mengenai operasi khususnya dari bakal-bakal haji dan waris disalurkan terus kepada THCC dan tidak lagi melalui PMO.

PENGAMALAN STANDARD PERKHIDMATAN PELANGGAN (SPP)

Usaha Tabung Haji dalam menerapkan amalan SPP kepada semua anggotanya dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah terbaik dan telah diperakui sendiri oleh Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila Tabung Haji telah diminta dan diberikan kepercayaan untuk mengendalikan program dan latihan SPP kepada sembilan agensi di bawah seliaan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Latihan SPP selama dua hari ini telah diadakan pada 28 dan 29 Ogos 2008 bertempat di Dewan Syarahan Utama dan bilik kuliah Masjid Negara. Di antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Dakwah Islamiah dan pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

SOAL SELIDIK 2008

Kajian secara serentak di seluruh negara pada 7 Julai hingga 11 Julai 2008 (siri pertama) dan 30 November sehingga 5 Disember 2008 (siri kedua) telah melibatkan sebanyak 12,300 responden yang terdiri daripada para pendeposit yang berurusan di kaunter Tabung Haji. Kedua-dua hasil kajian mendapati bahawa responden sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan di kaunter-kaunter Tabung Haji Persekutuan, Yayasan Dakwah Islamiah dan pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) yang menjadi penanda aras persepsi perkhidmatan kaunter Tabung Haji, telah mencatatkan indeks melebihi 85%.

Analisa kali ini hanya difokuskan kepada persepsi pelanggan mengenai Standard Perkhidmatan Pelanggan, persepsi pelanggan terhadap anggota Tabung Haji dan tahap pengetahuan pendeposit kepada perkhidmatan yang ditawarkan.

Skop Analisa	Keseluruhan (%)
Mutu Perkhidmatan Pelanggan	96
Persepsi Terhadap Anggota Tabung Haji	98

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:116 20/6/09 2:40:06 AM

STATISTIK PENDEPOSIT









19667-ulasan_64-123.indd Sec1:117
20/6/09 2:40:07 AM

Ulasan Operasi

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL

Tabung Haji, sebuah organisasi Islam prihatin dan bertanggungjawab, sentiasa peka terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Kejayaan Tabung Haji adalah hasil sokongan padu dari masyarakat Islam negara ini. Menyedari hakikat ini, Tabung Haji melibatkan diri dalam beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi memenuhi tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat.

Sepanjang tahun 2008, beberapa program bercorak CSR telah dijalankan, antaranya:

ANUGERAH AL-MITHALI TABUNG HAJI

Dengan gandingan bersama Kementerian Pelajaran Malaysia, Tabung Haji telah mewujudkan program ini untuk mengiktiraf kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM.

Tumpuan diberikan kepada mereka yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. Anugerah Al-Mithali diberikan kepada individu dan sekolah-sekolah luar bandar yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam aspek akademik dan juga ko-kurikulum serta lain-lain pencapaian dan inisiatif. Ianya adalah program tahunan dari Tabung Haji dan Kementerian Pelajaran.

SAHABAT KORPORAT TABUNG HAJI

Tabung Haji juga menyediakan satu pentas untuk syarikat-syarikat korporat memanjangkan aktiviti CSR masing-masing dengan memberi sumbangan kepada para jemaah haji.

Program Sahabat Korporat Tabung Haji adalah aktiviti berkongsi barakah dengan syarikat-syarikat korporat ini, di mana mereka memberi sumbangan barangan seperti kenderaan ambulan, beg sandang, tikar plastik, uncang batu, barangan kesihatan, air mineral, ubat gigi, buku-buku panduan ibadah haji dan juga wang tunai.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:118 20/6/09 2:40:08 AM

IHYA' RAMADAN

Aktiviti amal jariah diperhebatkan lagi melalui program ini, di mana Tabung Haji menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga miskin melalui setiap pejabat Tabung Haji Negeri. Beberapa syarat telah digariskan dalam pemilihan mereka yang layak untuk menerima bantuan ini antaranya, keadaan tempat tinggal yang daif, ketua keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan tetap atau uzur serta ibu tunggal yang mempunyai tanggungan yang ramai. Diharapkan dengan bantuan ini, bulan Ramadan Al-Mubarak akan lebih ceria bagi mereka yang memerlukan bantuan seperti ini.

SEKOLAH ANGKAT

Sekolah yang uzur dan daif keadaannya dan majoriti para pelajarnya adalah dari kalangan keluarga miskin juga mendapat perhatian Tabung Haji. Melalui program Sekolah Angkat, Tabung Haji memberi bantuan kewangan untuk membentuk sekolah-sekolah berkenaan menjadi institusi yang sesuai bagi pelajar-pelajar menimba ilmu. Beberapa sekolah daripada setiap negeri akan dipilih menjadi Sekolah Angkat Tabung Haji. Usaha ini selaras dengan aspirasi kerajaan yang ingin membina modal insan yang berwawasan dan berkualiti. Sekolah-sekolah yang dipilih akan dipantau oleh Tabung Haji, di mana perkembangan dan pencapaian mereka akan diteliti dari semasa ke semasa.

JAWI WARISAN BANGSA

Program anjuran Tabung Haji bersama akhbar sisipan Utusan Melayu Mingguan dilancarkan bagi memartabatkan tulisan dan penguasaan jawi. Satu pertandingan Buku Skrap Jawi bertemakan "Malaysiaku" telah diadakan di antara sekolah-sekolah rendah seluruh negara sebagai pengisian program ini. Pertandingan yang julung-julung kali diadakan menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 untuk juara, dua pemenang tempat kedua masing-masing menerima hadiah RM300 manakala tiga pemenang di tempat ketiga masing-masing menerima RM200. Manakala hadiah saguhati RM50 diberikan kepada 50 orang pemenang. Sementara itu sekolah yang paling banyak menghantar penyertaan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:119
20/6/09 2:40:09 AM

Ulasan Operasi

OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MASA HADAPAN

Perancangan mantap telah dibuat bagi menghadapi tahun 2009 untuk memastikan Tabung Haji terus menjadi satu entiti unggul di arena perniagaan dengan kepentingan di dalam sektor-sektor strategik di samping memberi perkhidmatan cemerlang dalam pengurusan ibadah haji kepada umat Islam di negara ini.

Di bawah Pelan Perniagaan 5 Tahun, Tabung Haji akan melabur di dalam industri-industri yang mampu bertahan dalam kancah kemerosotan ekonomi antaranya sektor-sektor pemakanan halal serta minyak dan gas. Turut diberi perhatian adalah pelaburan-pelaburan yang mampu menjana pulangan menarik serta pendapatan yang stabil.

Dari sudut pelaburan hartanah, pelaburan-pelaburan di Makkah dan Madinah akan dipertingkatkan kerana ianya bertindak sebagai serampang dua mata yang mampu menjana pendapatan berulang di samping membantu Tabung Haji mengawal kos pengurusan haji bagi umat Islam di negara ini. Buat masa ini, sebahagian besar kos mengerjakan haji adalah daripada kos penginapan dan tambang penerbangan para jemaah.

Di dalam Industri pemakanan halal pula, Tabung haji akan memperkukuhkan kedudukannya melalui anak syarikat sedia ada untuk menjadikannya sebagai salah satu Institusi utama di dalam sektor yang berpotensi ini. Ianya akan dilaksanakan

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:120 20/6/09 2:40:10 AM

melalui usaha sama strategik dan peningkatan pelaburan dalam syarikat-syarikat pemakanan halal yang telah dikenal pasti mempunyai daya maju.

Di samping pelaburan-pelaburan ini, Tabung Haji akan terus memperkukuhkan pelaburan-pelaburan di sektor sedia ada melalui perancangan-perancangan korporat yang strategik dan urustadbir yang terbaik bagi memastikan institusi ini terus kompetitif selanjutnya mencapai visi sebagai "Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah".

Perkhidmatan pelanggan akan terus dipertingkatkan melalui sistem penyampaian yang lebih efektif agar para pendeposit akan sentiasa berpuas hati menabung wang simpanan mereka di institusi ini. Langkah strategik yang dilaksanakan bersama-sama bank tempatan akan diperluaskan sebagai contoh perlaksanaan uniteller di bank-bank tersebut. Pelan 50 yang dirumus pada tahun 2008 untuk mensasarkan 50% penduduk Malaysia beragama Islam untuk menabung di Tabung Haji akan diteruskan dengan lebih agresif selari dengan matlamat jangka panjang Tabung Haji.

InsyaAllah, usaha yang ikhlas dan gigih dari semua warga kerja Tabung Haji akan dapat menjayakan segala perancangan dan polisi-polisi terutamanya Pelan Perniagaan 5 Tahun Tabung Haji untuk membentuk institusi ini sebagai entiti Islam yang unggul.

PENGHARGAAN

Saya mewakili pengurusan kanan dan semua anggota Tabung Haji merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi, YB Menteri Pertahanan dan mantan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Kerajaan Malaysia di atas kepercayaan, sokongan dan dorongan yang telah diberikan bagi memastikan Tabung Haji tetap berkembang selaras dengan inspirasi kerajaan untuk memastikan Tabung Haji menjadi sebuah Institusi Islam yang unggul dan maju.

Ucapan tahniah dan selamat datang kepada YB Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) yang telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 April 2009 yang lalu. Penghargaan yang tinggi diberikan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Panel Pelaburan dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah membantu pengurusan kanan Tabung Haji dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pendeposit atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan. Kami akan terus meningkatkan mutu perkhidmatan demi memberikan yang terbaik kepada semua para pendeposit. Tidak ketinggalan semua agensi kerajaan, swasta, badan-badan korporat dan masyarakat umum atas kerjasama dan sokongan yang telah diberi.

Ucapan penghargaan ini turut dipanjangkan kepada semua anggota Tabung Haji yang telah menunaikan segala amanah yang diberikan dengan penuh berdedikasi. Kerjasama semua anggota untuk memastikan kesinambungan kejayaan Tabung Haji amatlah penting. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan agar mendapat keberkatan di dunia dan akhirat, insyaAllah.

Datuk Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan
dan Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Tabung Haji

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:121
20/6/09 2:40:36 AM

1 Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan di Bukit Jalil

2 Lawatan Kerja Menteri United Arab Emirates

3 Majlis Pelancaran Kelab TaHa, SMK Bandar Baru Bangi

4 Muzakarah Haji Kebangsaan 1429H di De Palma Hotel

5 Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 1428H

6 World Halal Forum di Kuala Lumpur Convention Centre

8 Majlis Pelancaran Projek Integrasi ATM

7 Perarakan Sambutan Maulidul Rasul

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:122 20/6/09 2:40:36 AM

9

Lawatan YB mantan Menteri
Di Jabatan Perdana Menteri
ke TH Selborn

10

Pelancaran Kelab TaHa &
Penyampaian Anugerah
Al-Mithali 2007
Zon Tengah

11

MoU Jemputan
Umrah antara
TH Travel & Astro

Sahabat Korporat
Tabung Haji 2008

12

13

Jabatan Agama
Islam Wilayah
Persekutuan di
Terengganu

Operasi Haji
Tanah Air,
Terengganu

14

Penerbangan Balik
KT01 disambut YB
mantan Menteri
Di Jabatan Perdana
Menteri

15

19667-ulasan_64-123.indd Sec1:123
20/6/09 2:41:19 AM

19667-SEPARATOR-CONTENTS.indd Sec1:124 18/6/09 4:12:35 AM

PENYATA KEWANGAN

kandungan

126 SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

127 PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

128 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

129 LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN

131 PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN

132 PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN

134 PENYATA PERUBAHAN RIZAB

135 PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

138 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

19667-SEPARATOR-CONTENTS.indd Sec1:125 18/6/09 4:12:35 AM

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 JUN 2009

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 126 18/6/09 7:35:56 AM

Kami, **TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI MOHAMED NOR** dan **DATUK ISMEE ISMAIL** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI MOHAMED NOR
PENGERUSI

Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,

DATUK ISMEE ISMAIL
PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 127
18/6/09 4:10:10 AM

LEMBAGA TABUNG HAJI

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI

Saya **ROZAIDA OMAR**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA TABUNG HAJI**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur

Pada : 27 April 2009

ROZAIDA OMAR

KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 567
Affandi bin Ahmad
MALAYSIA

Lot 2.35, Tingkat 2
The Mall, Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur
Tel: 019 2196647

PESURUHJAYA SUMPAH

19667-CONTENTS-RIZAB TH - 125-134.indd 128 18/6/09 3:23:26 PM

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN
pada 31 Disember 2008

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
	Nota	**2008 RM'000**	2007 RM'000	**2008 RM'000**	2007 RM'000
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	3	**1,698,804**	1,328,453	**661,877**	318,353
Pajakan prabayar	4	**411,229**	426,759	**211,575**	243,356
Perbelanjaan pembangunan ladang	5	**201,624**	186,682	**-**	-
Pelaburan hartanah	6	**1,418,579**	1,263,426	**1,414,842**	1,259,610
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	7	**-**	-	**1,209,815**	847,103
Pembiayaan kepada syarikat subsidiari	8	**-**	-	**1,045,178**	1,259,646
Pelaburan dalam entiti dikawal bersama	9	**8,177**	10,872	**-**	-
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	**1,983,746**	1,093,477	**1,636,858**	913,598
Pelaburan ekuiti	11	**7,777,407**	5,711,191	**7,885,837**	5,819,571
Pelaburan kewangan	12	**1,711,682**	648,585	**1,711,682**	648,585
Kos pembangunan hartanah	13	**210,719**	189,793	**-**	-
Cukai tertunda	14	**13,579**	2,608	**-**	-
Belanja tertunda	15	**12,016**	12,494	**-**	-
		15,447,562	10,874,340	**15,777,664**	11,309,822
Aset semasa					
Inventori	16	**171,100**	72,120	**-**	-
Kos pembangunan hartanah	13	**7,631**	-	**-**	-
Penghutang perniagaan dan pelbagai	17	**601,567**	580,723	**321,547**	288,731
Tuntutan semula cukai		**139,443**	113,714	**129,687**	105,238
Pelaburan kewangan jangka pendek	18	**2,325,373**	1,458,473	**2,325,373**	1,458,473
Aset dipegang untuk dijual	19	**2,757**	6,060	**257**	3,151
Tunai dan bersamaan tunai	20	**3,340,654**	5,088,711	**3,092,471**	4,741,991
		6,588,525	7,319,801	**5,869,335**	6,597,584
Jumlah aset		**22,036,087**	18,194,141	**21,646,999**	17,907,406

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 129
18/6/09 4:10:11 AM

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN
pada 31 Disember 2008 *(sambungan)*

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
	Nota	**2008 RM'000**	2007 RM'000	**2008 RM'000**	2007 RM'000
Dana diwakili oleh:					
Kumpulan wang simpanan pendeposit	21	**20,576,321**	17,082,965	**20,576,321**	17,082,965
Rizab tukaran asing		**(180,206)**	(75,730)	**-**	-
Rizab terkumpul		**604,651**	371,937	**627,537**	517,343
		21,000,766	17,379,172	**21,203,858**	17,600,308
Kepentingan minoriti		**144,139**	125,706	**-**	-
		21,144,905	17,504,878	**21,203,858**	17,600,308
Tanggungan bukan semasa					
Peruntukan pelan manfaat persaraan	22	**132,479**	98,532	**125,196**	92,794
Cukai tertunda	14	**41,877**	43,165	**-**	-
Pendapatan tertunda	23	**12,153**	12,465	**12,153**	12,465
Pajakan kewangan	24	**81**	95	**-**	-
Pembiayaan	25	**33,238**	51,387	**-**	-
		219,828	205,644	**137,349**	105,259
Tanggungan semasa					
Pajakan kewangan	24	**39**	36	**-**	-
Pembiayaan	25	**143,682**	66,057	**-**	-
Peruntukan cukai		**4,909**	10,597	**-**	-
Pemiutang perniagaan dan pelbagai	26	**522,545**	406,618	**305,792**	201,839
Tanggungan berkaitan dengan aset untuk dijual	19	**179**	311	**-**	-
		671,354	483,619	**305,792**	201,839
Jumlah tanggungan		**891,182**	689,263	**443,141**	307,098
Jumlah dana dan tanggungan		**22,036,087**	18,194,141	**21,646,999**	17,907,406

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 138 hingga 185 merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 130 18/6/09 4:10:11 AM

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
	Nota	**2008 RM'000**	2007 RM'000	**2008 RM'000**	2007 RM'000
Pendapatan		**2,278,618**	2,770,329	**1,460,914**	1,802,040
Kos jualan		**(683,704)**	(583,382)	**-**	-
Keuntungan kasar	27	**1,594,914**	2,186,947	**1,460,914**	1,802,040
Pendapatan lain		**99,668**	90,469	**52,582**	55,329
Perbelanjaan pentadbiran		**(418,255)**	(319,295)	**(289,871)**	(235,200)
Perbelanjaan lain		**(178,780)**	(106,512)	**(112,720)**	(86,446)
Keuntungan operasi	28	**1,097,547**	1,851,609	**1,110,905**	1,535,723
Kos kewangan		**(1,494)**	(3,049)	**-**	-
Elaun rosot nilai dan hapuskira	29	**(71,755)**	(414,844)	**(71,755)**	(427,399)
Zakat	30	**(41,016)**	(39,646)	**(38,149)**	(37,047)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat dalam syarikat bersekutu		**204,470**	436,977	**-**	-
Bahagian kerugian selepas cukai dan zakat dalam entiti dikawal bersama		**(2,684)**	(8,005)	**-**	-
Keuntungan sebelum cukai		**1,185,068**	1,823,042	**1,001,001**	1,071,277
Cukai	31	**(22,557)**	(51,217)	**-**	-
Keuntungan bagi tahun semasa		**1,162,511**	1,771,825	**1,001,001**	1,071,277
Kerugian bagi tahun semasa bagi operasi yang dihentikan		**(542)**	-	**-**	-
Keuntungan bagi tahun semasa		**1,161,969**	1,771,825	**1,001,001**	1,071,277
Atribut kepada:					
Pendeposit LTH		**1,123,521**	1,725,021	**1,001,001**	1,071,277
Kepentingan minoriti		**38,448**	46,804	**-**	-
Keuntungan bagi tahun semasa		**1,161,969**	1,771,825	**1,001,001**	1,071,277

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 138 hingga 185 merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 131 18/6/09 4:10:11 AM

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

		Atribut kepada Lembaga Tabung Haji						
		Tidak boleh diagihkan			*Boleh diagihkan*		*Tidak boleh diagihkan*	
Kumpulan	**Nota**	**Rizab modal RM'000**	**Rizab penilaian semula RM'000**	**Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000**	**Keuntungan terkumpul RM'000**	**Jumlah RM'000**	**Rizab tukaran asing RM'000**	**Kepentingan minoriti RM'000**
Pada 1 Januari 2008		6,254	908	169,705	195,070	**371,937**	**(75,730)**	**125,706**
Tambahan tahun semasa		-	-	4,051	-	**4,051**	**-**	**-**
Lebihan bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	32	-	-	5,487	-	**5,487**	**-**	**-**
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	1,123,521	**1,123,521**	**-**	**38,448**
Dividen dikreditkan kepada pendeposit	33	-	-	-	(900,345)	**(900,345)**	**-**	**-**
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	**-**	**-**	**(19,101)**
Atas penjualan syarikat subsidiari		-	-	-	-	**-**	**-**	**(3,170)**
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	**-**	**-**	**2,256**
Perbezaan tukaran asing*		-	-	-	-	**-**	**(104,476)**	**-**
Pada 31 Disember 2008		6,254	908	179,243	418,246	**604,651**	**(180,206)**	**144,139**

* Keuntungan/(Kerugian) tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 132 18/6/09 4:10:11 AM

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 *(sambungan)*

		Atribut kepada Lembaga Tabung Haji						
		Tidak boleh diagihkan			*Boleh diagihkan*		*Tidak boleh diagihkan*	
Kumpulan	**Nota**	**Rizab modal RM'000**	**Rizab penilaian semula RM'000**	**Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000**	**Keuntungan/ (Kerugian) terkumpul RM'000**	**Jumlah RM'000**	**Rizab tukaran asing RM'000**	**Kepentingan minoriti RM'000**
Pada 1 Januari 2007		6,455	908	47,865	(478,777)	(423,549)	33,020	77,115
Tambahan tahun semasa		-	-	122,253	-	122,253	-	-
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	32	-	-	(413)	-	(413)	-	-
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	1,725,021	1,725,021	-	46,804
Dividen dikreditkan kepada pendeposit	33	-	-	-	(1,051,174)	(1,051,174)	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	(7,144)
Rizab hasil daripada penyatuan		(201)	-	-	-	(201)	-	-
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		-	-	-	-	-	-	8,931
Perbezaan tukaran asing*		-	-	-	-	-	(108,750)	-
Pada 31 Disember 2007		6,254	908	169,705	195,070	371,937	(75,730)	125,706

* Keuntungan/(Kerugian) tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

TKJHM merujuk kepada Tabung Kebajikan Jemaaah Haji Malaysia dan TWT merujuk kepada Tabung Warga Tua.

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 138 hingga 185 merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 133
18/6/09 4:10:11 AM

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan Di Bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan Syarikat Subsidiari

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

		Tidak boleh diagihkan	*Boleh diagihkan*	
Lembaga Tabung Haji	**Nota**	**Rizab terkumpul TKJHM dan TWT RM'000**	**Keuntungan terkumpul RM'000**	**Jumlah RM'000**
Pada 1 Januari 2008		169,705	347,638	**517,343**
Tambahan tahun semasa		4,051	-	**4,051**
Lebihan bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	32	5,487	-	**5,487**
Keuntungan tahun semasa		-	1,001,001	**1,001,001**
Dividen dikreditkan kepada pendeposit	33	-	(900,345)	**(900,345)**
Pada 31 Disember 2008		179,243	448,294	**627,537**
Pada 1 Januari 2007		47,865	327,535	375,400
Tambahan tahun semasa		122,253	-	122,253
Defisit bersih TKJHM dan TWT tahun semasa	32	(413)	-	(413)
Keuntungan tahun semasa		-	1,071,277	1,071,277
Dividen dikreditkan kepada pendeposit	33	-	(1,051,174)	(1,051,174)
Pada 31 Disember 2007		169,705	347,638	517,343

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 138 hingga 185 merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

19667-CONTENTS-RIZAB TH - FA.indd 134 18/6/09 4:10:11 AM

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
		2008	2007	**2008**	2007
	Nota	**RM'000**	RM'000	**RM'000**	RM'000
Keuntungan sebelum cukai		**1,185,068**	1,823,042	**1,001,001**	1,071,277
Pelarasan untuk:					
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		**109,983**	99,924	**30,200**	25,425
Susut nilai pajakan prabayar		**8,993**	8,852	**6,210**	6,306
Susut nilai pelaburan hartanah		**38,458**	21,400	**38,438**	21,371
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan		**(877)**	(999)	**(70)**	(205)
(Keuntungan)/Kerugian dari penjualan pajakan prabayar		**-**	(705)	**-**	-
Keuntungan daripada pelaburan hartanah		**(11,710)**	(166)	**(11,710)**	(166)
Dividen bersih syarikat bersekutu		**-**	-	**(31,713)**	(22,652)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat dalam syarikat bersekutu		**(204,470)**	(436,977)	**-**	-
Bahagian kerugian selepas cukai dan zakat dalam entiti dikawal bersama		**2,684**	8,005	**-**	-
Kerugian dari penjualan syarikat bersekutu		**-**	(22,660)	**-**	(34,590)
Keuntungan urusniaga saham		**(229,302)**	(1,172,174)	**(353,008)**	(1,167,484)
Keuntungan pembiayaan kepada syarikat subsidiari		**-**	-	**(97,728)**	(1,824)
Elaun rosot nilai pelaburan kewangan		**-**	22,249	**-**	22,249
Elaun rosot nilai pelaburan saham		**69,022**	184,983	**69,022**	195,885
Elaun rosot nilai hartanah		**-**	113,901	**-**	113,901
Peruntukan pelan manfaat persaraan		**40,248**	35,929	**37,873**	33,343
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira		**38,137**	937	**5,222**	-
Pajakan prabayar dihapuskira		**4,133**	546	**-**	-
Perbelanjaan pembangunan ladang dihapuskira		**-**	9,848	**-**	-
Pelaburan dihapuskira		**2,733**	93,838	**2,733**	95,135
Elaun rosot nilai saham diambil semula		**-**	(31,088)	**-**	(30,984)
Elaun hutang ragu diambil semula		**(24,681)**	(9,831)	**(34,881)**	(13,799)
Pelunasan perbelanjaan tertunda		**4,182**	3,123	**-**	-
Pelunasan pendapatan tertunda		**(311)**	(311)	**(311)**	(311)
Kerugian/(Keuntungan) tukaran wang asing		**3,239**	18,781	**(4,124)**	22,263
Zakat		**41,016**	39,646	**38,149**	37,047
Pelunasan premium sekuriti hutang Islam		**5,052**	5,795	**5,052**	5,795
Kos kewangan		**3,111**	4,873	**-**	-
Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja		**1,084,708**	820,761	**700,355**	377,982

19667-PENYATA ALIRAN TUNAI - FA.indd 135
18/6/09 4:10:44 AM

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 *(sambungan)*

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
		2008	2007	**2008**	2007
	Nota	**RM'000**	RM'000	**RM'000**	RM'000
(Penambahan)/Pengurangan dalam modal kerja:					
Inventori		**(98,980)**	(8,451)	**-**	-
Pelaburan hartanah		**-**	(2,688)	**-**	-
Penghutang perniagaan dan pelbagai		**(31,517)**	132,430	**(32,816)**	195,562
Pemiutang perniagaan dan pelbagai		**80,003**	(166,827)	**(41,102)**	(94,407)
Tunai diperoleh dari aktiviti operasi		**1,034,214**	775,225	**626,437**	479,137
Bayaran dividen kepada pendeposit		**(900,345)**	(1,051,174)	**(900,345)**	(1,051,174)
Bayaran zakat		**(34,549)**	(27,934)	**(34,366)**	(26,332)
Bayaran cukai		**(54,577)**	(36,577)	**-**	-
Cukai dibayar semula		**107,547**	2,850	**107,547**	-
Bayaran pelan manfaat persaraan		**(5,593)**	(2,444)	**(5,471)**	(2,191)
Perbelanjaan pembangunan ladang		**(95,196)**	(64,435)	**-**	-
Perbelanjaan pembangunan hartanah		**(31,571)**	(8,854)	**-**	-
Bayaran perbelanjaan tertunda		**(3,704)**	(8,450)	**-**	-
Tunai bersih diperoleh/(digunakan) dalam aktiviti operasi		**16,226**	(421,793)	**(206,198)**	(600,560)
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan					
Hasil dari jualan loji dan peralatan		**1,286**	1,146	**100**	33
Hasil dari pajakan prabayar		**41,747**	725	**41,747**	-
Hasil dari pelaburan hartanah		**5,618**	4,414	**5,618**	4,414
Hasil dari aset dipegang untuk dijual		**-**	2,463	**-**	2,463
Hasil dari jualan syarikat subsidiari		**-**	-	**40,000**	-
Hasil dari jualan syarikat bersekutu		**-**	85,602	**-**	85,602
Belian hartanah, loji dan peralatan		**(613,552)**	(171,895)	**(379,527)**	(78,653)
Bayaran pajakan prabayar		**(13,267)**	(3,677)	**(28)**	(951)
Belian syarikat subsidiari		**-**	-	**(75,706)**	-
Pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari		**(39,695)**	(30,511)	**(17,301)**	(29,348)
Pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu		**(723,260)**	(207,086)	**(723,260)**	(206,736)
Terimaan semula daripada entiti dikawal bersama		**-**	-	**-**	4,501
(Pelaburan)/Hasil bersih ekuiti		**(2,066,266)**	1,514,332	**(2,066,266)**	1,514,331
Pelaburan kewangan		**(1,929,997)**	(856,957)	**(1,929,997)**	(861,305)
Bayaran balik pembiayaan kepada syarikat subsidiari (bersih)		**-**	-	**126,100**	88,244
Dividen dari syarikat bersekutu		**37,460**	39,452	**31,713**	22,652
Perbezaan tukaran wang asing		**(3,239)**	(39,052)	**4,124**	(22,263)
Kos kewangan		**(3,111)**	(5,777)	**-**	-
Tunai bersih (digunakan)/diperoleh dalam aktiviti pelaburan		**(5,306,276)**	333,179	**(4,942,683)**	522,984

19667-PENYATA ALIRAN TUNAI - FA.indd 136 18/6/09 4:10:44 AM

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 *(sambungan)*

		KUMPULAN		LEMBAGA TABUNG HAJI	
		2008	2007	**2008**	2007
	Nota	**RM'000**	RM'000	**RM'000**	RM'000
Aliran tunai dari aktiviti kewangan					
Terbitan saham kepada pemegang saham minoriti		**2,268**	3,628	**-**	-
Terimaan daripada pembiayaan jangka panjang		**59,839**	55,421	**-**	-
Pembayaran balik pinjaman		**(363)**	(11,857)	**-**	-
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti		**(19,101)**	(7,144)	**-**	-
Kumpulan wang simpanan pendeposit		**3,493,356**	2,339,817	**3,493,356**	2,339,817
Pembayaran pajakan kewangan		**(11)**	(48)	**-**	-
Tunai bersih diperoleh dari aktiviti kewangan		**3,535,988**	2,379,817	**3,493,356**	2,339,817
(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai		**(1,754,062)**	2,291,203	**(1,655,525)**	2,262,241
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari		**5,085,711**	2,674,441	**4,741,991**	2,359,683
Penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai TKJHM		**6,005**	120,067	**6,005**	120,067
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember		**3,337,654**	5,085,711	**3,092,471**	4,741,991
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:					
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen					
- di Malaysia		**3,049,504**	4,429,554	**2,925,054**	4,338,563
- di luar Malaysia		**-**	164,717	**-**	156,640
Baki tunai dan di bank		**291,150**	494,440	**167,417**	246,788
Tunai dan bersamaan tunai	20	**3,340,654**	5,088,711	**3,092,471**	4,741,991
Overdraf bank	25	**(3,000)**	(3,000)	**-**	-
		3,337,654	5,085,711	**3,092,471**	4,741,991

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 138 hingga 185 merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

19667-PENYATA ALIRAN TUNAI - FA.indd 137
18/6/09 4:10:44 AM

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Tabung Haji ("LTH") ialah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Aktiviti utama LTH adalah menjalankan pengurusan segala operasi haji, menerima dan mengurus wang simpanan daripada para pendeposit, memegang pelaburan dan penyewaan bangunan. Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam aktiviti utama yang dijalankan pada sepanjang tahun kewangan.

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 ini telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 14 April 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas perakaunan

(i) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan LTH telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") bagi Entiti Selain Entiti Persendirian yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan prinsip perakaunan diterima pakai umum di Malaysia yang diselaras menurut prinsip-prinsip Syariah.

Piawaian-piawaian perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan LTH adalah konsisten dengan tahun sebelumnya.

Beberapa jumlah perbandingan telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

(ii) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan LTH telah disediakan berdasarkan kovensyen kos sejarah.

(iii) Mata wang fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsian Kumpulan dan LTH. Kesemua jumlah kewangan dinyatakan dalam RM dan telah dibundarkan ke jumlah ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(iv) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar barangkali berbeza daripada anggaran berkaitan.

Anggaran dan andaian asas adalah dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 138 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(b) Asas penyatuan

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di bawah kawalan Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan tujuan untuk mendapat manfaat daripada aktiviti syarikat tersebut. Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh kawalan berkuat kuasa sehingga ke tarikh kawalan tamat. Syarikat subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikeluarkan daripada penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara atau jika syarikat subsidiari diambil alih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa terdekat dan tidak pernah disatukan atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk menyalurkan dana kepada Kumpulan. Syarikat subsidiari yang dikeluarkan atas alasan ini diambil kira sebagai pelaburan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari dikira sebagai muhibah atau rizab penyatuan, yang mana bersesuaian.

Mengikut kaedah pegambilalihan perakaunan, kedudukan kewangan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual pada sesuatu tahun kewangan diambil kira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini diambil kira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urus niaga dan baki antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dan sebarang keuntungan belum realis yang terbit daripada urus niaga tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian belum realis yang terhasil daripada urus niaga dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperoleh semula.

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah syarikat dalam mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, atas dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambil kira jumlah keuntungan dan kerugian dalam syarikat bersekutu dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan bermula dari tarikh pengaruh penting wujud secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan belum realis yang wujud daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat bersekutu yang termasuk dalam nilai aset dan liabiliti yang dibawa, sebahagiannya dihapuskan mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum realis daripada urus niaga sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak dapat diperoleh semula.

Muhibah dari penyatuan dikira berdasarkan nilai saksama aset bersih yang diambil alih.

(d) Entiti dikawal bersama

Entiti dikawal bersama adalah satu perjanjian yang diikat yang mana Kumpulan dan pihak-pihak lain mempunyai kawalan bersama ke atas entiti ekonomi.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 139 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(d) Entiti dikawal bersama *(sambungan)*

Bagi kepentingan dalam entiti dikawal bersama, Kumpulan mengguna pakai kaedah ekuiti untuk mengambil kira kepentingannya dalam entiti dikawal bersama.

Keuntungan atau kerugian belum realis yang wujud daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat-syarikat usahasama hanya diiktiraf mengikut kadar keuntungan atau kerugian yang menyumbang kepada kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut. Kerugian belum realis diiktiraf secara penuh apabila urus niaga itu menunjukkan pengurangan dalam nilai boleh realis bersih aset semasa atau kerugian rosot nilai.

(e) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos atau penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Hartanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai buku dengan nilai boleh realis bersih.

Lebihan yang wujud daripada penilaian semula diambil kira dalam rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul selepas penilaian tersebut dihapuskan dalam rizab penilaian semula terhad kepada lebihan yang wujud bagi aset yang sama pada penilaian terdahulu. Di dalam keadaan lain, penurunan dalam nilai dibawa akan dikenakan ke penyata pendapatan.

Susut nilai

(i) Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak dilunaskan. Kaedah garis lurus digunakan untuk susut nilai aset-aset lain sepanjang tempoh usia guna mengikut kadar tahunan berikut:

Bangunan	
- Kilang kelapa sawit	2%
- Lain-lain	2% - 20%
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	14% - 15%
Jentera, loji, kelengkapan dan kenderaan	10% - 25%

(ii) Kos ladang merangkumi kesemua perbelanjaan pembangunan dan penanaman ladang yang berkaitan dan dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berdasarkan usia guna dan anggaran keluaran tahunan.

(f) Pajakan prabayar

Pajakan yang mana Kumpulan dan LTH menanggung kebanyakan risiko dan ganjaran pemilikan aset adalah pajakan kewangan. Aset yang diperoleh melalui pajakan kewangan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dengan nilai kini bagi pembayaran minima pada tarikh permulaan pajakan tersebut, ditolak susut nilai terkumpul.

Untuk mengira nilai kini bayaran minima pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat di dalam pajakan; sekiranya praktikal, jika tidak, kadar tambahan pembiayaan Kumpulan akan digunakan.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 140 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(f) Pajakan prabayar *(sambungan)*

Tanah milik pajak yang mempunyai usia guna ekonomi serta hak milik yang terbatas dan dijangka akan diserahkan kepada pemegang pajak pada akhir tempoh pajakan diambil kira sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat atas kemasukan atau pemerolehan sesuatu tanah milik pajak diambil kira sebagai pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan bersesuaian dengan bentuk manfaat yang diterima kecuali tanah milik pajak yang diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan.

Sebelum ini, Kumpulan telah mengklasifikasi sesuatu tanah milik pajak sebagai pajakan kewangan dan telah mengiktiraf jumlah pajakan prabayar sebagai hartanah dalam lingkungan hartanah, loji dan peralatan. Apabila FRS 117 Pajakan diterima pakai, Kumpulan mengambil kira pajakan berkenaan sebagai pajakan operasi dengan nilai bawaan yang belum dilunaskan diklasifikasi sebagai pajakan prabayar bersesuaian dengan peruntukan peralihan FRS 117.67A.

Pelunasan

(i) Hak guna tanah dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun dan dalam tempoh antara 30 hingga 97 tahun.

(ii) Tanah milik pajak dilunaskan mengikut kadar yang sama setiap tahun sepanjang tempoh pajakan antara 20 hingga 999 tahun.

Tanah milik pajak jangka panjang bagi salah satu syarikat subsidiari telah dinilai semula buat pertama kalinya oleh para Pengarah dalam tahun 1992 berdasarkan nilai pasaran semasa untuk tujuan usahasama. Para Pengarah berpendapat bahawa polisi perakaunan yang wajar untuk tanah milik pajak jangka panjang yang digunakan untuk perladangan kelapa sawit tersebut adalah pada nilai kos. Dengan itu, penilaian semula dalam tahun 1992 adalah dianggap sebagai kos.

(g) Perbelanjaan pembangunan ladang

Semua perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan ladang kelapa sawit dan ladang jati telah dikumpulkan sebagai perbelanjaan pembangunan ladang. Bagi ladang kelapa sawit, syarikat subsidiari akan melunaskan perbelanjaan ini apabila dipermodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang apabila ladang mula mengeluarkan hasil sepenuhnya. Perbelanjaan pembangunan ladang untuk ladang jati pula akan dilunaskan dengan sepenuhnya apabila kerja-kerja pembalakan bermula.

(h) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah tanah dan bangunan pejabat yang dipegang untuk memberi pulangan sewa atau peningkatan nilai aset atau kedua-duanya dan tidak didiami secara ketara oleh Kumpulan dan LTH. Ini adalah termasuk tanah yang dipegang yang masih tidak dapat ditentukan kegunaannya pada masa hadapan. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos ditolak susut nilai/pelunasan dan rosot nilai terkumpul sejajar dengan polisi perakaunan bagi hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan berkaitan. Kadar dan kaedah susut nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2(e)(i). Apabila sesuatu pelaburan hartanah dijual, perbezaaan antara nilai buku dengan harga jualan bersih direkodkan sebagai keuntungan atau kerugian dalam penyata pendapatan.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 141 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(i) Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam saham tercatat dan saham tidak tercatat dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam sekuriti hutang Islam yang dipegang untuk tempoh jangka panjang dinyatakan pada kos (diselaras dengan pelunasan terhadap premium dan tambahan terhadap diskaun dengan kaedah kadar tetap efektif hingga tarikh matang), tolak elaun rosot nilai. Elaun rosot nilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

(j) Aset tak ketara

Muhibah

Muhibah merupakan lebihan kos pengambilalihan atas nilai saksama aset bersih yang diambil alih. Muhibah atas penyatuan disemak secara tahunan untuk mengenal pasti penjejasan nilai muhibah tersebut. Sebarang penjejasan yang dikenal pasti dicaj terus kepada penyata pendapatan.

(k) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal. Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasi sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosot nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasi sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh pusingan operasi yang normal.

Kos berkaitan dengan pembelian tanah adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

(l) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 142 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(l) Kos pembangunan hartanah *(sambungan)*

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh pusingan operasi yang normal selama 2 hingga 3 tahun diklasifikasi sebagai aset semasa. Kos umum diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sedia ada diklasifikasi sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh diperoleh.

Lebihan pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas jumlah yang dituntut daripada pembeli dinyatakan sebagai bil terakru dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, manakala lebihan jumlah yang dituntut daripada pembeli ke atas jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan dinyatakan sebagai bil kemajuan dalam pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang.

(m) Perbelanjaan tertunda

Perbelanjaan tertunda adalah belanja yang diperuntukkan untuk pembaikan dan pemeliharaan persekitaran dan akan menambah manfaat kawasan persekitaran. Perbelanjaan tertunda ini akan dilunaskan secara garis lurus untuk tempoh 3 tahun.

(n) Penjejasan aset

Nilai dibawa bagi aset-aset Kumpulan dan LTH selain hartanah pembangunan, inventori, aset cukai tertunda, aset yang wujud daripada kontrak pembinaan, aset kewangan (selain pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama) dan aset yang dipegang untuk dijual, disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk akan adanya penjejasan nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, jumlah boleh diperoleh akan dianggarkan. Penjejasan aset akan diiktiraf apabila nilai dibawa bagi aset atau unit yang menghasilkan aliran tunai melebihi jumlah boleh diperoleh. Kerugian terjejas diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sebarang pertambahan dalam jumlah boleh diperoleh diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jumlah boleh diperoleh adalah jumlah yang lebih besar antara harga jualan bersih aset tersebut berbanding nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, jangkaan nilai tunai hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus aset tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunai yang tersendiri, jumlah boleh diperoleh ditentukan melalui unit yang menghasilkan aliran tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset lain kerugian terjejas diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh.

Kerugian terjejas hanya akan diambil kira semula jika terdapat perubahan dalam anggaran untuk jumlah boleh diperoleh dan hanya akan diambil kira semula ke tahap nilai dibawa bagi aset tersebut dan tidak melebihi nilai dibawa jika tiada kerugian terjejas diiktiraf, setelah ditolak susut nilai atau pelunasan.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 143 18/6/09 4:11:29 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(o) Inventori

(i) Pembangunan hartanah

Hartanah yang telah siap dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh diperoleh. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalan khusus dan termasuk kos tanah, semua kos langsung bangunan dan lain-lain kos pembangunan yang berkaitan.

(ii) Lain-lain inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai realis bersih dengan menggunakan kaedah purata wajaran sebagai asas utama pengiraan kos.

Kos bagi stok barangan minyak sawit mentah ditentukan dengan menggunakan asas purata timbangan dan untuk stok pengeluaran, ianya menggunakan purata timbangan kos pengeluaran di ladang dan termasuk caj-caj pengilangan, pemprosesan dan pengangkutan, yang mana sesuai.

Barang-barang stor dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang diinvois oleh pembekal.

Tapak semaian dinyatakan pada kos. Kos merupakan perbelanjaan penanaman dan penyelenggaraan anak pokok kelapa sawit sebelum dipindahkan ke ladang.

(p) Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak

Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak bagi kontrak pembinaan dinyatakan pada kos ditambah keuntungan yang diperoleh, ditolak kerugian yang dijangka dan ditolak bil kemajuan. Kos yang diambil kira termasuk semua kos pembinaan langsung dan lain-lain kos yang berkaitan. Apabila bil kemajuan melebihi jumlah yang terhutang daripada pelanggan kontrak ditambah keuntungan yang diperoleh dan ditolak kerugian yang dijangka, baki kredit bersih dalam setiap kontrak tersebut ditunjukkan dalam pelbagai pemiutang sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak.

(q) Cukai

LTH dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 hingga tahun taksiran 2011.

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan yang boleh dicukai terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan cukai pendapatan berbayar berdasarkan keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan setakat terdapatnya kemungkinan akan adanya keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak memberikan kesan kepada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 144 18/6/09 4:11:30 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(q) Cukai *(sambungan)*

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan.

(r) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan dan LTH. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang akan meningkatkan kelayakan kakitangan ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan LTH membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan apabila ia dibayar.

(iii) Manfaat jangka panjang

LTH menerima pakai FRS119 - Manfaat Pekerja iaitu bayaran manfaat anggota jangka panjang serta dibayar selepas persaraan perlu diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan dalam lembaran imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Pelan Manfaat Persaraan.

Liabiliti berkenaan pelan manfaat persaraan adalah nilai kini pelan manfaat persaraan pada tarikh lembaran imbangan. Pelan ini merangkumi semua anggota bertaraf tetap di LTH yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran manfaat persaraan kepada anggota adalah berdasarkan gaji terakhir dan tempoh perkhidmatan. Kos manfaat persaraan ini dibuat ke penyata pendapatan untuk menalarkan kos ke atas tempoh perkhidmatan anggota di LTH dan berdasarkan penilaian aktuari.

Pengiraan kos manfaat persaraan dilaksanakan oleh aktuari bertauliah untuk kali kedua pada 9 Disember 2008 berdasarkan "Projected Unit Credit Method". Faktor yang diambil kira adalah anggaran aliran tunai masa hadapan, kadar hasil pasaran sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang yang hampir bersamaan dengan tempoh liabiliti berkaitan pada tarikh lembaran imbangan.

Jenis-jenis manfaat persaraan jangka panjang yang diiktiraf secara akruan ini adalah seperti berikut:

i. Manfaat perubatan pesara;
ii. Bayaran *"award"* cuti rehat tahunan pesara;
iii. Bayaran gratuiti kepada kakitangan yang bekerja di Jeddah, Arab Saudi yang tamat tempoh perkhidmatan; dan
iv. Bayaran pakej haji untuk pesara.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 145 18/6/09 4:11:30 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(r) Manfaat pekerja *(sambungan)*

(iii) Manfaat jangka panjang *(sambungan)*

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

i. Kadar inflasi ialah 5% - 7% setahun;
ii. Kadar diskaun ialah pada 6% - 12% setahun; dan
iii. Kadar kenaikan gaji 6% - 11% setahun.

Polisi Kumpulan adalah melaksanakan penilaian aktuari setiap 3 tahun.

(s) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan LTH mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lepas dan ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

(t) Pendapatan tertunda

Pemberian langsung oleh kerajaan berkaitan dengan pembelian dan pembinaan aset serta untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit adalah dikategorikan dalam liabiliti jangka panjang sebagai pendapatan tertunda.

(i) Pembangunan ladang

Pendapatan tertunda bagi pembangunan ladang adalah bantuan kerajaan yang digunakan untuk perbelanjaan penanaman semula kelapa sawit dan ianya dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Ianya dilunaskan dalam tempoh 21 hingga 25 tahun berasaskan anggaran keluaran tahunan apabila perbelanjaan penanaman semula dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan sebagai kos ladang (Nota 2(e)(ii)) kepada penyata kewangan.

(ii) Kumpulan wang pembangunan

Pendapatan tertunda bagi kumpulan wang pembangunan adalah pemberian langsung oleh kerajaan untuk projek-projek pembinaan Kompleks Jemaah Haji dan dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul. Kos ini dilunaskan dalam tempoh 50 tahun berdasarkan anggaran usia guna Kompleks Jemaah Haji berkenaan.

19667-NOTA2 KPD PENYATA KEWANGAN - FA.indd 146 18/6/09 4:11:30 AM

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING *(sambungan)*

(u) Mata wang asing

(i) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran asing yang timbul akibat terjemahan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti bukan kewangan pada nilai mata wang asing yang dinyatakan pada kos sejarah diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga tersebut.

(ii) Penyata kewangan operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing, termasuk muhibah dan nilai saksama yang telah diselaraskan dalam penyatuan, diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh lembaran imbangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemah ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran untuk sepanjang tahun. Perbezaan tukaran asing yang timbul dari terjemahan operasi asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

Kadar penutup yang digunakan dalam terjemahan aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing adalah seperti berikut:

1 Rial Saudi	RM0.92	(2007: 1 Rial Saudi	RM0.88)
1,000 Rupiah Indonesia	RM0.32	(2007: 1,000 Rupiah Indonesia	RM0.35)
1 Dolar Amerika	RM3.46	(2007: 1 Dollar Amerika	RM3.31)

(v) Pendapatan

(i) Pendapatan dari pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen telah diiktiraf dan disahkan oleh syarikat pelaburan.

Keuntungan atas Sekuriti Hutang Islam, Pembiayaan dan Bon Islam, simpanan di pasaran wang dan pendapatan sewa diambil kira atas dasar terakru.

Pendapatan daripada sumber bukan mengikut Syariah tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan, sejajar dengan garis panduan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

(ii) Barangan jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barangan dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hak milik telah dipindahkan kepada pembeli.

